



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 20

Khamis

16 Ogos 2018

K A N D U N G A N

| | | |
|-----------------------------------------------------------------------------|----------|------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 11) |
| USUL-USUL: | | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman | 43) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | | |
| Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 | (Halaman | 43) |
| Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018 | (Halaman | 140) |
| Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 | (Halaman | 162) |
| USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3): | | |
| - Menyiasat Semula Penyelewengan dan Skandal 1MDB | (Halaman | 171) |
| USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 86(5): | | |
| - Penyata Jawatankuasa Dewan | (Halaman | 199) |

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 16 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah tindakan atau inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kementerian terhadap 13,700 orang pengasuh kanak-kanak yang berusia kosong hingga 4 tahun yang berdaftar tetapi masih tidak memenuhi kelayakan minimum lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal PERMATA (KAP) ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong bertanya soalan yang menjadi isu hangat sekarang ini. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memastikan perkhidmatan yang berkualiti di taman asuhan kanak-kanak. Taska ini dikendalikan oleh pengusaha dan pengasuh terlatih. Untuk makluman, industri pengasuhan merupakan satu industri baru, *new industry* yang masih belum berkembang dengan sempurna. Hal ini didorong oleh cita rasa dan kemampuan ekonomi keluarga terhadap perkhidmatan menyebabkan permintaan dan penawaran dalam pasaran industri ini kurang memuaskan.

Oleh yang demikian, kebanyakan pengasuh sanggup menerima bayaran gaji yang rendah sementara menunggu tawaran bekerja yang lebih baik. Sehingga Jun 2018, terdapat seramai 16,873 orang pengasuh yang berkhidmat di taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah itu, seramai 13,700 orang pengasuh tidak memenuhi syarat minimum yang disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya kadar tukar ganti atau *turn over* yang tinggi dalam kalangan pengasuh. Sebagai contoh, seramai 5,720 orang telah lulus KAP, kursus itu pada tahun 2013.

Walau bagaimanapun hanya 2,171 orang sahaja yang masih kekal di dalam industri pengasuhan kanak-kanak sehingga kini. Satu lagi faktor adalah Peraturan 14(3) Peraturan-peraturan Taska 2012 memberi tempoh 12 bulan setahun kepada pengasuh untuk melengkapkan KAP. Dengan mengambil kira *turn over* yang tinggi di dalam kalangan pengasuh, kementerian menjangkakan daripada 13,700 orang tersebut, kebanyakannya merupakan pengasuh yang baru berkecimpung dalam industri ini.

Bagi memastikan lebih ramai pengasuh menghadiri KAP, kementerian telah melaksanakan:

- (i) KAP Massive Open Online Courses secara atas talian dengan kerjasama JKM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris Holdings Sdn. Bhd. yang mempunyai waktu pembelajaran fleksibel dengan yuran khas yang lebih murah iaitu RM500 berbanding dengan RM900;
- (ii) mengiktiraf lebih banyak agensi latihan yang mengendalikan latihan pengasuhan bertauliah (KAP); dan
- (iii) memperhalusi Akta Taman Asuhan Kanak-kanak untuk mewajibkan semua pengasuh kanak-kanak mempunyai syarat kelayakan dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, termasuk pengasuh di rumah yang akan mengikuti kursus khas berkaitan kemahiran pengasuhan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian komited dengan memastikan semua pengasuh kanak-kanak akan berkelayakan dan memberikan perkhidmatan berkualiti agar keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di taska sentiasa terjamin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong untuk mengemukakan soalan tambahan pertama dalam tempoh 30 saat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Terima kasih di atas jawapan pada pagi ini. Jadi, apakah usaha-usaha kerajaan dalam usaha untuk memutihkan pusat-pusat asuhan yang masih tidak berdaftar ini? Adakah kementerian bersedia untuk mewujudkan satu jabatan khusus untuk pengurusan kanak-kanak, di mana aspek pengasuhan dan taska yang terdiri daripada perancangan sehinggalah penilaian ini diletakkan di bawah entiti ini agar ia menjadi lebih sistematik dan juga lebih strategik? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, jawab dalam tempoh 2 minit 30 saat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Memang satu cadangan yang baik dan bernas. Namun, apa yang ada sekarang ini kita mesti juga jaga kebajikan kanak-kanak di taska-taska yang ada sekarang, yang telah dibuka sekarang. Kita hendak melihat bahawa kualiti ini terjaga dan bagaimana apa yang ada sekarang. Itu masa depan mungkin kita boleh buat perancangan yang lebih terperinci dan supaya kita boleh mengambil maklum bagaimana kita boleh memperbaikinya. Akan tetapi sekarang ini dalam menjaga taska-taska yang ada ini, kita ada menjalankan pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut ke taska-taska yang diberi kepada pegawai diberi kuasa taska daerah. Bagi memastikan taska yang dikendalikan oleh pengusaha mereka mematuhi syarat-syarat yang digariskan dalam akta dan peraturan.

Perkara lain, kalau tindakan-tindakan yang kita boleh ambil ini untuk menentukan bahawa taska-taska ini ikut *level* kualiti itu, tahap kualiti yang kita mahukan untuk jaga anak-anak kita. Kita juga ada arahan bertulis kalau ada apa-apa didapati tidak betul. Juga kita tutup sementara, batalkan pendaftaran atau kita sita, kompaun dan menjalankan pendakwaan di mahkamah.

■1010

Namun kita tahu bahawa kita nak imbangkan, kalau tidak ada taska atau taska itu tutup dan *business* taska itu sendiri akan terjejas. Satu lagi apabila ibu bapa nak hantar, kat mana? Sebaik mungkin kita hendakkan taska-taska ini memberi kualiti pendidikan ataupun penjagaan kepada asuhan anak-anak kita. Kita juga ada sarankan kalau boleh kita ada pemantauan dengan CCTV yang diletakkan sebagai syarat untuk membuka taska. Namun ini adalah juga masalah sebagaimana saya bercakap dan berbincang dengan pegawai-pegawai dan juga agensi-agensi yang berkenaan, katanya CCTV siapa yang memantau, siapa yang pasang, siapa yang tengok dan siapa yang mengambil maklum semua ini. Begitu juga bagaimana kita nak letakkan, di mana, di ruang mana untuk kita ada lebih lagi menyeluruh untuk memantau taska-taska ini. Banyak juga taska-taska kalau umur 0-4 tahun itu tidak dinamakan sebagai taska. Jadi itu kita terlepaslah sikit daripada pemantauan. Terima kasih.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: *[Bangun]*

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: *[Bangun]*

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat. Jawapan yang begitu tepat dan jelas. Di sini

saya ingin tambahkan satu soalan saya yang berbunyi, semakin banyak kes penderaan terhadap kanak-kanak di pusat asuhan meskipun pelbagai langkah pencegahan yang telah diambil oleh kerajaan mengetatkan syarat untuk pengusaha pusat asuhan. Namun masih tetap berlaku banyak kejadian penderaan. Apakah langkah lebih efektif yang akan diambil oleh kerajaan? Sebagai contoh, pemasangan CCTV di pusat asuhan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Selangor. Saya ingat memanglah apa yang dikatakan pemantauan yang lebih ketat apabila adanya masalah-masalah dan tragedi-tragedi yang berlaku di taska-taska yang telah beroperasi dan sesetengah taska itu apabila terjadinya tragedi itu barulah kita dapat dia dalam radar pemantauan. Jadi apa yang kita hendak lakukan adalah mereka yang tidak berdaftar itu kita adakan, kalau di Selangor saya kira ada satu langkah memberikan khidmat latihan asas kepada pengasuh-pengasuh atau siapa-siapa yang nak jadi pengasuh itu dan dibayar oleh kerajaan negeri. Itu yang berlaku dan hanya tiga hari sahaja kursus itu berjalan kalau dibandingkan sekarang ini setahun KAP yang diberikan.

Jadi kalau kita boleh ramai lagi yang ingin menjadi pengasuh juga mendapatkan insentif untuk menjadi pengasuh itu dan juga kalau boleh kita hendakkan *turn over* itu dikurangkan supaya ada tarikan untuk menjadi pengasuh sebab memang menjadi pengasuh ini adalah satu kerja yang berat, yang renyah, yang memerlukan banyak kesabaran dan juga kalau kita tidak ada pemantauan, itu menyebabkan apa yang berlaku. Macam baru-baru ini, walaupun taska itu dah 11 tahun beroperasi, namun berlaku juga masalah penderaan terhadap kanak-kanak yang dijaga. Juga kalau boleh kepekaan mereka yang sekeliling taska itu mengambil kira bahawa kita mesti memantau dengan lebih baik lagi sebab kalau kementerian tidak boleh memantau dan tidak mampu memantau banyak lagi taska tetapi orang sekeliling dan ibu bapa juga mesti mengambil tanggungjawab yang lebih untuk memantau bagaimana taska itu menjalankan pendidikan atau asuhan terhadap anak-anak mereka. Terima kasih.

2. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kes secara terperinci *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD) di Sarawak dan langkah-langkah pencegahan yang telah dilakukan termasuk apakah kriteria yang digunakan untuk menilai sama ada sebuah taska atau tadika perlu ditutup disebabkan penyakit ini.

Menteri Kesihatan [Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad]: Terima Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Dari 1 Januari hingga 14 Ogos 2018, bilangan kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut ataupun HFMD yang dilaporkan di seluruh negara adalah berjumlah 51,147 kes. Negeri Sarawak menyumbang sebanyak 6,209 kes atau 12.1 peratus sahaja daripada keseluruhan kes HFMD di Malaysia ini.

Daripada 6,209 kes HFMD di Sarawak ini, majoriti kes dilaporkan dari bahagian Kuching dengan jumlah 1,387 kes ataupun 22.3 peratus bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 14 Ogos 2018. Satu kematian yang dilaporkan di Sarawak melibatkan seorang kanak-kanak berumur 27 bulan dari daerah Mukah, tidak silap saya Kampung Pangtrei, Daro daerah Mukah. Kes meninggal pada 28 Julai 2018, kakaknya juga mempunyai gejala HFMD tetapi telah sihat tanpa komplikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta telah mengadakan pelbagai aktiviti pencegahan, promosi kesihatan dan kawalan secara bersepadu bagi mengekang penularan jangkitan HFMD ini. Di antaranya adalah seperti:

- (i) meningkatkan aktiviti promosi dan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan HFMD kepada pengusaha-pengusaha dan guru-guru taska, tadika, tabika dan prasekolah melalui *town hall meeting* dan lawatan ke premis-premis di peringkat negeri, daerah dan mukim. Penekanan diberikan kepada lima perkara utama. Penjagaan kebersihan diri, amalan mencuci tangan yang betul, penjagaan kebersihan persekitaran, saringan di pintu masuk (*premise gatekeeping screening*) dan infeksi permukaan yang tercemar;
- (ii) aktiviti pendidikan kesihatan juga dilaksanakan melalui sesi ceramah, perbincangan kumpulan kecil, taklimat nasihat individu, tunjuk cara atau demonstrasi dan sebagainya dan kenyataan-kenyataan akhbar, hebahan melalui TV, radio dan media;
- (iii) memperkukuhkan *surveillance* kes-kes HFMD dengan komplikasi dan *surveillance virus* dalam kalangan kes; dan
- (iv) bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan membuat tindakan susulan berhubung pengawalan kebersihan di taman-taman permainan, *indoor playground* dan pasar raya.

Penutupan taska, tadika, tabika atau sekolah-sekolah dilakukan sekiranya berlaku wabak HFMD di premis tersebut. Kejadian dikatakan wabak sekiranya terdapat

dua atau lebih kes di premis tersebut dalam tempoh inkubasi HFMD kurang lebih tujuh hari atau seminggu. Penutupan premis akan dilakukan untuk tempoh 10 hari daripada tarikh *on set case* HFMD terakhir dikesan di premis yang sama. Premis yang dimaksudkan adalah premis merujuk kepada kelas di mana-mana pun kes-kes tersebut dikesan. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kementerian Kesihatan mendapat jumlah kes di sesebuah taska ataupun tadika? Adakah laporan dibuat oleh *person in charge* taska tersebut atau laporan dari hospital atau klinik berdekatan?

Satu lagi soalan tetapi ini bukan asas pokok tetapi boleh bagi jawapan bertulis. Saya menerima berita bahawa MOH telah membekukan skim beberapa syarikat farmaseutikal untuk ubat-ubatan yang tak ada dalam buku biru. Jadi banyak pesakit kanser tak dapat ubat seperti Glivec, mereka tak mendapat ubat tersebut. Apakah rancangan Kementerian Kesihatan untuk skim tersebut?

Dr. Hj Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kuching. Adapun yang dimaksudkan dengan bagaimana jumlah dan statistik itu dikumpulkan, ia adalah daripada laporan-laporan yang kita terima, pemantauan yang berterusan dan ketika mana kita sebenarnya punyai statistik-statistik ini, daripada laporan kes di hospital dan juga ketika kita turun untuk mengenal pasti kes-kes tersebut andainya kes itu mempunyai risiko-risiko yang agak tinggi contohnya kita telah menutup enam buah taska, dua buah sekolah tadika, satu kelas dari satu-satu sekolah. Penutupan sekolah itu juga kita lakukan bukan seluruhnya sekolah itu tetapi kelas-kelas yang terdapat epidemik itu.

■1010

Jadi, ini dengan kata lain kita punya statistik yang langsung daripada kes-kes epidemik itu dan kita tidak pantau ini dengan cara yang lebih dekat dan kita pantau seterusnya bagi memastikan bahawa setelah itu boleh diangkat penutupan-penutupan sekolah-sekolah ataupun premis-premis prasekolah, tadika dan tabika itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, terima kasih. Sekarang saya...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan kedua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang untuk soalan tambahan yang kedua dalam tempoh masa 30 saat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan, sejauh mana kesan jangka pendek ataupun jangka panjang terhadap kanak-kanak yang mengidap HFMD ini. Terima kasih.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Kes penyakit tangan, kaki dan mulut ini *alhamdulillah* berkebetulan di negara kita ini tidaklah seperti *virulent*, dengan izin ataupun seperti *virulent* ini maksudnya adalah dahsyat ataupun ganas. Dia tidak seganas mana yang diperhatikan di negara-negara seperti China contohnya. Di negara China, sehinggakan negara China punya vaksin untuk menangani kes HFMD mereka kerana dari sudut mortaliti, kematian adalah jauh lebih tinggi. Justeru kerana kes-kes HFMD negara seperti China adalah akibat daripada virus yang jenisnya EV71 yang pernah berlaku di negara kita tahun 1997, di mana berlaku kematian seramai tujuh kanak-kanak pada tahun 1997.

Adapun apa yang sedang berlaku hari ini dalam epidemik yang sedang berlaku di seluruh di negara kita ini, kita kesani ianya adalah rata-ratanya di sebabkan oleh virus Cocksackie dan bukan virus EV71. Adapun saya mesti mengakui kes yang berlaku kematian di Sarawak dan juga di Pulau Pinang adalah justeru kerana virus EV7. Ini telah dikesani secara kaedah VCR dan juga kaedah melakukan *culture*, dengan kaedah *culture*, dengan izin.

Lalu untuk menjawab lebih khusus lagi kepada soalan Yang Berhormat, itulah sebabnya. Andainya kita jaga lima perkara tadi ya, kes HFMD ataupun penyakit kaki, tangan dan mulut di negara kita ini tidaklah sedahsyat dan seganas di negara-negara seperti yang saya sebutkan tadi. Lalu, penjagaan lima perkara itu adalah sangat penting. Lima perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah penting untuk khususnya pengusaha-pengusaha tadika dan tabika ini supaya antara lainnya penjagaan kebersihan diri, amalan mencuci tangan yang betul, *gatekeeping*, menjaga pintu masuk. Kalau ada gejala pada kanak-kanak, jangan diizinkan masuk. Itu yang menjadi penting di samping disinfeksi pada permukaan, semua permukaan-permukaan yang tercemar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Untuk pertanyaan Menteri yang ketiga, saya jemput Yang Berhormat SibU kemukakan soalan dalam tempoh satu minit.

3. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk menyelesaikan isu warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen yang berniaga di Sarawak terutamanya SibU.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat SibU kerana mengangkat soalan ini yang hanya bukan terkongkong di Sarawak dan SibU, juga berleluasa di seluruh negara. Namun demikian, kementerian KPKT telah membuat satu pekeliling yang tidak membenarkan warga asing menjalankan perniagaan kecil dan kedai runcit dan semua permit dan lesen tidak dibenarkan untuk dikeluarkan kepada warga asing, hanya kepada warganegara Malaysia sahaja. Di samping itu juga, pada 30 Jun 2008, pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil kita sudah buat satu *regulation* ataupun satu *guideline* (panduan), Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Kedua, pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa. Ketiga, tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan kepada warga asing. PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta-merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu.

Dalam konteks SibU, Majlis Perbandaran SibU, kita ada keluaran satu *Urban District Council (Markets) By-Laws* yang mana di situ MPS boleh mengambil tindakan rampasan dan sitaan serta kompaun kepada warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah ini. MPS juga boleh mengambil butiran peniaga rakyat asing tersebut dan menghantar terus kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan seterusnya.

Selain itu, untuk bagi membendung perkara ini terus berleluasa, Majlis Perbandaran SibU juga sentiasa bekerjasama dengan pihak polis, PDRM dan Jabatan Imigresen untuk melaksanakan operasi secara bersepadu. Dari peringkat KPKT saya juga ingin mengingatkan kepada semua PBT ya, yang terlibat khususnya pada hari ini adalah Majlis Perbandaran SibU agar meningkatkan penguatkuasaan dari segi membendung gejala atau berleluasanya peniaga-peniaga kecil daripada warga-warga asing. Jadi penguatkuasaan itu juga penting dalam mengatasi perkara ini. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah nampaknya begitu banyak warga asing yang datang ke Malaysia untuk buat perniagaan mereka di sini. Mereka bersaing dengan peniaga-peniaga tempatan mengakibatkan kebanyakan peniaga-peniaga tempatan menghadapi kerugian. Jadi mereka ini datang sini berniaga, adakah mereka, bagaimana kadar tindakan akan diambil oleh kerajaan untuk mengawal? Adakah mereka bayar cukai di Malaysia? Ini kerana kebanyakan ini memang tidak bayar cukai. Bagaimana memastikan mereka membayar cukai. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Sibu, saya ingat isu fasal bayar cukai tidak timbul kerana pada *in the first place* dengan izin *they are not allowed to* berniaga, *they are not allowed to conduct businesses*. Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk melihatkan bagaimana cara ke depan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menguruskan kedatangan warga asing di dalam negara kita yang pengurusannya agak longgar ketika ini. Jadi di antara isu-isu yang kementerian terlibat adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan juga KPKT juga terlibat. Jadi dalam aspek ini *insya-Allah* kita akan melihatkan punca-punca masuk, kawalan imigresen, kawalan polis dan sebagainya memainkan peranan penting dalam mengawal kedatangan warga asing ini.

Begitu juga bila satu modul yang akan kita keluarkan, *regulations* ataupun panduan akan keluarkan daripada mesyuarat *committee* untuk bagaimana kita menguruskan warga asing yang datang ke negara ini sama ada mereka boleh bekerja atau tidak boleh bekerja. Kalau berniaga, berniaga macam mana? Itu adalah perkara yang akan kita bincangkan dan ada *proper guideline* yang lebih jelas dan lebih *clear* agar mereka tahu apa yang mereka boleh buat dan apa yang mereka tidak boleh buat dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jelebu untuk mengemukakan soalan tambahan kedua dalam masa tiga puluh saat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma secara ringkasnya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya masalah penglibatan warga asing sebagai tauke kedai ini adalah merupakan masalah yang sangat serius sekarang. Walaupun Yang Berhormat Menteri sudah bagi tahu bahawa permit tidak dikeluarkan kepada warga asing. Masalahnya Yang Berhormat Menteri, tauke kedai, alasan yang diberikan oleh pekerja asing ialah mereka adalah pekerja. Walhal mereka itu sebenarnya adalah tauke. Ini adalah merupakan masalah yang berlaku di mana-

mana tempat dan apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa permit itu tidak disubconkan kepada pekerja-pekerja asing ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, dua minit 30 saat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya sudah jawab tadi undang-undang sudah ada, tidak boleh dikeluarkan permit kepada warga asing, tidak boleh beri lesen kepada warga asing dan pemilik warga negara Malaysia tidak boleh memberikan tapak mereka untuk warga asing berniaga.

Cuma sekarang isunya penguatkuasaan. Jadi PBT kena berani mengambil tindakan membuat penguatkuasaan agar warga-warga asing ini tidak digunakan atau mereka juga mengambil kesempatan untuk berniaga. Oleh kerana itu penguatkuasaan juga dan tindakan harus kita susur balik kepada punca siapakah pemilik tapak perniagaan itu ataupun kedai itu untuk diambil tindakan ke atas mereka.

■1030

Ini mesti ada satu tekad dan kesungguhan di mana PBT kalau betul-betul hendak membanteras gejala warga asing berniaga dan menidakkan warga kita sendiri untuk berniaga dan sebagainya, penguatkuasaan. Jadi yang ini, *insya-Allah*, KPKT akan melihat balik prosedurnya dan mungkin kita akan perkemaskan lagi atau mengambil tindakan yang lebih berat sekiranya ada warga Malaysia sendiri yang *subcon* permit mereka kepada warga-warga asing ini.

Jadi, *insya-Allah*, ini kita akan kendalikan dan kita akan terus menyelaraskan dengan *committee* yang sekarang sedang duduk untuk merencanakan hala tuju ke depan bagaimana hendak menguruskan warga asing ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan menteri pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik perkahwinan di bawah umur 18 tahun serta menjelaskan bagaimana undang-undang menjaga kebajikan kanak-kanak dan remaja yang terlibat supaya mereka dilindungi daripada eksploitasi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya. Soalan ini memang juga hangat diperkatakan dan kita hendak menangannya sebaik mungkin, *insya-Allah*.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), bagi pasangan Muslim, jumlah permohonan untuk berkahwin bawah umur 18 tahun bagi tempoh 2013 hingga 2017 mencatatkan sebanyak 5,362 kes manakala dalam pasangan bukan Muslim, rekod Jabatan Pendaftaran Negara bagi perkahwinan bawah umur 18 tahun mencatatkan 2,367 kes bagi tempoh yang sama. Bagi Muslim, ini adalah jabatan yang mohon untuk berkahwin. Yang mereka kahwin atau tidak, perangkaannya itu di bawah Jabatan Mahkamah Syariah.

Buat masa ini, di bawah perundangan sedia ada seperti Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri serta Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memperuntukkan bahawa permohonan perkahwinan bawah umur hendaklah mendapat kebenaran daripada hakim syarie bagi Muslim dan Ketua Menteri bagi bukan Muslim. Manakala Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah dan pelbagai undang-undang adat kaum peribumi di Sarawak adalah bagi perkahwinan dalam pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, sebagai tindakan dalam mengekang perkahwinan bawah umur ini, kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, kepentingan program kesedaran dalam pendidikan kesihatan reproduktif iaitu pendidikan seks. Berdasarkan kepada tinjauan ringkas berhubung dengan perkahwinan kanak-kanak yang telah dijalankan oleh UNICEF pada tahun ini, fokus yang perlu diutamakan adalah meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat terhadap kesan negatif perkahwinan kanak-kanak. Perkahwinan pada usia muda menafikan hak kesihatan kanak-kanak yang terlibat, pendidikannya, keselamatannya dan perkembangan diri kanak-kanak yang terlibat ini.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan pemegang taruh iaitu *stakeholders*, dengan izin, yang berkaitan telah melaksanakan pendidikan kesihatan reproduktif di bawah Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial iaitu PEKERTI sebagai tambahan kepada apa yang telah diajar dalam pendidikan seks di sekolah oleh Kementerian Pendidikan.

Melalui program ini, kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan akan lebih memahami hak reproduktif masing-masing lalu tidak terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral yang boleh menyebabkan dijangkiti penyakit-penyakit *sexually transmitted diseases* (STD), dengan izin, iaitu penyakit jangkitan seksual seperti HIV dan AIDS.

Kedua, pembasmian kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup. Salah satu daripada perkahwinan bawah umur di negara ini adalah mereka dari latar belakang keluarga yang berpendidikan rendah, Tuan Yang di-Pertua, dan berpendapatan rendah. Kerajaan akan pastikan kerjasama erat antara agensi berkaitan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf pendidikan dan taraf hidup komuniti luar bandar dan memberi peluang pemerikasaan ekonomi untuk memastikan keluarga tidak memilih mengahwinkan anak-anak mereka bagi meringankan beban keluarga.

Kita juga ada pelaksanaan secara perundangan iaitu menaikkan had umur minimum kepada 18 tahun. Dalam merangka penyelesaian jangka panjang terhadap isu ini, kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Menteri Undang-undang, Menteri Dalam Negeri dan kerajaan-kerajaan negeri termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan melakukan usaha untuk menetapkan had umur minimum bagi perkahwinan di dalam semua perundangan kepada 18 tahun.

Ia akan melibatkan undang-undang seperti Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1982 di Sabah dan pelbagai undang-undang adat kaum peribumi di Sarawak.

Memandangkan Malaysia mempunyai adat dan budaya yang tersendiri mengikut kaum dan kepercayaan, perundangan akan diadakan bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie bagi memastikan pandangan semua pihak diambil kira dalam penetapan had umur minimum ini.

Dalam perkara ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada negeri Selangor dan Sarawak atas pengumuman baru-baru ini berkenaan penetapan had umur minimum

bagi perkahwinan. Saya berharap negeri-negeri lain akan turut mengambil langkah yang sama. Terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih atas jawapan yang terlalu *best*. [Ketawa] Saya hendak tanya, badan apakah yang bertanggungjawab tentang SOP yang sedang disiapkan untuk menjalankan semakan kesihatan fizikal dan psikologi untuk kanak-kanak? Saya juga hendak tanya, adakah mekanisme untuk memastikan SOP ini efektif dan diikuti oleh mahkamah-mahkamah di setiap negeri? SOP ini berkenaan dengan perkahwinan bawah umur. *Thank you*.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya. Memang kita ada bagaimana kita hendak mengekangnya dan memberikan sedikit tekanan supaya tidaklah mudah bagi perkahwinan ini berlaku, dan kita hendak katakan SOP ini sekarang baru hendak diperketatkan kerana kita ada banyak faktor yang menyebabkan ianya berterusan.

Ini kerana kita ada seksyen di bawah Akta Kanak-kanak 2001 iaitu kita hendak meningkatkan supaya mereka yang memberikan kelulusan sekarang ini peka tentang apa yang perlu diperhatikan, perlu diperincikan supaya tidak senang-senang memberikan kelulusan untuk anak-anak muda, budak-budak ini di bawah umur 16 tahun sekarang ini dalam perundangan kita untuk berkahwin.

Kita juga ada sekarang ini satu *taskforce* yang telah ditubuhkan pada 31 Mei 2013 melalui Majlis Penyelarasan Bagi Perlindungan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Taskforce* ini antara lain menentukan tiga aspek utama diberikan perhatian dalam menangani isu perkahwinan bawah umur iaitu pendidikan, pentadbiran dan juga ketiganya perundangan untuk *long term*.

Susulan daripada penubuhan *taskforce* ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan konsultasi dengan jabatan yang berkaitan untuk proses permohonan perkahwinan dan kebajikan kanak-kanak selepas kahwin. Sebab, kita kata sekiranya permohonan diluluskan, kita juga hendak melihat bahawa kebajikan kanak-kanak yang telah dikahwinkan itu mestilah dijaga dan dipantau juga setakat mana yang boleh.

■1040

Hasil konsultasi tersebut mencadangkan kita hendak wujudkan satu garis panduan bagi pihak berkuasa untuk membenarkan perkahwinan bawah umur ini. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sedang membina SOP yang dikatakan ini, Standard Operating Procedure untuk kes yang melibatkan permohonan untuk

kebenaran yang dipohon untuk bernikah di bawah umur dipohon di Mahkamah Syariah bagi memperjelas dan menggariskan satu prosedur yang selari dengan undang-undang untuk dipakai di Mahkamah Syariah di Malaysia. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya di kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan syabas dan tahniah pada Yang Amat Berhormat kerana telah memperjuangkan isu ini. Saya tengok sejak kebelakangan ini banyak sangat kes perkahwinan di bawah umur yang disalah gunakan dalam erti kata yang sebenarnya. Apa entah lagi perkara ini banyak berlaku di kawasan luar bandar. Kami datang daripada kawasan luar bandar jadi kami rasa terpanggil dan pohon kerjasama pihak Yang Amat Berhormat untuk memastikan apa yang telah Yang Amat Berhormat sendiri menyatakan bahawa *insya-Allah* kerajaan mungkin akan membentangkan pindaan undang-undang untuk menaikkan had umur perkahwinan di Malaysia bagi memberi perlindungan kepada kebajikan kanak-kanak serta memastikan hak-hak kanak-kanak dibela dan diberi perhatian sewajarnya.

Yang Amat Berhormat juga telah menegaskan bahawa memang keperluan untuk menaik taraf umur perkahwinan wanita daripada 16 tahun ke 18 tahun. Kita juga sedia maklum bahawa di bawah enakmen keluarga Islam juga yang jawatankuasa di semua negeri usia minimum lelaki adalah 18 tahun dan perempuan adalah 16 tahun. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat apakah kalau boleh disegerakan kemungkinan *insya-Allah seating* dengan izin yang akan pada bulan 10 boleh kita membawa *bill* ini ke Dewan Rakyat yang mulia ini untuk kita membuat pindaan sebab ini amat-amat penting sekali kerana kalau kita melihat apa yang dinyatakan dalam muzakarah jawatankuasa fatwa pun kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia kali ke-106 juga mereka telah membincangkan berkaitan dengan perkara-perkara syarie ini. Jadi, saya pohon jawapan kalau tidak boleh secara bertulis, kita pohon kalau boleh Yang Amat Berhormat bawa lah *bill* ini pada musim yang akan datang untuk kita putuskan. Disebabkan ini amat-amat penting kerana perkahwinan di bawah umur lazimnya di salah gunakan. Saya pohon jawapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Memang lah syor itu betul bagus, kita hendak mempercepatkan. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi *stakeholders* itu banyak dan juga kita ada buat perundingan, perbincangan kerana ini juga kalau saya boleh bacakan sedikit berdasarkan statistik

permohonan untuk berkahwin ini diterima daripada Jabatan Syariah ini tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah menurun, sekurang-kurangnya adalah trend menurun ya. Antara negeri yang tercatat tertinggi untuk bukan Islam juga termasuk ini di Sarawak yang tertinggi, Sabah dan Kelantan sama.

Tiga itu Sarawak, Sabah, Thailand dengan Kelantan. Akan tetapi saya hendak katakan bahawa memang kita hendak adakan perundangan ini untuk mempercepatkan secepat mungkin kita ada *stakeholders* kerana satu nya kerana adat di Sabah dan Sarawak itu berlainan sikit. Sebab ia berada di bawah undang-undang negeri dan juga undang-undang negeri syariah, *courts*, mahkamah syariah di negeri-negeri lain itu mesti diselaraskan. Itu yang kita hendak ambil masa sikit. Akan tetapi kerana perundangan ini kita mahukan supaya memang had minimum 18 tahun tetapi apa yang dilakukan dalam satu kajian UNICEF bukan sahaja perundangan itu penting. Perundangan itu adalah sedikit bawah yang penting nya adalah pendidikan. Pendidikan kanak-kanak itu sendiri, pendidikan kepada ibu bapa nya bahawa dikatakan *sex education* sekarang ini memang ada kelompongan kerana dia tidak *address* masalah yang sebenarnya. Sekarang ini kita hendak katakan bahawa kesihatan *reproductive sex education* terutama untuk anak-anak perempuan adalah apa yang kita boleh ketengahkan supaya mereka tahu dan juga menjaga dan boleh mengekang apa-apa masalah kalau kita tahu tentang keburukan ini. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Baling, kita akan usahakan secepat mungkin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Satu lagi soalan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya benarkan dua sahaja. Minta maaf. Saya hendak terus kepada pertanyaan lisan yang kedua. Dijemput Yang Berhormat Kinabatangan.

2. **Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah usaha yang akan dijalankan oleh Kementerian bagi menambah jumlah anggota tentera bagi kaum Cina dan India?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan tunggak pertahanan negara yang memerlukan warga

negara Malaysia yang berjiwa kental dan bersemangat patriotik dari kalangan semua kaum yang berkeelayakan.

Atas semangat ini, ATM amat mengalu-alukan penyertaan belia pelbagai kaum untuk menggembelng tenaga secara sukarela memilih profesion ketenteraan sebagai kerjaya yang relevan. ATM telah melaksanakan pelbagai inisiatif di peringkat kebangsaan mahupun peringkat negeri bagi menarik minat kaum bukan bumiputera terutamanya kaum Cina dan India menyertai ATM. Inisiatif yang diambil untuk menggalakkan kaum ini menyertai ATM adalah seperti pameran kerjaya ATM, promosi melalui media sosial, pengiklanan dan promosi melalui media cetak, promosi khas kepada kumpulan sasaran, pemilihan lokasi pengambilan, penyediaan pusat khidmat ATM bagi membuka kaunter pendaftaran pemilihan dan kerjasama dengan NGO.

Justeru, ATM akan terus mempergiatkan usaha untuk menarik minat warga belia dari kaum Cina dan kaum India untuk menyertai ATM pada masa depan. Kementerian akan sentiasa berusaha meningkatkan kesejahteraan anggota tentera dan veteran supaya tentera dianggap sebagai kerjaya yang relevan dan kompetitif dalam pasaran pekerjaan. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tahniah. Soalan tambahan bahawa kita sedar sebuah negara itu kemakmuran dia kalau keselamatan dia tidak terjamin bermakna kemakmuran itu tidak ada makna dia.

Jadi, adakah kementerian kerajaan bercadang mungkin mengkaji cadangan untuk menaikkan tunggakan gaji dan sebagainya bukan sahaja kepada tentera tetapi kepada pihak keselamatan yang lain sebab ini mungkin boleh menarik minat di samping usaha-usaha yang konkrit dan komprehensif seperti dimaklumkan tadi. Apakah juga kemajuan yang telah dicapai oleh Pasukan Kadet Bersatu Malaysia melalui sekolah-sekolah menengah? Adakah ini juga boleh menarik minat anak-anak muda untuk menyertai angkatan tentera dan berapa peratus kah dari segi etnik anggota tentera Malaysia pada hari ini? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih cadangan baik dari Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju dan kementerian setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kalau ketenteraan ini dianggap sebagai kerjaya yang kompetitif maka ramai yang akan menjadi tentera dan yang pentingnya ialah Kementerian Pertahanan di bawah kerajaan baru akan mengkaji dan menambah baik kesejahteraan

tentera dan juga veteran supaya semua rasa ini adalah kerjaya yang relevan. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya untuk maklumat saya juga merupakan wataniah. Saya Leftenan Muda pangkat saya [*Tepuk*]. Ada juga kaum Cina yang masuk tentera. Soalan tambahan saya bagi mereka askar yang sudah bersara, saya dapat sebab dulu saya ada dalam latihan dengan pegawai askar dan juga askar. Mereka selalu menyuarakan tentang selepas mereka bersara.

■1050

Bagaimana pihak kerajaan boleh bantu mereka supaya mereka boleh menceburi di bidang-bidang yang lain sebab mereka sudah lama di dalam kem askar. Selepas mereka bersara mereka keluar, maka bolehkah pihak kerajaan bantu mereka dan juga dari segi pencen mereka, kita naikkan memandangkan kadar inflasi ya. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Memang sudah ada institusi-institusi seperti PERHEBAT yang menjalankan latihan untuk mereka yang akan bersara dan juga mereka yang bersara. Akan tetapi kementerian bersedia untuk terima cadangan dan juga buat kajian semula supaya kita menambah baik program-program untuk veteran dan juga untuk mereka yang akan bersara.

Dari segi pencen ataupun gaji, memang ada yang tidak selaras. Ada yang sebelum 2004, pencen mereka lebih rendah daripada mereka yang bersara selepas tahun 2004. Akan tetapi itu perlukan kementerian lain dan juga JPA untuk kaji semula dan ini akan dijalankan. Terima kasih.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Pada masa ini kita dapat banyak kaum India dan juga kaum Cina tidak dipilih untuk menyertai angkatan tentera. Ini kerana dulu dalam arena 80-an, 90-an, kita boleh lihat dalam satu-satu batalion, kita boleh dapat terutama sekali— batalion bukan askar Melayu. Askar Melayu hanya untuk askar Melayu sahaja. Terdiri daripada renjer dan sebagainya. Renjer, artileri dan juga lain-lain kor, kita boleh dapat dalam satu batalion, kita boleh dapat lebih kurang kaum India seramai 200 orang tetapi pada ketika ini kita hanya dapat lima orang sahaja dalam satu batalion. Ini menunjukkan tidak memberi peluang kepada kaum-kaum India.

Oleh itu di luar, kita lihat apabila mereka tidak dapat peluang-peluang untuk menyertai pihak polis ataupun dalam tentera, wujudlah gengsterisme di kalangan kaum India. Saya berharap pihak Kementerian Pertahanan memberi peluang kepada kaum India untuk menyertai dalam angkatan tentera dan juga mereka haruslah memberi peluang sebab pada masa ini sungutan-sungutan daripada kaum India, apabila dipilih dan mereka menyertai dan telah sertai dalam temu duga dan sebagainya, satu peringkat mereka dilepaskan dan dikatakan ini tidak cukup, itu tidak cukup. Macam-macam alasan tetapi semasa dulu, apabila kita berperang dengan komunis, masa itu dipilih. Masa itu ramai kaum India tetapi sekarang tidak ada perang dan gaji pun sudah naik, dilupakan kaum India. Saya berharap pihak Kementerian Pertahanan ambil perhatian dan memberi peluang kepada kaum India, kaum Cina untuk sertai. Ini negara kita, bukan negara asing. Oleh itu perlulah diberi peluang kepada semua kaum dalam Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput, ya? Oh! Yang Berhormat Padang Serai. Minta maaf. Yang Berhormat Padang Serai. Kementerian di bawah pemerintahan sebelum ini ada program yang masih dijalankan iaitu Program Pelan Tindakan 'Seven to Seven' iaitu dalam tujuh tahun, sasaran ialah untuk menaikkan penglibatan kaum India ke tujuh peratus. So, itu pelan yang masih dijalankan dan kami akan *review* sebagai boleh tambah baik program ini. Akan tetapi bagi kami, kami rasa dengan semangat Malaysia Baharu, kita harap semua kaum rasa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ini. ATM untuk semua dan ATM untuk negara kita. Terima kasih.

3. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan rancangan pihak kementerian untuk menaik taraf dan mengatasi masalah air pasang melimpah di Terminal Feri Kuala Kedah.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja pengerukan dijalankan di jeti-jeti tertentu untuk mendalamkan alur sungai dan pasir sungai bagi menjamin keselamatan perairan. Dalam konteks ini, kerja-kerja pengerukan di Terminal Penumpang Kuala Kedah telah dilaksanakan dari Oktober 2015 hingga Julai 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM24.9 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut.

Jabatan Laut Malaysia sentiasa komited dalam memastikan keselamatan alur pelayaran di jeti-jeti utama adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pengurusan secara berkala. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM208.9 juta untuk melaksanakan projek pembangunan semula terminal penumpang dan kargo serta kapal *roll on roll off* (ro-ro). Antara skop projek adalah meningkatkan paras ketinggian tanah dan menaik taraf sistem perparitan yang baik dan sistematik di Terminal Feri Kuala Kedah.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses mengenal pasti kaedah perolehan dan agensi pelaksana bagi projek ini. Seterusnya, Kementerian Pengangkutan akan menganjurkan makmal pengurusan nilai dengan melibatkan agensi-agensinya berkaitan. Pada masa yang sama, proses perolehan tanah untuk projek tersebut sedang dilaksanakan. Pelantikan perunding secara tender terbuka dijangka dapat dibuat pada Disember tahun ini dan projek akan bermula dalam suku ketiga 2019 setelah proses pemilihan kontraktor secara tender terbuka selesai dijalankan. Sekian, terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat berterima kasih atas jawapan yang saya rasa lebih baik daripada yang pernah saya terima. Ini kerana kali ketiga saya bangkitkan isu ini di Dewan ini. Sebabnya ialah kerana terminal feri ke Langkawi dari Kuala Kedah itu bukanlah sesuatu yang biasa. Bukan terminal sahaja. Langkawi ialah Permata Kedah dan juga salah satu destinasi pelancongan yang sangat penting bagi Malaysia dan Kuala Kedah juga adalah satu destinasi pelancongan.

Sejarahnya panjang, kesan sejarahnya masih ada, muziumnya ada. Ia juga boleh menjadi destinasi pelancongan yang besar. Sejarahnya panjang. Kalau boleh rujuk kepada buku yang diterbitkan pada abad ke-19. *The Siege of Kedah 1838*. Itu ialah sejarah patriotisme, sejarah kita bernegara, sejarah perang dan lain-lain lagi. Oleh kerana itu saya rasa perlu dibangunkan dan diperelokkan. Keadaan terminal itu sekarang seperti dalam keadaan berperang kalau ketika kemuncak. Pelancong asing yang datang, pelancong tempatan semuanya mengalami kesukaran yang luar biasa. Jadi, saya berharap supaya ia akan dipercepatkan.

Soalan saya ialah, kalaulah kedudukan terminal feri sekarang ini sangat tidak sesuai, sekali-sekala bila berlaku mendakan, maka ia berlaku banjir lagi sekali. Apakah mungkin kita pindahkan kedudukan atau *side* dengan izin terminal feri itu ke satu tempat

yang lebih strategik, yang lebih berpotensi untuk tidak mendatangkan masalah di masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Penasihat makanan kepada Ahli-ahli Parlimen. Sudah tentunya Langkawi tidak akan dianaktirikan kerana Langkawi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah adalah permata kepada sektor pelancongan negara. Bukan sahaja kepada negeri Kedah tetapi juga kepada seluruh negara, lebih-lebih lagi dan sekarang ini Langkawi diwakili oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk memastikan projek pembangunan ataupun menaik taraf Terminal Kuala Kedah itu akan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Di bawah Kementerian Pengangkutan, kita amat komited untuk memastikan bahawa projek ini akan dapat berjalan dengan lancar.

Berkenaan dengan lokasi tersebut, pada ketika ini perancangan kita masih mengekalkan lokasi yang sedia ada tetapi kita akan membina terminal baru di sebelah terminal ataupun jeti sedia ada. Ia tidak akan memberikan kesan kepada operasi feri tersebut kerana projek tersebut dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun. Dalam proses pembinaan itu, kita tidak akan menjejaskan mana-mana penumpang dan kita memastikan bahawa lokasi terminal yang akan dibina itu akan memastikan bahawa mendapan tidak berlaku dan tidak ada keadaan banjir berlaku lagi. Terima kasih.

4. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan:

- (a) kedudukan ekonomi negara masa kini dan jangkaan pertumbuhan ekonomi masa pendek, sederhana dan panjang; dan
- (b) kedudukan pemilikan ekonomi di antara kaum-kaum di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Saya *dok* tengok tadi, ingatkan tak datang dah. *Last minute* dia masuk duduk.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, purata pertumbuhan ekonomi benar negara bagi 2017 adalah sebanyak 5.9 peratus selepas pulih sepenuhnya daripada kelembapan ekonomi dunia pada tahun 2016. Prestasi ekonomi negara kekal mampan dengan mencatatkan pertumbuhan benar sebanyak 5.4 peratus pada suku pertama 2018.

Pertumbuhan yang memberangsangkan ini telah disumbangkan oleh kedua-dua permintaan domestik dan sektor luar yang kukuh, di samping peningkatan pendapatan boleh guna. Dalam masa yang sama kesemua sektor ekonomi utama turut mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai penyumbang utama. Kadar inflasi bagi suku kedua sebanyak 1.3 peratus lebih rendah berbanding suku pertama sebanyak 1.8 peratus, berikutan penetapan GST pada kadar sifar peratus.

Negara juga berada pada tahap guna tenaga penuh di mana kadar pengangguran kekal stabil pada 3.3 peratus.

Walaupun pertumbuhan ekonomi dijangka akan terkesan berikutan pelaksanaan dasar pembaharuan di samping persepsi awal pelabur asing yang mengambil langkah berhati-hati, kesan ini dijangka hanya bersifat sementara dan akan kembali pulih dalam masa terdekat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan kini sedang menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi bagi jangka sederhana dan jangka panjang dalam kajian separuh penggal RMK Ke-11 yang dijadualkan dibentangkan Oktober 2018. Kerajaan juga akan turut membentangkan dasar dan hala tuju yang baru daripada segi meningkatkan ekonomi Malaysia untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

Dasar sosioekonomi yang akan diperkenalkan dalam KSP RMK Ke-11 kelak akan melengkapi inisiatif kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan fiskal dan reformasi institusi negara.

Keutamaan dasar kerajaan pada masa kini ialah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan di mana amalan kewangan yang tidak telus dan tidak terurus perlu diberhentikan serta ketirisan pada semua peringkat ditangani. Oleh itu kerajaan yakin prospek ekonomi jangka panjang akan mengukuh dan lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat pemilikan ekonomi antara kaum adalah seperti berikut:

- Pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat masih tidak mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti.
- Pendapatan isi rumah bumiputera pada tahun 2016 adalah rendah iaitu RM6,267 berbanding bukan bumiputera sebanyak RM8,213.
- Peratus kategori pekerja mahir dalam kalangan bumiputera pada tahun 2017 adalah sebanyak 29.4 peratus berbanding bukan bumiputera sebanyak 36.3 peratus.

- Dan peratus transaksi pemilikan kediaman bumiputera dalam pasaran primer pada tahun 2016 adalah 38.8 peratus berbanding bukan bumiputera sebanyak 56.7 peratus.
- Manakala dalam jenis pemilikan komersial, peratus transaksi bumiputera hanyalah 9.8 peratus berbanding bukan bumiputera iaitu pada 46 peratus.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab bagi pihak Menteri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama satu soalnya nanti merangkum semua. Tadi dilaporkan tentang keutuhan, kekukuhan ekonomi pada hari ini. Ini menunjukkan hasil daripada pertumbuhan ekonomi sejak beberapa tahun yang lalu. Jadi jangan lupa itu ya, kejayaan Kerajaan Barisan Nasional membuatkan kita berada dalam keadaan ekonomi yang kukuh.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat trend yang menunjukkan bahawa unjuran *cross domestic product growth* akan menurun- akan menurun disebabkan tindakan diambil oleh kerajaan, menurun kepada iaitu sebanyak 5.2 peratus pada tahun ini 2018; 4.8 peratus tahun 2019; 4.6 peratus pada tahun 2020.

Berbanding dengan tahun lalu tahun 2017, 5.9 peratus pertumbuhan *gross domestic product*. Dan kejatuhan ini dijangka adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti banyaknya projek-projek yang dibatalkan, dan juga keadaan politik hari ini yang tidak menentu tidak ada dasar yang jelas, tidak ada program-program yang konkrit yang dilakukan oleh kerajaan.

Jadi kalau keadaan ini berterusan, dipengaruhi pula dengan keadaan ekonomi global di mana terdapatnya persaingan, peperangan dagangan di antara Amerika dengan 'Jepun'- eh Jepun pula! Dengan China keadaan akan menjadi lebih teruk lagi di masa yang akan datang. Tahun-tahun yang saya sebutkan tadi. Ia akan menguncupkan sumbangan kepada *gross domestic product*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, ajukan soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan lisan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apakah persediaan kerajaan untuk menghadapi senario ekonomi yang begitu rupa yang nampaknya agak gelap- *gloomy*.

Berkaitan dengan soalan pertama saya tadi juga ialah berkenaan dengan bumiputera, kedudukan ekonomi bumiputera. Secara ringkas saya nak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan, sudah jadi menteri duduk diam-diam... [*Dewan ketawa*] Jangan duduk menyibuk [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan soalan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau hendak balik sini... [*Menunjukkan tempat duduk di Blok pembangkang*] Tunggu empat tahun lagi *insya-Allah*.

Jadi, saya nak tanya ini isu penting ekonomi bumiputera Tuan Yang di-Pertua, tadi telah pun disebutkan angka-angka oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyebutkan jurang penguasaan ekonomi ini, pemilikan ekuiti lah, itulah, inilah begitu lebar sekali. Saya nak tanya, apa tindakan pihak kerajaan untuk merapatkan jurang ini?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Tentang unjuran keluaran dalam negara kasar ataupun pertumbuhan ekonomi tadi, kita sedar bahawa keadaan ekonomi dunia berada dalam keadaan yang agar mencabar dengan perang ekonominya, apa yang berlaku di Turki dan sebagainya.

Yang Berhormat Pasir Salak juga menyebut tentang perbelanjaan kerajaan yang ditangguhkan. Suka saya membawa balik kita kepada asas pertumbuhan ekonomi. Dalam pertumbuhan ekonomi ini ia ada *consumption (C)* ataupun, dengan izin, *investment (I)*, *government spending (G)* dan *net export*. Jadi *government spending* itu adalah sebahagian daripada pertumbuhan ekonomi, dan seperti mana yang disebut banyak kali sebelum ini bahawasanya kerajaan bukan memberhentikan sebaliknya menangguhkan beberapa projek untuk dikaji semula.

Jadi kita mengambil maklum tentang hal tersebut, dan seperti mana yang selalu disebut, kerajaan sedang merangka strategi dan inisiatif untuk perkembangan ekonomi jangka pendek, sederhana dan panjang di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP), RMK Ke-11.

Kedua tentang jurang bumiputera dan bukan bumiputera. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Salak, kami di sini baru tiga bulan. Jurang ini telah wujud selama 61 tahun. Jadi untuk kami mengambil sebarang langkah ianya memerlukan satu kajian yang holistik, kita perlu faham mengapa, apa yang dilakukan sebelum ini tidak mencapai hajatnya atau hasratnya. Ekuiti sendiri tidak mencapai 30 peratus, sedangkan pelbagai inisiatif sebelum ini telah dibuat. Jadi kita perlu duduk, *reflect*, dengan izin, untuk melihat di mana, apa punca masalah dan merangka, dan *insya-Allah* pada 1 September ini kita akan adakan Kongres Masa Depan Bumiputera.

Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara, di mana akan dibincangkan tentang isu-isu berkaitan dengan bumiputera dan negara, akan ada resolusi dan perkara ini juga agenda bumiputera adalah antara agenda utama dalam kajian separuh penggal RMK Ke-11. Sekian, terima kasih.

■1110

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar mengenai kedudukan pemilikan ekonomi di antara kaum-kaum di Malaysia. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan kedudukan pemilikan ekonomi di antara penduduk negeri-negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya tidak mempunyai data...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya berhasrat untuk mendapatkan jawapan bertulis.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih. Saya baru hendak menjawab bahawa saya tidak ada data tersebut dengan saya dan kita akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya cukup sudah dua soalan tambahan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cukup sudah? Penting juga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan kepada pertanyaan yang seterusnya Yang Berhormat Saratok.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sedikit pembetulan. Nama saya 'Ali anak Biju'. Di sini tulis 'Ali bin Biju'. Akan tetapi tidak apa, sedikit sahaja. *[Ketawa]*

5. **Tuan Ali bin Biju [Saratok]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi melaksanakan projek pembekalan air luar bandar dan Rural Electrification Scheme (RES).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Saratok dan Dewan yang mulia ini, sejumlah RM4.9 bilion telah dicadangkan bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) negeri Sarawak di dalam tempoh RMKe-11 iaitu untuk tempoh 2016 sehingga 2020. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM412 juta telah disalurkan pada tahun 2016 sehingga 2018 bagi pelaksanaan 38 projek bekalan air luar bandar di negeri Sarawak.

Manakala untuk bekalan elektrik, sejumlah RM2.25 bilion telah dicadangkan bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sarawak di dalam tempoh RMKe-11. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.18 bilion telah disalurkan pada tahun 2016 sehingga 2018 bagi pelaksanaan 33 projek bekalan elektrik luar bandar di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan bagi pelaksanaan projek BALB dan BELB bagi tahun 2019 dan 2020 adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan ya. Kementerian akan terus mengambil perhatian terhadap keperluan infrastruktur luar bandar di negeri Sarawak khususnya bekalan air terawat dan bekalan elektrik seperti mana yang termaktub dalam Buku Harapan di bawah janji untuk memastikan ekonomi Sabah dan Sarawak berkembang dengan lebih pesat demi kemakmuran hidup rakyat di sana. Sekian, terima kasih.

Tuan Ali anak Biju [Saratok]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Nampaknya untuk bekalan air bandar di negeri Sarawak, RM4.9 bilion dan sekarang dua tahun lagi ketinggalan cuma RM412 juta, sudah dibelanjakan. Nampaknya masih jauhlah.

Seperti yang kita sedia maklum, bekalan air dan elektrik luar bandar di Sarawak masih memerlukan jumlah peruntukan yang besar. Akan tetapi ada kejanggalan sedikit kerana Timbalan Menteri Luar Bandar kita ini, masih dihalang daripada memasuki Sarawak, hasil pemerintahan kuku besi Barisan Nasional dulu. Saya tidak pasti sama

ada halangan tersebut sudah dimansuhkan oleh kerajaan 'JBA' Sarawak yang dahulunya dipanggil Barisan Nasional Sarawak.

Satu langkah yang amat tidak wajar dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak semasa Barisan Nasional dulu. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengumumkan dana sejumlah RM1 bilion daripada kewangan negeri Sarawak untuk projek bekalan air dan elektrik dan bercadang untuk meminta bayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan nanti.

Soalan saya ialah, adakah pihak kementerian sudah dimaklumkan akan langkah Kerajaan Negeri Sarawak tersebut dan bersetuju dengan langkah tersebut?

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Saratok atas soalan tambahan dan juga atas cadangan bahawa apa-apa larangan yang dibuat dahulu terhadap kemasukan saya ke negeri Sarawak ini dimansuhkan. Akan tetapi saya yakinlah sekarang, masalah macam itu tidak wujud lagi dan tidak jadi apa-apa halangan untuk perjalanan saya ke Sarawak sekarang.

Berbalik kepada soalan tadi tentang peruntukan RM1 bilion oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Secara rasmi, setahu saya, itu belum dimaklumkan kepada pihak kementerian dan kementerian akan terus melaksanakan tanggungjawab kita untuk membawa bekalan air dan api kepada kawasan-kawasan yang memerlukan ia di Sarawak. Semasa kita dimaklumkan kesan secara rasmi, kita akan bincangkan perkara itu pada masa itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Tidak apa. Saya juga masih lagi dihalang untuk pergi ke Sarawak. Harap juga tidak disekat lagi. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya juga kepada Menteri, soalan yang sama iaitu berapakah peruntukan yang akan disalurkan dan dirancang untuk dilaksanakan di Sabah untuk menyelesaikan masalah-masalah kekurangan bekalan air di Sabah? Juga seperti mana yang kita tahu, peruntukan yang telah disalurkan di Sabah di bawah kerajaan yang lalu telah menghadapi masalah penyalahgunaan atau *corruption* di mana terdapat banyak wang ringgit di pejabat dan sebagainya. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan ini tidak akan berlaku lagi? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Keningau atas soalan tambahan tadi. Berkaitan dengan jumlah-jumlah yang telah dibelanjakan untuk bekalan air dan api di Sabah, yang telah dibelanjakan dan akan dibelanjakan, sebab itu di luar bidang kuasa— luar daripada soalan yang asal. Saya tidak ada angka-angka dengan

saya sekarang tetapi saya boleh bekalkan angka-angka yang diperlukan secara jawapan bertulis.

Berkaitan dengan isu rasuah yang dibangkitkan dalam pemberian kontrak-kontrak untuk bekalan api dan air, kerajaan sekarang telah melalui arahan daripada Kementerian Kewangan, telah arahkan bahawa semua projek yang masih belum diberi SST atau *letter of award*, dengan izin akan dikaji semula dan sekiranya diluluskan untuk diteruskan, semua projek daripada sekarang mesti dilaksanakan melalui tender terbuka. Itu langkah yang pertama. Jadi dengan tender terbuka, proses ini kita harap angka-angka, kos ini memang akan dikurangkan daripada angka-angka yang disebut pada peringkat projek ini dipertimbangkan.

Kalau adanya bukti yang jelas bahawa ada amalan rasuah, saya hanya boleh cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa Yang Berhormat perlu bangkitkan ini dengan badan-badan yang bertanggungjawab untuk mencegah rasuah, khususnya SPRM dan badan-badan yang lain. Itulah tempatnya untuk membawa isu aduan-aduan berkenaan rasuah. Sekian, terima kasih.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang satu lagi soalan tambahan daripada Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana prihatin, ini soalan mengenai Sarawak. Saya tadi mendengar soalan daripada Yang Berhormat Saratok, mengenai apa yang telah dipohonkan oleh negeri Sarawak iaitu RM1 bilion. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri walaupun kita hanya minta sekarang tetapi kita Yang Berhormat Menteri perlu ingat bahawa yang ketinggalan selama ini bukan hanya kerana Kerajaan Barisan Nasional yang baru lepas ini. Ini bertahun-tahun, ini bukan sahaja melibatkan Yang Berhormat Mantan Perdana Menteri baharu ini. Ramai sudah daripada beberapa Perdana Menteri, ini kali ke tujuh. Jadi, adakah ini Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri yang akan mewakili permintaan ini ke pihak kementerian nanti untuk menjelaskan iaitu Sarawak adalah memang layak untuk memohon ini kerana kita lama ketinggalan dan kita telah menyumbang melalui *oil and gas* kita, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong atas soalan itu. Memang saya setuju fenomena pengabaian atau, dengan izin, *neglect* kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak memang nyata, *it is quite clear*, dengan izin.

Selama itu sudah berlaku, saya rasa kita tahu sendiri, memang ini bukan fenomena satu, dua tahun sahaja, memang sudah berlaku beberapa tahun. Akan tetapi bagi saya adalah susah sangat untuk kita membuat perbahasan sini untuk menentukan berapa tahun itu secara spesifik sudah berlaku. Apa yang lebih penting sekarang ialah tindakan kerajaan baharu untuk memperbetulkan ketidakseimbangan yang telah berlaku dari segi pembangunan di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Inilah selaras juga dengan janji kita di Buku Harapan ataupun manifesto kita. Saya boleh sebut di sini, memang Yang Berhormat Menteri dan saya memang komited untuk memberi tumpuan kepada matlamat ini iaitu untuk beri tumpuan lebih kepada kawasan-kawasan di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Di mana masih ada mungkin ratusan kampung-kampung yang masih tidak dapat bekalan elektrik daripada grid ataupun masih terpaksa menggunakan generator dan masih belum dapat air terawat. So, ini adalah memang- *you can have our assurance on that, this will be our priority as well* untuk pastikan tempat-tempat itu diberikan pembangunan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah kementerian mempunyai usaha dan inisiatif khas untuk memperkenalkan budaya timur kepada pelancong asing agar mereka menghormati budaya yang diamalkan di negara kita.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya sentiasa berusaha untuk memperkenalkan budaya timur kepada pelancongan asing agar mereka menghormati budaya yang diamalkan di negara kita. Kementerian ini melalui *Tourism Malaysia (TM)* telah menerbitkan risalah seperti *Malaysia Travel Guide [Menunjukkan risalah]* sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong, terutama mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan dengan pelbagai bahasa sejak lebih dari 10 tahun yang lalu dan telah dikemas kini pada semasa ke semasa mengikut keperluan terkini. Antara perkara perlu diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti berikut:

- (i) pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa ataupun program *homestay* dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan;
- (ii) cara berkelakuan di khalayak ramai, di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;
- (iii) pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan
- (iv) panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang-orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman dengan cara timur.

Risalah-risalah ini telah diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang TM iaitu www.ebrochures.malaysia.travel. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bersama institusi latihan pelancongan berdaftar di Malaysia juga telah mengadakan kursus kebudayaan Malaysia kepada bakal pemandu pelancong Malaysia dari semasa ke semasa dengan harapan agar pemandu pelancong yang bakal mendapat lesen pemandu pelancong Malaysia ini dapat mempelajari dan menghayati kebudayaan Malaysia. Seterusnya, menyampai dan memperkenalkan budaya Malaysia kepada pelancong semasa dalam pelaksanaan jadual perjalanan pelancongan ataupun *tour itinerary*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian juga telah mengadaptasi slogan "*Travel. Enjoy. Respect.*" dalam program-program pelancongan selaras dengan aspirasi Organisasi Pelancongan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) sebagai peringatan kepada semua pelancong seluruh dunia agar menghormati dan mengamalkan sikap bertanggungjawab ke atas budaya dan sensitiviti negara yang dilawati.

Justeru, rakyat Malaysia juga sebagai tuan rumah kepada pelancong asing disarankan supaya menunjukkan kelakuan dan sikap yang sama dengan mengamalkan budaya tinggi yang boleh dicontohi oleh pelancong asing. Dalam hal ini, kementerian turut mengambil inisiatif dengan memperkenalkan budaya Malaysia kepada pelancongan asing melalui program-program *homestay* dan kempen budi bahasa,

termasuk dalam penganjuran aktiviti seni, budaya dan kraf Malaysia mengikut keunikan negeri masing-masing.

Selain daripada menonjolkan budaya Malaysia, rakyat Malaysia juga boleh mengambil kesempatan mempelajari budaya pelancong asing yang datang melawat Malaysia supaya kita lebih mudah untuk berkongsi aspek kebudayaan Malaysia ini dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada menonjolkan budaya timur kita juga dapat mempelajari budaya pelancong asing. Di tempat saya, di Taman Negara Pulau Pinang, terdapat dua orang warga Jepun yang bekerja di Pulau Pinang yang mengunjungi Taman Negara sebanyak 315 kali hanya untuk mengutip sampah-sampah yang dibuang oleh pengunjung-pengunjung, termasuk orang-orang tempatan.

Dalam hal ini, inilah contoh budaya yang perlu kita pelajari dan teladani pula. Jika kita mahukan orang, terutamanya pelancong asing, menghormati kita dan budaya kita, maka kita harus bekerja keras meraihnya, mendapatkannya. Bukan hanya mengharap serta memaksa orang dan pelancong luar untuk menghormati budaya kita. Kata orang dahulu, budaya adalah percantuman dua perkataan iaitu budi dan daya. Budi adalah budi pekerti, sikap dan daya adalah usaha luaran, dalam istilah teknologi hari ini ialah *software* dan *hardware*, dengan izin.

Untuk pelancong menghormati kita, kedua-dua aspek ini harus dimantapkan terlebih dahulu. Dari segi daya, kalau negara kita kotor, tempat tarikan pelancongan seperti alam semula jadi dan buatan manusia tidak dijaga dengan baik, rapi dan teratur, maka pelancong hanya akan datang sekali atau tidak akan datang semula langsung. Jauh sekali mereka hendak menghormati kita. Sebagai contoh, sekiranya bandar-bandar yang terkenal dengan keadaan kurang bersih, maka tidak ramai pelancong luar yang berminat untuk datang. Mereka yang datang hanyalah pelancong domestik yang mana mereka juga tidak mengendahkan aspek kebersihan. Maka, hormat pelancong luar kepada kita dan budaya kita akan terhakis.

Aspek kedua adalah budi ataupun *software*. Ini termasuklah berbudi bahasa, suka membantu, tidak ambil rasuah, ramah, senang senyum, hormat-menghormati sesama makhluk tuhan tidak kira agama, bangsa dan asal usul mereka. Kekayaan budaya ini menjadi contoh kepada pelancong luar yang datang dan menghayati budaya kita. Sekiranya kita menyingkap kembali sejarah, nilai-nilai murni dan budaya tinggi telah menarik ramai perdagangan ataupun pelancongan luar datang ke negara kita semasa

Zaman Kesultanan Melaka dahulu. Kepelbagaian budaya ini ketika itu telah menarik ramai pelancong asing pada masa itu bermastautin di negara ini.

■1130

Hasilnya, Malaysia kaya dengan budaya seperti orang Cina dengan pengaruh Baba dan Nyonya, pakaian kebaya dan lain-lain. Bukanlah sesuatu yang asing, malah telah sebatik dalam budaya hidup kita. Begitu juga dengan orang Arab dengan gelaran syed dan syekh. Ini menunjukkan betapa mereka dahulu hormat, bukan sahaja hormat, malah suka dan asimilasi dalam budaya negara ketika itu. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang bagi saya amat terperinci dan begitu baik. Saya fikir bukan lagi satu jawapan, satu syarahan yang baik. Kita amat mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menarik pelancong asing daripada timur dan barat melancong ke negara kita kerana kita tahu betapa kita mendapat keuntungan yang baik dari sudut ekonomi. Akan tetapi kita juga mengharapkan supaya pelancong yang datang ke negara kita ini dapat pulang dengan membawa isi-isi yang begitu positif daripada negara kita. Bukan hanya keseronokan melihat alam semula jadi, bahkan dia dapat membawa balik nilai-nilai yang tinggi yang ada dalam negara kita sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sejak tadi.

Saya ingin menyentuh satu perkara. Beberapa bulan lepas sebagaimana yang kita sedia maklum, ada beberapa kes pelancong asing telah melakukan aksi tidak senonoh ataupun berpakaian tidak sopan berlaku, satunya di hadapan Masjid Kota Kinabalu, satu lagi di hadapan Masjid Universiti Malaysia Sabah. Mereka ini saya dimaklumkan telah diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Cuma ada isu mengenai denda yang terlalu rendah, beberapa ringgit sahaja didenda. Ini menandakan bahawa usaha yang telah kita buat itu masih lagi kurang mendapat- mungkin akses kepada usaha pihak kerajaan itu kepada pelancong masih lagi gagal kita terjemahkan.

Soalan saya, oleh sebab negara kita nilai yang paling utama adalah nilai agama kita, agama Islam. Kita tahu bahawa dunia barat selalu- media barat, mereka memburuk-burukkan agama Islam. Sudah pasti kita harus jadikan negara kita ini sebagai tempat untuk memperkenalkan negara Islam sebagai agama yang terbaik, sederhana dan sejahtera. Soalan saya, apakah pihak kerajaan bersedia untuk mengambil langkah yang lebih ke hadapan bagi menyemarakkan lagi sektor pelancongan negara kita yang

begitu luas itu dengan menambahkan unsur-unsur berbentuk pengenalan dakwah dan promosi kepada agama Islam yang kaya dengan nilai-nilai hidup yang tinggi serta sentiasa menyeru kepada kesejahteraan, kasih sayang dan kecintaan? Bukan sahaja kepada sesama manusia, bahkan kecintaan dan keprihatinan terhadap alam semula jadi dan alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok. Satu syarahan juga yang baik. Sebenarnya, kes yang berlaku di Sabah, di mana ada pelancong daripada negara asing yang menari di hadapan masjid adalah kes-kes terpencil. Tahun 2016, pelancong asing yang datang ke negara Malaysia adalah sebanyak 26 juta. Tiga orang daripada 26 juta ini ialah satu kes yang terpencil. Kita pun telah ambil tindakan dengan mendenda mereka. Denda ini adalah walaupun kecil, ia untuk menjadi pengajaran kepada pelancong-pelancong asing tersebut. Tadi Yang Berhormat Bachok juga ada sebut tentang budaya tinggi ataupun nilai-nilai yang kita hendak terapkan iaitu nilai-nilai Islam. Ingin saya tekankan di sini, nilai-nilai Islam yang kita bawa ini adalah nilai-nilai yang sejagat, nilai-nilai murni. Semalam saya bercakap tentang kebersihan dan menjaga alam sekitar. Di mana kita diminta– walaupun dalam Islam diminta untuk menjaga kebersihan.

Saya bagi contoh, satu cerita yang saya hendak bawa di sini. Ada seorang pensyarah ataupun *researcher*, dengan izin, daripada Jepun yang datang untuk mempelajari Islam. Dia datang Malaysia kerana mempelajari Islam dengan lebih dekat sebab Malaysia ini negara Islam. Lalu diambilnya seorang pemandu teksi yang beragama Islam. Pemandu teksi ini bawa dia ke sana ke sini. Waktu Zohor, dia berhenti sembahyang Zohor. Waktu Asar, dia berhenti sembahyang Asar. Jadi, pelancong asing ataupun *researcher* daripada negara Jepun ini, “Wah, inilah Islam”. Dia tertarik dengan Islam. Akan tetapi apabila dia hendak mula naik kereta selepas sembahyang Asar itu, dia buka cermin kereta dia, dia buang sampah keluar. Jadi, habis dia punya akhlak itu walaupun tadi sudah sembahyang Zohor, sembahyang Asar, nampak begitu *pious*, dengan izin, tetapi buang sampah keluar. Di manakah nilai-nilai Islam yang kita hendak tunjuk kepada pelancong asing? Jadi, dia nampak dengan sendirinya, inilah akhlak Islam yang hendak ditunjukkan.

Juga apabila kita sebut fasal akhlak Islam, kita juga hendak menghormati hak sebagai makhluk-makhluk *Allah* yang lain. Hak kita mesti menghormati hak orang asal. Seperti di Kelantan, kita tidak menghormati hak orang asal. [*Tepuk*]

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya...

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Saya belum habis lagi.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Soalan saya mudah sahaja. Adakah kerajaan lebih bersedia mengambil langkah?

Seorang Ahli: Jawab Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, itu yang saya sebutkan tadi. Kita memang Kerajaan Malaysia baharu ini telah mengambil langkah yang positif terhadap memperkenalkan budaya. Semasa saya di Kelantan, di Festival Rakyat Kelantan di Tumpat.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Duduklah. Mana duduk pula, saya hendak jawab. Saya telah memulakan...

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Soalan saya mudah sahaja.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Sekejap, sekejap.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Tidak ada kaitan dengan politik, Orang Asli atau apa.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Tidak, tidak. Betul, ini hak.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Ini hari akhir, hari Khamis. Hari akhir Parlimen. Cukuplah cakap fasal politik.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ya, ya, ya. Tidak, tidak, tidak. Betul ini hak- hak makhluk *Allah* ini juga- mempunyai hak juga. Jadi, kita telah mulakan satu kempen di mana selepas program-program besar di Tumpat itu, kita mulakan dengan gotong-royong mengutip sampah selepas program. *Alhamdulillah*, selepas program itu bersih, bersih tempat itu. Inilah inisiatif yang kami ambil di kementerian kami yang baharu ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingat panjang benar soalan ini yang ditanyakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Berkaitan dengan industri pelancongan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Bangun]*

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak terus kepada soalan yang seterusnya.

7. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan secara terperinci status menaik taraf Jalan Padawan yang telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Najib Razak yang terletak di kawasan Parlimen Puncak Borneo. Adakah peruntukan telah diluluskan dan bila projek ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo atas soalan itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Projek Menaik Taraf Jalan Padawan, Kuching, Sarawak merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama - 2016, Rancangan Malaysia Kesebelas. Dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM75 juta yang melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sepanjang 34 kilometer dengan lebar turapan enam meter selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh mantan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 12 Februari 2015. Jadi, tanggapan dalam soalan iaitu ada pengumuman yang berkaitan dengan mantan Perdana Menteri itu mungkin kurang tepat.

Walau bagaimanapun, projek ini telah dibatalkan pelaksanaannya selaras dengan keputusan Makmal Pengurusan Nilai pada 11 hingga 15 April 2016. Makmal ini dianggotai oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Kementerian Kerja Raya Sarawak, *Sarawak Planning Unit*, Jabatan Pengaliran dan Saliran Sarawak, Majlis Perbandaran Padawan, Pejabat Daerah Padawan, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Pejabat Residen dan lain-lain agensi yang berkenaan. Makmal Pengurusan Nilai tersebut telah bersetuju supaya projek ini dibatalkan atas justifikasi tiada keperluan mendesak untuk menaik taraf jalan ini memandangkan keadaan keseluruhan jajaran jalan yang masih elok. Jalan ini telah pun didaftarkan di bawah Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), di mana peruntukan yang akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada kerajaan negeri untuk tujuan penyelenggaraan. Di samping itu, beban trafik yang rendah dan tidak banyak perkampungan di sepanjang jajaran tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Memang saya agak terkilan kerana walaupun projek ini telah dibatalkan, namun tiada penerangan daripada kerajaan yang dahulu.

■1140

Namun begitu, saya percaya di mana Jalan Padawan yang sepanjang 30 kilometer unjuran daripada persimpangan Pekan Tapah sehingga ke persimpangan Kampung Annah Rais ini iaitu dalam lingkungan 30 kilometer. Jadi soalan saya, walaupun projek naik taraf Jalan Padawan ini dibatalkan atas sebab kekurangan jumlah trafik yang disarankan oleh makmal yang membuat keputusan, namun apakah pihak kementerian akan mengkaji semula pembatalan ini.

Ini kerana adalah perlu untuk unjuran jalan ini di naik taraf kerana terlebih daripada 20 buah kampung yang akan manfaat nanti jika jalan ini di naik taraf. Kekurangan trafik yang menggunakan jalan ini bukanlah kerana tiada pengguna, akan tetapi keadaan jalan yang bengkok-bengkok, banyak tebingan jalan runtuh ataupun dengan izin *slope failure*. Oleh itu ramai pengguna dengan izin *divert* menggunakan Jalan Puncak Borneo.

Salah satu sebab daripada berkurangan trafik yang menggunakan jalan ini kerana jalan ini amat bengkok-bengkok dan juga banyak *slope failure*. Jadi saya ingin bertanya sama ada kementerian akan mengkaji semula pembatalan ini. Terima kasih.

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan itu izinkan saya mengalu-alukan kehadiran para penggiat masyarakat daripada Kawasan Parlimen P088 iaitu Temerloh. [*Dewan tepuk*] Saya minta mengumumkan itu oleh Yang Berhormat Temerloh tadi.

Baik, balik kepada soalan tambahan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo. Jikalau Yang Berhormat berhasrat untuk menghidupkan semula cadangan projek ini, saya ingin cadangkan Yang Berhormat menulis kepada kementerian dan kita akan pertimbangkan semula. Oleh sebab proses kelulusan dan pembatalan semua ini dibuat oleh kerajaan dahulu, kerajaan lama dan sudah lebih dua tahun dahulu. Akan tetapi jikalau Yang Berhormat berasa ada hujah-hujah yang kuat untuk keperluan projek ini, kita boleh pertimbangan sekali lagi. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta Menteri Industri Utama menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil kelapa sawit dan lada di Sarawak; dan
- (b) sama ada kementerian masih meneruskan bantuan untuk membina jalan ladang pekebun kecil luar bandar dan sekiranya ada, berapakah peruntukan untuk negeri Sarawak bagi tahun 2017-2018.

Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia baharu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Betong di atas soalan yang penting. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian mengambil berat akan pekebun-pekebun kecil sawit dan lada di Sarawak. Bantuan yang disediakan oleh kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi produktiviti pekebun kecil agar ianya dapat dipertingkatkan melalui pemberian bahan tanaman yang berkualiti dan penyaluran input pertanian yang lebih berkesan.

Bantuan ini tentunya tertakluk Yang Berhormat kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Pada masa ini ada empat skim bantuan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu yang pertama kita ada Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil. Skim ini melibatkan bantuan sebanyak RM7,500 sehektar bagi Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak untuk pembersihan tapak, bekalan benih, input pertanian dan juga khidmat nasihat.

Untuk skim yang kedua dan ketiga ini kita biasa panggil dia dengan Skim ITA dan ITE. Kedua Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITA). Skim ini bertujuan membantu pekebun kecil menjana pendapatan tambahan dengan memaksimumkan penggunaan tanah melalui tanaman lain di ladang. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM3,000 sehektar hingga RM11,000 sehektar, bergantung pada jenis tanaman.

Bagi Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE) ini, di mana skim ini untuk membantu pekebun kecil menjana pendapatan tambahan dengan mengoptimumkan penggunaan tanah melalui pemeliharaan ternakan lembu ataupun kambing di ladang mereka. Manakala skim yang keempat Yang Berhormat ialah Skim Bantuan Pembelian Jentera dan Alatan. Kita berikan diskaun sehingga 20 peratus

kepada pengusaha ladang bagi setiap pembelian jentera untuk ladang sawit mereka yang boleh membantu meningkatkan produktiviti.

Selain daripada itu, kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia, masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil lada seperti berikut;

Pertama, kita ada Skim Tanaman Baharu Lada. Skim ini bertujuan membantu pekebun mengusahakan tanaman lada, memperluaskan kawasan tanaman dan menanam semula kebun yang diserang makhluk perosak serta dilanda bencana alam. Had bantuan bagi seorang pekebun adalah 800 batang pokok, sepanjang tempoh RMKe-11. Namun, bantuan yang diberikan kepada pekebun dalam setahun adalah dalam 200 batang pokok hingga 400 batang pokok tertakluk kepada peruntukan semasa.

Kedua, kita ada Skim Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang. Skim ini bertujuan untuk menggalakkan pekebun menghasilkan lada yang berkualiti eksport melalui pemberian alat pemprosesan dan infrastruktur seperti pengipas, peleraian dan tangki rendaman untuk meningkatkan lagi kualiti lada.

Ketiga, adalah Skim Pembangunan Usahawan. Skim ini meliputi bantuan pengeluaran keratan lada dan urusan niaga jual beli lada. Ini termasuk membekalkan 400 keratan untuk tanaman induk sebagai tambahan kepada 600 batang pokok yang sedia ada, serta memberikan latihan khidmat nasihat dan bantuan pemasaran. Bagi tahun 2017 dan tahun 2018, kerajaan telah menyediakan bantuan kepada pekebun kecil lada dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang merangkumi pemberian input pertanian seperti baja, racun, *dolomite* dan khidmat nasihat teknikal yang memberi manfaat kepada 7,888 orang pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bantuan jalan ladang pula, projek Jalan Ladang Pekebun Kecil di bawah kementerian dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil komoditi persendirian di bawah seliaan agensi-agensinya kementerian. Jalan-jalan ladang ini tentunya akan memudahkan pekebun membawa masuk input-input pertanian ke ladang dan menghantar hasil komoditi segera ke pusat-pusat pemprosesan supaya memperoleh pendapatan yang berpatutan.

Pada masa ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian masih meneruskan bantuan bagi membina Jalan Ladang Pekebun Kecil ini atau di panggil JLPK dengan keutamaan kepada pekebun kecil komoditi persendirian di kawasan yang tidak mempunyai akses jalan masuk. Untuk tahun 2017 hingga tahun 2018, kementerian telah dan sedang membina 22 projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) sepanjang

38.5 kilometer dengan nilai peruntukan sebanyak RM6.6 juta untuk negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum, harga komoditi kelapa sawit dan lada pada masa ini telah menurun ke tahap yang amat menyukarkan pekebun-pekebun kecil di luar bandar bagi menyara kos hidup keluarga mereka. Pada semalam, 15 Ogos 2018 harga FMB ialah RM459 setan dan CPO RM2,195 setan. Jauh lebih rendah dari harga terendah pada tahun 2017. Manakala harga lada telah kekal pada harga yang rendah sepanjang tahun ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha kerajaan pada jangka masa terdekat dengan izin *short term measure* untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang terkesan akibat harga komoditi yang menurun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang penting ini. Kerajaan sentiasa prihatin dan komited kepada nasib kepada pekebun-pekebun kecil seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ataupun keprihatinan yang disebut Yang Berhormat.

■1150

Saya ambil satu keputusan kerajaan, misalnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk tahun 2019 hingga 2020, kita ada mengemukakan ataupun merencanakan pembangunan usahawan hiliran terutamanya bagi pekebun-pekebun kecil yang menanam lada di mana kita semua sedia maklum bahawa kita yakin dengan pembangunan hiliran dan juga pembangunan usahawan yang bersungguh-sungguh sudah pasti akan membantu pekebun-pekebun kecil ini mempertingkatkan hasil mereka.

Kita sedia maklum tentang keadaan yang berlaku sekarang ini. Malah, ada cadangan misalnya untuk kerajaan mempertimbangkan apa yang dipanggil sebagai geran jaringan keselamatan sosial industri lada. Perkara ini telah pun dibawa ke perhatian kementerian di mana geran ini, kalau mengikut cadangan yang telah dikemukakan, akan memberikan satu *social safety net*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apabila harga pasaran itu jatuh di bawah kos purata pengeluaran, di situlah kita harap cadangan ini dapat dipertimbangkan dan dijalankan oleh kerajaan.

Kita tahu, misalnya tadi Yang Berhormat sebut tentang lada hitam, *to be exact*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hari ini sahaja harga lada hitam ialah RM8,820 per metrik tan. Bagi lada putih hari ini ialah RM15,344. Jadi yang ini kita ambil maklum kerana kita tahu kos pengeluaran bagi lada hitam ialah RM9,000 dan bagi lada putih

ialah RM12,000. Jadi keadaan itu, pada hemat kementerian, kita berada dalam langkah yang berjaga-jaga.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga harap dengan strategi merencanakan lagi industri hiliran dengan pembangunan usahawan yang saya sebutkan tadi dalam jawapan awal, tentunya akan membantu pekebun-pekebun kecil lada ini dapat menambah pendapatan mereka dan menampung kesan ekonomi apabila harga komoditi ini jatuh. Kita ingin jelaskan di dalam Dewan Rakyat ini, kementerian sentiasa komited untuk membantu— khusus bagi pekebun-pekebun kecil lada ini, kita bercakap tentang 67,000 orang pekebun-pekebun kecil lada dan tentunya akan menjadi tumpuan dan dukungan daripada kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Salah satu perkara yang menentukan tingginya hasil produktiviti pekebun-pekebun kecil kelapa sawit ataupun lada ialah jalan raya yang terdapat di kebun-kebun berkenaan dan perkara ini tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi, yang menjadi isu sekarang ini di negeri Sarawak ialah keadaan jalan-jalan ladang yang masih lagi tidak sempurna. Perkara ini terjadi disebabkan implementasinya. Sebab, sebagaimana yang diketahui bahawa MPO iaitu *Malaysian Palm Oil* dan juga *Malaysian Pepper Board* (MPB) di negeri Sarawak kurang kemampuan dari segi kakitangan teknikal.

Jadi soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah kementerian ada mekanisme yang lebih efektif untuk menentukan pelaksanaan projek jalan ladang akan lebih cekap dan efisien pada masa yang akan datang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Igan di atas soalan berkaitan dengan jalan ladang pekebun kecil (JLPK).

Seperti mana yang saya jelaskan di dalam jawapan peringkat awal tadi bahawa kita membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan JLPK ataupun jalan ladang pekebun kecil ini dilakukan dengan baik. Tentulah dalam hal ini, Yang Berhormat, kita menghargai kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, begitu juga agensi-agensi di bawah Kementerian Industri Utama ini.

Dalam hal ini, kita meletakkan sasaran misalnya untuk tahun 2019 ini, kita akan membelanjakan lebih kurang RM19 juta lagi untuk memastikan jalan ladang pekebun kecil ini dijalankan. Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa jalan ladang pekebun

kecil ini, kita beri keutamaan kepada pekebun kecil komoditi persendirian dan ia bukannya syarikat. Justeru, kita juga ingin memberikan perhatian kepada syarikat dan sebagainya untuk sama-sama bagi tujuan pengeluaran hasil yang maksimum, *yield* yang tinggi dan juga melegakan pekebun-pekebun kecil ini— kadang-kadang kita berhadapan dengan situasi di mana ada tempat yang pekebun kecil di sebelahnyanya ada industri-industri yang lain. Jadi ini menimbulkan masalah.

Justeru, perlu ada suatu hubung jalin yang baik di antara kedua-dua ini dan tentulah sebagai kementerian, kita bersedia menjadi pemudah cara bagi memastikan agar jalan-jalan ladang ini dapat kita laksanakan tetapi dengan dukungan daripada semua pihak. Pada hemat kementerian, kita sentiasa menekankan *value for money*. Apabila kita membelanjakan misalnya tahun ini untuk Sarawak sahaja RM6.65 juta, kita hendak pastikan jalan ladang itu memberikan manfaat terus kepada pekebun-pekebun kecil persendirian ini.

Saya juga harap, oleh sebab Yang Berhormat daripada Sarawak, tentulah ada kerjasama selepas ini antara kementerian dengan Jabatan Pertanian Sarawak dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran. Jadi dengan kerjasama ini, saya harap boleh membantu paling tidak pun menyelesaikan permasalahan di kawasan Yang Berhormat sendiri yang saya yakin mempunyai ladang *pepper* yang besar ini. Terima kasih.

9. Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan kaedah kerajaan dalam pengawalan keselamatan pemancaran Telco Tower dan pendekatan yang telah/akan diguna pakai dalam proses pemantauan pembinaan Telco Tower.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Taiping di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari sudut keselamatan dan persekitaran, jarak menara di sesuatu lokasi tersebut perlu mematuhi jarak minimum menara yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana pembinaan tersebut, mengikut jenis menara telekomunikasi, hendaklah berpandukan kepada jarak dan mengikut jenis bangunan.

Sebagai contoh, jarak minimum menara dengan bangunan yang terdekat bagi bangunan yang ketinggian menara di bawah 45 meter untuk kediaman, jarak menara mestilah dalam jarak 20 meter. Manakala bagi bangunan jenis komersial untuk di bawah 45 meter, jaraknya adalah dalam 10 meter dan bagi jenis industri, jaraknya adalah lima meter. Manakala untuk ketinggian menara 45 meter dan lebih, untuk kediaman jaraknya mestilah 30 meter dan komersial 15 meter. Manakala bagi jenis bangunan industri adalah 10 meter.

Bagi pembinaan menara telekomunikasi sama ada di dalam kawasan bandar, luar bandar atau taman perumahan, pembinaan hendaklah berpandukan kepada garis panduan pembinaan menara dan struktur pemancar telekomunikasi yang telah ditetapkan oleh KPKT. Garis panduan tersebut menyatakan bahawa keperluan jarak anjakan dengan had ketinggian tertentu. Keperluan ini adalah untuk keselamatan termasuklah pagar dan langkah penstabilan cerun serta aspek-aspek lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat penyedia perkhidmatan.

Namun demikian, maklumat daripada penduduk atau orang awam berhubung tahap liputan perkhidmatan amat penting dan berguna dalam membantu pihak syarikat penyedia perkhidmatan untuk membuat perancangan bagi menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Manakala peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) amat diperlukan dalam menerima permohonan baharu sesuatu pembangunan infra dan komunikasi dalam kawasan pentadbiran mereka.

■1200

Jawatankuasa Setempat (OSC) di peringkat PBT turut diwakili oleh agensi-agensi teknikal yang berkepakaran dalam bidang tugas masing-masing seperti Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Certification Authority (CA) dan bomba bagi menilai dan membuat ulasan sesuatu permohonan tersebut. Peranan persatuan penduduk dan Pihak Berkuasa Tempatan sangat penting yang mana maklumat-maklumat berkenaan kawasan yang belum mendapat liputan perkhidmatan boleh disalurkan kepada SKMM.

Walau bagaimanapun, lokasi sebenar menara yang akan dibina adalah bergantung kepada faktor teknikal, seperti ketersediaan line off-side, rangkaian media, rangkaian sedia ada dan bekalan elektrik. Manakala kelulusan muktamad bagi pembinaan sesuatu menara akan ditentukan oleh Pihak PBT yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai kerajaan baharu yang berjiwa rakyat, kerisauan penduduk sekitar telco tower atas kesan negatif terhadap kesihatan mereka perlu dipantau dengan ketat dan efektif. Walaupun kaedah-kaedah yang disyorkan oleh Menteri agak menyeluruh dan sempurna, tetapi, dari segi pelaksanaan di peringkat tempatan masih terdapat banyak kelemahan yang mengakibatkan ketidakpuasan hati penduduk sekitar. Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kementerian bersedia untuk melibatkan penduduk sekitar telco tower dalam usaha melaksanakan pemantauan yang lebih efektif dan apakah kaedahnya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta timbalan Menteri jawab, masa pun tepat pada pukul 12 tengah hari. Saya berikan laluan untuk menjawab seringkasnya. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Taiping sebentar tadi. Secara ringkasnya penglibatan penduduk setempat ini adalah melalui OCS tadi di dalam kerajaan tempatan yang mana SKMM akan bertindak berdasarkan kepada maklumat yang diterima. Di samping itu juga, penglibatan secara langsung ini agak terbatas agak SKMM menyediakan cukup saluran-saluran aduan sama ada melalui panggilan telefon, melalui laman sesawang, aplikasi Whatsapp, SMS dan juga sebagainya yang memudahkan.

Sekiranya ada perkara-perkara yang melibatkan penjejasan kesihatan dan sebagainya maka, pihak SKMM akan mengambil tindakan yang segera dan bersesuaian. Sebagai contoh, perkara-perkara yang sering dibangkitkan ialah isu-isu yang berkaitan dengan kesan radiasi. Ini pun telah dilakukan kajian yang sangat komprehensif daripada tahun 1998, yang melibatkan banyak agensi. Ternyata dan terbukti masalah atau kesan radiasi ini tidaklah seteruk seperti mana yang digambarkan.

Namun, sekiranya ada, pihak SKMM akan membuat senarai *engagement* kepada pengadu supaya tindakan susulan yang bersesuaian dapat dibuat dan diambil. Selain daripada itu, cadangan untuk melibatkan secara langsung tadi, satu cadangan yang baik dan akan diberikan perhatian mengikut kesesuaian dan keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.04 tgh.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR.14/2018 Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018, DR.16/2018 Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018, DR.17/2018 Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 di No. 1 hingga No. 3 dan Usul Menteri Kewangan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di No. 4 hingga No. 6 seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mengemukakan sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah diluluskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG AKTA ANTIBERITA TIDAK BENAR
(PEMANSUHAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk membacakan kali yang kedua Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Sebelum saya baca Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ingin mengucapkan ucapan ringkas di sini iaitu ini adalah satu *historic moment*, detik bersejarah bagi saya sendiri. Oleh sebab, beberapa bulan yang lepas saya berada di sebelah sana,

membahaskan rang undang-undang ini untuk dibatalkan. Hari ini saya pula yang diamanahkan untuk membatalkan rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hari ini dalam sejarah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Hari ini dalam sejarah. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan bertujuan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018, Akta 803 Tuan Yang di-Pertua yang telah dikuatkuasakan pada 11 April 2014. Pemansuhan ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim serta memastikan pihak media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses mengimbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang terkandung di dalam Janji 27, Manifesto Pakatan Harapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses penggubalan Akta 803 adalah terlalu singkat dan konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengamal media dan ahli-ahli Parlimen, pembangkang pada masa itu tidak dijalankan secara menyeluruh. Akta 803 telah digubal pada satu tempoh kurang daripada tiga bulan iaitu bermula daripada penubuhan jawatankuasa khas berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar. Jawatankuasa khas pada 17 Januari 2018 sehingga tarikh ia dikuatkuasakan pada 11 April 2018. Tempoh penyediaan Akta 803 yang singkat ini juga adalah tidak memadai untuk rundingan dengan bersama pihak-pihak berkepentingan, *stakeholders*, dengan izin secara menyeluruh mengenai kesan dan implikasi pewujudan akta ini.

Tambahan pula, jawatankuasa khas tersebut hanya bermesyuarat sebanyak tiga kali sahaja iaitu pada 24 Januari 2018, 7 Februari 2018 dan 13 Februari 2018 dalam tempoh tiga bulan tersebut. Selain itu, hanya satu bengkel telah diadakan pada 12 Mac 2018 untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan penggubalan Draf Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 bersama-sama dengan kementerian, jabatan, agensi kerajaan yang berkaitan. Perkara ini telah menunjukkan betapa kerajaan dahulu, Kerajaan Barisan Nasional begitu tergesa-gesa di dalam menggubal dan meluluskan Akta 803. Maka, tidak hairanlah ia mendapat reaksi negatif daripada rakyat dan pengamal media di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, takrif Berita Tidak Benar di bawah Akta 803 adalah terlalu luas. Akta 803 mentakrifkan Berita Tidak Benar sebagai – termasuklah apa-apa berita, maklumat, data, dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual, rakaman video atau pun apa-apa dalam bentuk

lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea. Takrif ini terbuka kepada pelbagai tafsiran dan boleh disalahgunakan terutamanya apabila melibatkan berita tidak sehaluan dengan pihak kerajaan. Pengamal media tidak lagi bebas untuk menyiarkan berita ataupun menyuarakan pandangan yang bersifat kritikal terhadap kerajaan kerana bimbang berita tersebut akan dianggap sebagai berita tidak benar dan menyebabkan mereka boleh didakwa di bawah Akta 803.

■1210

Melalui Akta 803, penguat kuasa diberikan kepada mahkamah untuk membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar atas permohonan secara *ex parte*.

Dalam hal ini, mahkamah akan menghadapi kesukaran untuk menentukan sesuatu maklumat atau kenyataan merupakan maklumat atau kenyataan tidak benar secara muktamad semata-mata atas permohonan secara *ex parte* atau pun sebelah pihak. Terutamanya apabila ia melibatkan kenyataan yang terdedah kepada tafsiran yang pelbagai. Contohnya kenyataan berkaitan sejarah yang ada kalanya berbeza mengambil kira sumber dan elemen politik yang menyelubungi penceritaannya.

Seterusnya, peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 803 berhubung dengan pemakaian luar wilayah membolehkan seseorang sama ada warganegara— silap, termasuk penerbitan-penerbitan luar negara didakwa di Malaysia biarpun kesalahan dilakukan di luar negara. peruntukan ini sukar dilaksanakan sekiranya individu yang melakukan ini berada di luar Malaysia dan hanya boleh dituduh apabila dia berada di dalam negara ini atau jika tertuduh dapat dibawa ke negara ini melalui proses ekstradisi.

Sesi ini melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621) dan Akta Ekstradisi 1992 iaitu Akta 479 yang dilaksanakan dengan kewujudan perjanjian antara kedua-dua negara. Di samping itu, penggunaan Akta 803 ke atas individu bukan di luar negara juga dikhuatiri cenderung mewujudkan risiko yang tidak perlu kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara.

Seksyen 7(1) Akta 803 pula membenarkan individu ataupun entiti yang menjadi mangsa berita tidak benar mengemukakan permohonan secara *ex parte* di mahkamah untuk mendapatkan perintah menghapuskan berita tidak benar tanpa memberitahu orang yang dituduh menyebarkan berita tidak benar itu.

Namun permohonan secara *ex parte* itu tidak memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk hadir di mahkamah bagi membicarakan dan menentukan adakah berita

yang disebarakan itu tidak benar atau tidak meskipun subseksyen 8(1) Akta 803 membolehkan pengetepian perintah di bawah seksyen 7 Akta 803 tersebut.

Perkara ini boleh menjejaskan imej atau kredibiliti individu atau organisasi yang didakwa walaupun mereka belum tentu melakukan kesalahan tersebut di samping ianya terbuka kepada penyalahgunaan proses mahkamah, *abuse of process* dengan izin. Kerajaan percaya bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan Akta 803 apabila penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Komunikasi dan Media 1998 (Akta 588) dan undang-undang berkaitan fitnah boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dan efektif untuk membendung masalah berita. Kerajaan mempunyai pilihan untuk meminda peruntukan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan memperhalusi pemakaian dan keberkesanannya dalam menangani penyebaran berita palsu.

Pada masa yang sama, undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1998 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, walaupun dahulu akta ini kita pun dalam proses— sedang dalam manifesto kita juga di janji untuk— saya rasa untuk dimansuhkan ataupun dikaji semula. Akan tetapi dalam masa dilaksanakan akta ini, Akta 803— akta-akta ini masih lagi berkuat kuasa juga boleh digunakan untuk membendung masalah berita tidak benar.

Namun begitu kedua-dua akta ini sudah dikaji oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk dibuat pemansuhan seperti mana yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan. Kewujudan Akta 803 bersama-sama undang-undang sedia ada boleh ditafsirkan sebagai dengan izin, *over regulation* terhadap hak untuk bersuara seperti mana yang telah terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut penggubalan undang-undang, menurut G.C. Thornton dalam *Legislative Drafting: 5th Edition* di perenggan 7.34, di muka surat 157 dengan izin saya membacakan Tuan Yang di-Pertua—

“The first step is to consider whether further legislation is in fact necessary or whether the desired ends might not be capable of achievement wholly or in part either by administrative means or under existing legislation. If legislation is enacted that is not needed, that is a clear waste of time and therefore money and swells the volume of the statute book unnecessarily. In particular proposals to confer statutory powers on Ministers or officials require scrutiny because it may be that those powers, or some of them, may already exist under the common law or possibly

under the other statutes. Needless legislation must be discouraged. Unnecessary new legislation is not only useless, it is actively damaging. It adds to the statute book thus adding to the complexity of legislation and rendering its understanding and subsequent application, doubtful. It encourages the impression that the legislation is not significant enough to be preserved for priority policy issues, thus failing to draw the user's attention to a few, well-chosen statutes. And it creates the false [fraudulent] impression that the government has dealt with a social issue, whereas it clearly has not."

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah dirangka bertujuan untuk memansuhkan Akta 803. RUU ini mengandungi dua fasal di mana fasal 1 adalah berkenaan tajuk ringkas akta yang dicadangkan. Fasal 2 pula bertujuan mengenai peruntukan pengecualian.

Cadangan pemansuhan Akta 803 di bawah fasal 2 tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini. Pada tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, apa-apa permohonan bagi suatu perintah di bawah Akta 803 yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, atau apa-apa prosiding yang berkenaan dengan permohonan itu yang belum selesai di bawah Akta 803, boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa.

Pada tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta 803 yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pemansuhan Akta 803 juga tidak akan membawa kesan secara ke belakang dengan izin, *retrospective effect*. Oleh yang demikian pemansuhan Akta 803 ini tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang akan dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang telah diambil di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini.

Secara keseluruhannya, cadangan pemansuhan yang kini diusulkan adalah berasaskan kenyataan di bawah Akta 803 digubal bukan berdasarkan keperluan sebenar sekali gus ia telah gagal dengan izin *by design* untuk memberi impak positif dalam mengawal penyebaran berita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mencadangkan, izinkan saya tambah beberapa perkataan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak pembangkang tidak perlu

hendak bahas pun. Sebab apa, ini kalau kita laksanakan Akta 803 terus ini, mereka akan menjadi mangsa yang paling banyak. So, saya mencadangkan tidak perlu bahaslah. Setuju sahajalah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jika saya ikut cadangan Menteri, sekarang semua boleh balik rumah. Akan tetapi Dewan yang mulia ini adalah kamar perbincangan tertinggi di negara ini. Saya akan benarkan untuk perbincangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sesiapa yang menyokong?

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Semua sokong.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Memandangkan pemansuhan rang undang-undang ini hanya mengandungi dua fasal, maka saya hadkan masa perbincangan kepada 10 minit setiap orang. Akan tetapi sebagai panduan untuk perbincangan, saya sudah nampak ramai yang berminat dan bersemangat berkobar-kobar, saya hadiahkan pantun dahulu sebelum buka untuk perbincangan.

*Kalau laku wang di saku,
Beri sama gajus dan janggus,
Benar dilaku salah diaku,
Baru kita tulus dan lurus.
[Tepuk]*

Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor untuk membuka tirai. Masa 10 minit.

12.19 tgh.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Wah! *Not bad.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini yang cukup merupakan satu undang-undang yang *controversial* yang digubal pada masa pemerintahan Barisan Nasional sebelum PRU ke-14 baru-baru ini.

Hari ini mengikut *calculation* saya adalah hari yang ke-97, *am I right?* 97 hari selepas Kerajaan Pakatan Harapan memenangi PRU ke-14. Kami telah pun membuat beberapa janji, saya faham bahawa kesemuanya tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat.

■1220

Akan tetapi saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana membawa Rang Undang-undang ini untuk memansuhkan akta *Anti-Fake News* selaras dengan janji dalam manifesto. Saya ucapkan tahniah. Dalam masa seratus hari.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa undang-undang digubal, dalam bulan April tahun ini, pihak kami pada masa itu, pihak pembangkang telah pun membangkitkan banyak isu untuk mengekspresikan kekhawatiran kami atas undang-undang ini. Apakah kekhawatiran tersebut Tuan Yang di-Pertua?

Saya ingin memetik daripada beberapa badan yang diiktiraf- *recognized bodies*, dengan izin, yang telah pun membantah ataupun *condemn*, dengan izin, undang-undang ini.

SUHAKAM contohnya, menyatakan, saya *quote*, dengan izin, “*SUHAKAM strongly suggests that Parliamentary Committee be set up to consider plausible measures to address the issues of fake news, and to avoid confusion among the public given that Malaysia has already many laws to address form of hate speech and or unlawful content which are found in the Penal Code; Sedition Act; Printing, Presses and Publication Act; and Communication and Multimedia Act, among others...*”

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baru *start*, *can I just finish this part?*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baru mukadimah, enjin belum panas lagi.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya akan bagi, nanti, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi masa tinggal 7 minit.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...*Center to Combat Corruption & Cronyism (C4)* menyatakan, *quote*, “*The arbitrariness of the definition of*

“fake news” is repugnant to the rule of law and with the bill empowering only the Attorney-General to prosecute, it promotes greater impunity. It is a crushing blow for civic spaces, and with investigative journalism in this country”.

Human Right Watch (HRW) menyatakan, saya quote, “Malaysia’s Fake News Bill is a blatant attempt by the government to prevent any and all news that it doesn’t like, whether about corruption or elections. The proposed law uses draconian penalties and broad language in a audacious and unprecedented effort to control discussion of Malaysia worldwide”.

Ini adalah kutukan-kutukan daripada badan-badan yang terkenal. Adik Yang Berhormat Pekan, ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, juga telah pun menyatakan bantahan beliau di mana Nazir Razak telah pun menyatakan, di dalam satu *Instagram posting*, saya quote, *“This is about basic right of individual expression, and instilling fear of such draconian punishment based on ambiguous definition which will retard our society”.*

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini membawa hukuman maksimum satu denda RM500 ribu ataupun penjara selama enam tahun. Kenapakah Rang Undang-undang ini ataupun undang-undang ini diluluskan?

Adalah amat jelas bahawa undang-undang ini diluluskan untuk melindungi beberapa pihak daripada disoal berkenaan skandal 1MDB. Itu adalah matlamat utama undang-undang ini diluluskan. Saya mengatakan seperti itu oleh sebab pada masa itu, Timbalan Menteri Dato Seri Jailani Johari atas rekod menyatakan bahawa, saya quote, *“Any news related to 1MDB which is not recognized by the authority would be considered fake news”.* Itu adalah tujuan utama undang-undang ini diluluskan dan itu sebabnya kita mesti memansuhkan rang undang-undang ini hari ini supaya skandal 1MDB itu boleh didedahkan untuk semua, bukan sahaja di negara ini tetapi *worldwide...*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat ada sebut petikan daripada beberapa agensi yang menyebut bahawa kita sebenarnya mempunyai undang-undang yang sudah cukup untuk mengawal sekiranya ada berita yang berunsur fitnah dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju kalau lihat rekod bagaimana, misalnya akhbar yang dimiliki oleh UMNO, *Utusan Malaysia* telah sering kalah, dan terpaksa membayar saman sebagai bukti bahawa sebenarnya kita telah ada undang-undang yang cukup dan tidak perlu ada undang-undang baharu.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Saya cukup setuju. Memang itu adalah satu isu pokok untuk menyokong untuk memansuhkan undang-undang ini.

Kita sudah ada banyak undang-undang yang sedia ada untuk menangani masalah *fake news*. *Let it make a very clear. We are very anti-fake news. There was no doubt about it. I think that must be stresses. But we are against the abuse of law introduced for that purpose. That is the different, and this is one such law.*

Kenapa saya kata seperti itu Tuan Yang di-Pertua? Undang-undang yang lain yang sedia ada pada masa ini termasuk seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi, undang-undang *Civil Defamation Act, Criminal Defamation Act, The Printing Presses and Publications Act, The MCMC Act*, semua undang-undang ini, sudah ada peruntukan untuk menangani masalah *fake news*. Di mana undang-undang tersebut, memperuntukkan bahawa sekiranya *fake news* itu dibuktikan, ada beberapa hukuman yang tertentu yang sedia ada.

Jadi kalau misalnya dalam kes *defamation*, kita perlu membuktikan bahawa *news* ataupun berita tersebut adalah palsu. Akan tetapi di dalam rang undang-undang ini siapa yang menentukan bahawa *news* atau berita itu adalah palsu, *who determines?* Itu adalah isu-isu pokok. *Who says, what is fake and what is not?*

Attorney General perlu, ataupun Peguam Negara perlu memberi kebenaran untuk *prosecution* ataupun pendakwaan di bawah undang-undang ini. Jadi sekiranya *Attorney General* itu membuat berita palsu sendiri, adakah dia akan memberikan kebenaran untuk menghukum dirinya sendiri, ataupun mendakwa dirinya sendiri? Sekiranya Tan Sri Apandi Ali, Tuan Yang di-Pertua telah pun berbohong, bila dia melepaskan Yang Berhormat Pekan pada masa itu- *he cleared him of the 1MDB scandal. If that is a lie, will he charge himself under this act?* Sudah tentunya tidak.

Jadi saya hendak bertanya, isu ini adalah penting, oleh sebab itu adalah *the root of the abuse of this particular act*, sebab Peguam Negara boleh menentukan, apa itu *false and what is not*.

Jadi sebelum PRU Ke-14, Tuan Yang di-Pertua kita semua takut mahu pergi berceramah, mahu bercakap berkenaan 1MDB. Kita semua takut *that was the effect, that was the purpose of this Act. So that when we went campaign during the General Election*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we were not given, or we were- fear was instill or put into our mind. Why are we under the Pakatan Harapan Government allowing that to continue? We must not allow that to continue.* Oleh sebab isu *press freedom*,

adalah isu utama yang perlu kita lindungi. *The freedom speech is the right guaranteed under the Federal Constitution.* Satu hak Perlembagaan yang semua kami ada. *We cannot curtail or we should not curtail such freedom of expression, freedom of speech.*

Jadi saya ada banyak isu lagi tetapi memandangkan masa telah pun singkat, izinkan saya mengakhiri dengan menyatakan Tuan Yang di-Pertua bahawa, saya mengalu-alukan akta ini dan saya berharap akta-akta lain yang zalim, yang menyekat *freedom of speech* juga perlu di-review oleh kerajaan baharu, di Malaysia baharu ini, untuk memastikan bahawa *the freedom of speech is maintain* seperti *the Sedition Act*, seperti *the Printing, Presses and Publication Act*. Ini adalah juga undang-undang zalim yang telah pun dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk disemak bagi tujuan dimansuhkan. Dan saya berharap bersama undang-undang ini, undang-undang zalim yang lain- *draconian* tersebut juga ada langkah-langkah diambil untuk dimansuhkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Pengerang, sila.

12.29 tgh.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab saya dengar daripada ucapannya tak perlu bahaslah sebab kalau tidak ada *fake news* ini lagi senang. Bagi saya itu satu kenyataan yang mungkin dalam Dewan ini dia berjenaka, kalau di luar bahaya kalau Timbalan Menteri Undang-undang bercakap sedemikian tetapi tidak mengapakah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar apa yang telah dibahaskan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Dan saya juga mendengar- masa saya sebelah sana, dan beliau sebelah sini. Sekarang beliau sebelah sana, saya sebelah sini... *[Menunjukkan Blok tempat duduk yang saling bertukar]*

■1230

Saya mendengar dan saya memahami apa yang sedang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saling faham-memahami adalah menjalin *silaturahmi*.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, semua adalah rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana pun gaduh, kita semua adik-beradik... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memahami niat kerajaan untuk membatalkan. Akan tetapi persoalan saya ialah, sebenarnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor sebab dia sebut banyak lagi manifesto yang telah dijanjikan untuk dimansuhkan. Sebagai contohnya, Akta Hasutan; Akta Pencegahan Jenayah; Akta Universiti dan Kolej Universiti; Akta Mesin Cetak; Akta Majlis Keselamatan Negara. Macam-macam lagi undang-undang yang kita boleh bawa.

Akan tetapi hari ini kita membicarakan dan membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018, atau *fake news* atas alasannya kononnya tidak ada kezaliman. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bilakah akta ini digunakan untuk *political prosecution*? Semenjak akta ini diwujudkan sampai sekarang, tidak ada langsung di mana kerajaan pada masa itu mendakwa orang politik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat. Boleh saya jawab?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Biar saya jawab dahulu. Lapan minit, nanti Yang Berhormat Jelutong bolehlah bahas ya.

Saya tanya pertama, di manakah menjadi *political prosecution* dalam undang-undang ini? Kedua, Yang Berhormat Menteri sebut tentang undang-undang yang ada hari ini, katanya ada Akta Komunikasi, dia kata dalam adanya Undang-undang Kanun Keseksaan, *Penal Code*. Kemudian dikatakan adanya contoh kalau kita wujudkan undang-undang hari ini, kita setuju.

Akan tetapi undang-undang hari ini kita tahu bahawa beban buktinya, prosedur Undang-undang Jenayah itu disebabkan apabila kerajaan masa dahulu membahaskan *Anti-Fake News Act 2018* itu ialah kerana isu sosial media. Di mana telah dinyatakan dalam perbahasan di Dewan, kalau kita tengok dalam *Hansard*, antara cabaran yang paling penting ialah cabaran masa. Di mana *social media* itu adalah satu jenis senjata yang kalau kita tengok, boleh mewujudkan keadaan yang tidak tenang bagi masyarakat seluruh dunia. Bukan sahaja dalam negara kita yang mana undang-undang ini...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Pengerang, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lembah Pantai mohon mencelah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tidak mengapa. Biar saya, tujuh minit. Saya bagi, kecuali kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya lagi 20 minit, saya bagi kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi 20 minit, *no problem*. *Speaker decide*. Masa 10 minit, saya sudah tinggal enam minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Walau apa permintaan, saya tetap adil, setiap orang 10 minit.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua tolak, saya tolak. Minta maaf Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita boleh bincang masa tengah makan tengah hari.

Jadi, persoalan sekarang di mana buktinya bahawa undang-undang ini telah digunakan dalam keadaan yang zalim? Setahu saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin dalam rumusan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh wujudkan kes-kes yang mana telah didakwa, berbanding dengan undang-undang yang sedia ada pada hari ini. Undang-undang yang sedia ada pada hari ini, Kanun Keseksaan, Akta Multimedia, ia tidak boleh dan tidak mampu mengendalikan kes-kes media sosial yang berlaku dengan pantas kerana masalah pertama yang paling penting Tuan Yang di-Pertua ialah akaun palsu.

Saya kata pada hari ini, tanya pada MCMC, tanya kepada Polis Diraja Malaysia, Bahagian Pendakwaan, yang mana masalahnya ialah akaun palsu itu susah hendak cari tuan punya. Oleh sebab orang dayus sahaja memakai akaun palsu. Kalau orang itu berani macam Yang Berhormat Sepang, dia letak nama dia. Dia tidak ada masalah ataupun yang mana dalam Dewan tidak bersetuju, mungkin Yang Berhormat Bagan, dia cakap pembangkang perompak semasa kerajaan, dia boleh cakap dekat luar Dewan, contohnya kalau dia berani. Akan tetapi dia cakap dalam Dewan. Kalau dalam Dewan ini adanya Perlembagaan yang mewujudkan perlindungan kepada wakil rakyat.

Akan tetapi akaun palsu Tuan Yang di-Pertua, masalahnya siapa orangnya? Kemudian yang berlaku pada keadaan tersebut, apabila akaun palsu itu mewujudkan masalah-masalah fitnah, macam mana kita hendak tarik balik fitnah tersebut? Itu sebabnya *interim order* ini Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan yang mana kita hendak turunkan dahulu. Oleh sebab pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat antarabangsa seperti *Facebook*, *Twitter*, ia tak nak turunkan mana-mana fitnah kecuali adanya Perintah Mahkamah, *Court Order*.

Jadi, kalau kita guna undang-undang yang sedia ada seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Undang-undang *Penal Code*, Akta MCMC, hendak pergi ke undang-undang tersebut, hendak turunkan, akan memakan masa lama. Mungkin dalam jangka masa setahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun. Reputasi orang yang terlibat sudah jahanam. Akan tetapi dalam akta ini, *quasi criminal* Tuan Yang di-Pertua. Sekurang-kurangnya turunkan dahulu, kemudian membahaskan, membincangkan, membawa elemen-elemen bahawa ini adalah berita palsu yang ditentukan oleh mahkamah, hakim dan bukan oleh agensi kerajaan.

Berbanding dengan undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang penentunya adalah agensi kerajaan. Saya ada lagi empat minit dan 20 saat. Kemudian saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, yang mana semalam itu kita dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dewan. Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dicadangkan diwujudkan satu *Select Committee*, Jawatankuasa Dalam Hal Ehwat Undang-undang.

Saya baca dalam sini yang mana hendak diluluskan pada hari ini. Contohnya, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasakan memang ini sesuatu yang wajar dipinda secepat mungkin atas alasan-alasan, kita wujud kepada Jawatankuasa Pemilihan Khas, *Special Select Committee for Consideration of Bills*, sebagai contoh. Kita bincang dan panggil semua pakar-pakar dalam bidang sosial media, kita panggil *Twitter*, *Facebook*, *Google*, *Yahoo*, semua kita panggil.

Undang-undang semua agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, untuk membincangkan macam mana undang-undang ini boleh dibantu untuk membantu isu sosial media *fake news* dalam negara kita. Contohnya, cadangan saya yang tiga minit 11 saat tinggal. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membuat pindaan pada akta. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengatakan kerajaan sudah bincang pindaan itu. Yang Berhormat Bukit Gelugor kata denda itu tinggi. Itu *deterrence*, Tuan Yang di-Pertua. Kita kurangkan denda. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa undang-undang ini dilihat sebagai zalim, dan *draconian*, kita *twist* kepada undang-undang itu untuk membuat pindaan.

Oleh sebab jawatankuasa bersetuju ada wujudnya *Special Select Committee for Consideration of Bills*. Ini tidak semestinya undang-undang baru. Ini juga mewujudkan undang-undang lama. Jadi, *point* saya ialah jangan tergesa-gesa. Oleh sebab kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor kata disebabkan inilah kita tidak boleh bahas 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, kita orang kalah pasal 1MDB lah. Apa Yang Berhormat Bukit Gelugor kata tidak boleh bahas, tidak boleh berceramah? Semua orang bercakap tentang 1MDB yang menyebabkan rakyat percaya bahawa inilah kerajaan wajar ditukar.

Jadi, apa kena-mengena isu tersebut dengan rang undang-undang ini? Jadi, kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga Yang Berhormat Menteri dalam ceramah politik berkata bahawa ini akan mewujudkan dan menggerunkan rakyat, konon rakyat takut hendak bercakap, saya minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, agak tidak tepat dan tidak benar kerana...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tidak bolehlah. Tuan Yang di-Pertua tidak bagi 20 minit, *I can't...*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Because you refer to me.*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: *You can answer later. Unless he gives me 20 minutes, but he doesn't want to. With all due respect.*

Jadi, dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan bahawa jangan melempar. Saya hendak minta kesimpulannya, seksyen 88, *Law Reform Act*. Ini lagi penting. Kes-kes kanak-kanak yang telah *conversion*, contohnya. Itu lebih penting dan juga undang-undang yang ada pada hari ini.

Kalaulah Yang Berhormat Menteri mengatakan zalim, banyak lagi undang-undang yang boleh dikatakan zalim. Jadi, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, janganlah marah nyamuk, bakar kelambu. Kalau sudah menang itu, menanglah. Buatlah yang terbaik. Jangan pula ambil kesempatan sebab ada lebih kuasa majoriti hendak main lanyak sahaja. Tidak ada masalah, hendak lanyak, lanyaklah. Akan tetapi dalam isu ini, Tuan Yang di-Pertua sebagai orang tengah, kena berlaku adil.

Harapan saya, sistem yang ada dalam Dewan ini ada, bagi saya, saya haraplah dengan adanya undang-undang, memang kerajaan akan menang dari segi undi. Akan tetapi harapan saya, kerajaan kena fikir dan kerajaan kena ingat bahawa undang-undang dibuat adalah untuk melindungi dan membantu rakyat. Jadi, kita mesti ingat bahawa rakyat kita dan ada rakyat di luar negara sana berperang kerana *fake news* dan sosial media. Jadi, dengan tinggalnya 31 saat, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pengerang menolak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya menjemput Yang Berhormat Kluang untuk membawa juga suara wanita.

12.39 tgh.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini adalah hari terakhir sidang Parlimen kali ini. Saya ucapkan tahniah kepada semua kerana kita akhirnya akan mansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar. Akan tetapi paling penting sekali, semua orang faham bahawa dalam zaman ini, berita yang tidak benar sudah jadi satu fenomena yang kita tidak boleh dinafikan, yang sudah memberi kesan negatif terhadap kehidupan setiap orang. Kalau mengikut satu laporan, dengan izin, *Reuters Institute Digital News Report 2018*.

■1240

Sebenarnya sebanyak 63 peratus rakyat Malaysia yang ambil bahagian dalam kajian ini kata bahawa mereka ambil perhatian, *concern about*, dengan izin, tentang tahap kebenaran berita-berita yang mereka baca *online* iaitu isu berita tidak benar wujud tetapi dalam akta yang digubal oleh Parlimen penggal lepas itu tidak dapat menangani masalah berita tidak benar. Kenapa saya kata sebegini? Hal ini kerana yang paling penting, berita tidak benar selalu ada, selalu muncul tak kira *online* atau *offline*.

Sebelum kita ada aktiviti *online* pun, pun ada berita tidak benar. Berita angin sentiasa ada tetapi macam mana kita menangani? Sebelum zaman ini, mungkin penyebaran berita tidak benar, berita palsu itu tak serius seperti zaman ini iaitu selepas beberapa orang yang sebar berita angin itu atau berita palsu itu, berita palsu itu akan berhenti.

Seorang Ahli: ...Khabar angin.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Khabar angin, ya. Khabar angin itu akan berhenti kerana tak ada orang akan percaya lagi. Akan tetapi dalam zaman ini, tiap-tiap hari kita buka *Facebook* tengok khabar atau berita yang sumber itu memang tidak boleh dipercayai. Masalah di sini- isu pokok itu adalah terlalu ramai pembaca tidak dapat kenal pastikan sumber mana yang mereka boleh percaya. Menurut laporan yang sama, sebanyak 44 peratus rakyat Malaysia ambil bahagian dalam kajian laporan yang sama itu percaya bahawa mereka telah baca tidak benar iaitu berita palsu pada minggu lepas apabila kajian tersebut dijalankan tetapi kita perlu tanya terlebih dahulu, apa maksudnya berita palsu?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kluang, minta laluan. Sekejap.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Kluang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya berkenaan dengan berita anti tidak benar ini juga, adakah termasuk dalam kes yang baharu satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kapar yang mengatakan bahawa satu konspirasi sedang diatur untuk menyekat Datuk Seri Anwar daripada jadi Perdana Menteri dan dijawab...

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Nanti sekejap. Dijawab oleh Perdana Menteri sila berikan bukti. Adakah ini termasuk dalam berita anti tidak benar? Jadi kenapa tidak diambil tindakan sedangkan undang-undang sudah ada?

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya akan jelaskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, silakan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang ini masalahnya, apa maksudnya berita tidak benar? Kalau ikut *academician*, ada beberapa kategori, ada beberapa jenis. Bukan semua langsung masuk jenis berita palsu atau berita tidak benar. Ada, dengan izin, *misinformation*, ada lagi *disinformation*. *Misinformation* itu adalah maklumat salah dan sebenarnya kalau kita kaji betul-betul, banyak berita yang pembaca mengadu bahawa itu berita palsu atau berita tidak benar sebenarnya cuma mengandungi maklumat salah ataupun cara mereka tulis berita itu tak betul sangat iaitu berita yang nak *spin* lah, dengan izin.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih, Yang Berhormat Kluang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian persepsi ya. Kita bicarakan soal menghapuskan Akta Antiberita Tidak Benar. Apa persepsi umum? Persepsi umum rakyat ialah kita setuju supaya berita tak benar disebarkan. Itu persepsi awal. Jadi saya minta komen daripada Yang Berhormat Kluang, penghapusan akta ini telah meletakkan satu sikap di kalangan rakyat, persepsi kepada rakyat bahawa kita bersetuju supaya disebar berita yang tak benar sebab kita hapuskan akta tersebut. Jadi minta pandangan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Ini adalah isu yang akan saya jelaskan nanti. Kenapa kita mansuhkan akta ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Empat minit sahaja ya.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: ...Kerana akta yang digubal pada bulan April ini tak efektif langsung untuk menangani masalah berita palsu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Kluang. Lembah Pantai, belakang. Satu minit. Okey? Yang Berhormat, saya ingin bertanya. Sebentar tadi ada disebut oleh Yang Berhormat Pengerang bahawa tunjukkan satu kes yang mana telah didakwa sesiapa di bawah akta ini. Saya nak mohon pandangan Yang Berhormat Kluang, bukannya kerana kerajaan yang telah mewujudkan akta ini telah kalah maka sebab itulah tak ada sesiapa- *alhamdulillah* yang didakwa di bawah akta ini? Apa pandangan Yang Berhormat Kluang?

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Ya, memang betul. *Alhamdulillah* tiada sesiapa pun duduk di bawah akta ini iaitu sebelum ada orang yang disalahkan di bawah akta ini, kita mansuhkan lebih dahulu. Lebih baik kita mansuhkan semua akta yang zalim terlebih dahulu sebelum ada orang yang dimangsakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Laluan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tak akan ambil masa. Cuma untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Langkawi telah disiasat di bawah akta ini iaitu satu hari sebelum pencalonan, didapati bahawa kapal terbang yang beliau ingin naiki terdapat masalah. Perkara itu dilaporkan. Beliau membuat kenyataan dan beliau telah dipanggil untuk penyiasatan. Itu adalah benar, untuk maklumat Dewan yang mulia ini.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu minta laluan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Nasib baik Yang Berhormat Langkawi cuma disiasat sahajalah, belum didapati salah.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kluang, Setiu minta laluan. Sedikit sahaja.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Maaf, saya ada dua minit lagi sahaja.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Satu saat sahaja, satu saat sahaja.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Nantilah, nanti. Kawan lain.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Satu saat, bolehlah Setiu.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tak ada soalan yang boleh ditanya dalam satu saat. Jangan memesongkan Dewan ini. Sila.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Pepatah ada mengatakan berani kerana benar, takut kerana salah. Adakah Yang Berhormat Kluang setuju?

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya rasa kita boleh bincang nantilah. Akan tetapi yang paling penting sekali, gubalkan satu Akta Antiberita Tidak Benar tidak dapat menyelesaikan masalah berita palsu. Hal ini kerana sebelum zaman *website* atau sebelum itu, sudah ada berita palsu dan penyelesaian adalah meningkatkan kecelikan media semua orang. *Media literacy*, dengan izin, baru kita boleh menangani masalah ini. Apa itu kecelikan media?

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya guna satu contoh di negara Sweden. Mereka sudah melaksanakan satu projek, *the news evaluator* dengan izin, menyasarkan golongan remaja antara umur 13 tahun hingga 18 tahun untuk ambil kelas kecelikan media dan kelas tersebut mengajar pelajar yang ambil bahagian untuk menilai amanah laporan berita. Antaranya faktor seperti sumber berita yang mereka baca dan apa bukti yang diguna pakai dalam berita itu.

Ketiga, macam mana agensi media lain membuat laporan yang sama dengan tajuk subjek yang sama. Penilaian projek ini akan dibentangkan selepas projek itu diselesaikan pada bulan September tahun ini. Itu saya harap selepas kita mansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar, kerajaan baharu ini juga pandang lebih dalam ke dalam apa langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk menangani masalah itu dan untuk menggubal satu akta yang zalim dan khasnya ada satu autoriti untuk mengenal pasti apa berita yang palsu, apa berita yang benar adalah satu langkah yang salah. Jadi dengan ini, saya sokong usul ini untuk mansuhkan Akta Anti Berita Tidak Benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Kluang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila.

12.49 tgh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedang membicarakan suatu akta untuk hapuskan semula apa yang telah dilakukan oleh kerajaan yang lalu. Saya menarik perhatian soal apa yang pencipta manusia, Allah SWT sebut dalam al-Quran... [*Membaca petikan ayat al-Quran*]

■1250

Maksudnya orang-orang yang beriman, sekiranya datang orang memberitahu kepada kamu, hendaklah siasat dahulu berita tersebut supaya kamu tidak bertindak dengan kezaliman, nanti kamu akan menyesal. Ayat ini menegaskan dua prinsip. Yang pertama perlunya ada *tabayyun*, sesuatu berita yang kita buat yakni menyelidiki untuk mengesahkan suatu berita itu benar ataupun tidak.

Yang kedua akibat daripada tindakan yang tidak betul menyebabkan kita akan menyesal dengan tindakan tersebut. Daripada ayat ini kita dapat gambarkan bahawa perlunya suatu peraturan digubal bagi menyekat berlakunya penyebaran berita yang tidak benar dalam masyarakat. Umum kita menerima hakikat tersebut bahawa kita perlu ada akta yang mengawal. Cuma perbezaan kita di sini ialah peraturan-peraturan yang ada telah cukup dan tidak perlu pada akta baru. Saya fikir itu titik perbezaan kita dalam isu ini di mana Kerajaan Pakatan Harapan melihat tidak ada keperluan untuk dibuat akta baru dan kita mansuhkan adanya peraturan-peraturan yang lain yang cukup bagi mengawal penyelewengan atau berita yang tidak benar.

Sebaliknya bagi pihak kami, kami melihat bahawa perlu diwujudkan akta tersebut dengan suasana media sosial yang tidak terkawal supaya setiap isu yang berlaku ini dapat dipantau terus. Kita perlu bina suatu konsep di kalangan rakyat untuk bertanggungjawab dengan berita yang mereka buat dan setiap berita yang mereka tulis atau berita-berita yang mereka sebar dalam keadaan alam maya terbuka luas ini ya, aspek kebertanggungjawaban terhadap apa yang mereka sebar ini ialah menjadi suatu masalah besar. Sebab itu kita lihat bahawa perlunya akta ini dikekalkan.

Saya tengok di antara satu budaya yang ada dalam kerajaan baharu, minta maaf untuk sebutkan, saya lihat bahawa terlalu banyak soal untuk hapus yang lama, tukar yang baru. Buang yang lama, tukar yang baru. Ada keperluan kita akui tetapi kalau dalam kes-kes tertentu, dia bukan sahaja untuk hapus akta, dia melibatkan kos yang ditanggung oleh rakyat.

Sebagai contohnya, kalau kita akui bahawa, bimbang kita berlakunya penyelewengan dengan akta ini, saya fikir kerajaan baru yang ada, mereka tidak perlu rasa risau lagi dengan kerajaan yang ada hari ini hingga terpaksa diubah akta tersebut. Kalau kebimbangan itu masih ada, bermakna rakyat masih lagi belum dihantar satu isyarat bahawa kita telah berubah kepada membetulkan penyelewengan yang berlaku sebelum ini. Kita akui bahawa banyak akta-akta yang disalahgunakan sebelum ini.

Akan tetapi menghapuskan akta bukan menjadi fokus. Yang menjadi fokus ialah betulkan apa yang tidak betul ya. Sebagai contoh, bila kita menggubal akta tentang GST kepada SST sebagai contoh, sama juga dengan akta ini. Dia bukan hanya menukar ataupun menghapus tapi implikasi kewangan yang besar yang terpaksa ditanggung setiap kali kita buat perubahan dan saya sebut tadi apakah persepsi yang telah kita letak pada rakyat. Bila kita hapuskan Akta Antiberita Tidak Benar, persepsinya ialah kita bersetuju dengan yang tidak benar. Ini persepsi yang ada pada rakyat dan kita boleh beritahu bahawa kebimbangan-kebimbangan terhadap akta yang berlaku dan hingga setakat ini tidak ada kes mungkin disebut oleh Ahli Parlimen tadi, Timbalan Menteri pernah disiasat pernah di bawah akta ini tapi belum ada tindakan dan sebagainya sebab akta yang baru.

Akan tetapi saya lebih suka untuk melihat bahawa kalau dengan penghapusan akta ini, dia akan menambahkan, kita bimbang menambah keberanian di kalangan rakyat yang suka melakukan *fake news* ini, berita bohong ini untuk lebih rancak. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk makluman Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau lah katakan Pakatan Harapan tidak memenangi pilihan raya ini. Besar kemungkinan akta tersebut akan digunakan untuk menzalimi pihak pembangkang. Malahan banyak sangat berita yang dikeluarkan oleh pihak UMNO kononnya kita anti dan sebagainya. Tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, okey, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mengapa hanya tindakan diambil terhadap satu pihak sahaja. UMNO selalu mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghasut, tidak ada sebarang tindakan yang diambil, Utusan mengeluarkan kenyataan-kenyataan menghasut, tidak ada sebarang tindakan diambil. Mengapa? Selalunya undang-undang itu baik tapi disalah gunakan untuk menzalimi pihak pembangkang. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, terima kasih. Isunya ialah salah guna. Isunya bukan akta, isunya salah guna pada akta. Apakah Kerajaan Pakatan Harapan yakin hendak salah guna akta yang ada? Kalau Pakatan Harapan yakin tidak berlaku salah guna, apa perlu kita hapuskan akta ini.

Yang kedua...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kenyataan daripada Yang Berhormat Jelutong tadi seolahnya mereka tidak yakin mereka boleh kekal untuk pilihan raya akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Melaka mohon mencelah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Melaka mohon mencelah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila, sila.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: [*Bangun*]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kubang Kerian, adakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju dengan saya bahawa undang-undang yang sedia ada pada hari ini sudah mencukupi untuk menandingi berita palsu. Contohnya undang-undang sivil, saman fitnah ataupun kepalsuan niat jahat yang boleh digunakan dan juga undang-undang jenayah di bawah seksyen 505, Kanun Keseksaan mengenai kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Bukankah undang-undang sedemikian sudah mencukupi untuk digunakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya tengok bahawa akta ini digubal...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Kubang Kerian, boleh saya minta jalan Yang Berhormat Kubang Kerian, *just* satu perkara yang berkaitan. Berkenaan dengan undang-undang yang sedia ada seperti yang telah pun Yang Berhormat Pengerang kata tadi, kita perlu satu mekanisme untuk menghalang berita palsu dengan mendapat perintah halangan yang sedia ada dalam undang-undang ini. Akan tetapi undang-undang sivil yang sedia ada sekarang memberikan kami peluang untuk dapat *injunction*. So itu adalah satu perkara biasa sekiranya ada satu undang-undang palsu, *we can go to court*, dapat *injunction* seperti yang selalu kita buat. So kenapa kita perlu undang-undang selain daripada undang-undang yang sudah ada *injunction* tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya fikir, bagi saya soal kita mengakui bahawa undang-undang yang ada, yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Melaka, memang ada akta dan peraturan yang ada. Akan tetapi waktu kita bahaskan akta ini pada sesi lepas, kita melihat bahawa perlunya satu kawalan untuk disatukan di bawah akta untuk *fake news*.

Kalau tidak perlu, saya fikir tidak perlu kerajaan gubalkan kalau untuk salah guna, mereka boleh gunakan akta-akta yang ada untuk salah guna. Saya fikir bukan, bagi kita ialah soal undang-undang yang ada ini, memang ada tapi kedudukannya berterabur dalam pelbagai seksyen yang ada dalam perundangan dan wujudkan akta *Fake News* ini ialah untuk supaya dapat dikendalikan dalam keadaan yang lebih teratur dan lebih fokus kepada isu *fake news*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kubang Kerian, minta laluan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya fikir ini di antara benda yang perlu kita fikir bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Malim mohon mencelah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sila.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kubang Kerian, saya tertarik dengan apa yang disampaikan tadi. Kalau saya tidak silap dan dulu PAS pun sangat membantah Akta ISA di mana disalah gunakan oleh penguasa untuk menzalimi rakyat. Kenapa sekarang pula Tun sudah berbeza. Saya hendak sampaikan adalah, apa yang saya hendak cakap adalah. Tidak, kalau ada undang-undang yang ada ruang untuk kerajaan untuk salah guna, maka undang-undang itu adalah undang-undang yang tidak baik.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, okey. Terima kasih. Isunya salah guna. Bukan kerajaan yang ada. Kalau kerajaan yang ada kita yakin disalah guna, dan PAS menentang Kerajaan Barisan Nasional 61 tahun, kita menentang dan kita bersama melihat bahawa perubahan kepada kerajaan baharu. Akan tetapi kerajaan baharu yang ada jangan hantar satu isyarat kepada rakyat bahawa dia kecenderungan ke arah penyalahgunaan akta yang ada. Buktikan bahawa kita mampu ikut peraturan yang ada dan kita tidak akan menyalahgunakan akta yang ada... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat perbahasan kita bukan hanya melihat kepada fakta dengan parti-parti politik yang ada perbezaan di sini. Akan tetapi marilah kita sama-

sama melihat kepentingan akta ini dalam konteks menggubal supaya satu hari nanti kita tidak akan gubal semula benda yang kita tolak pada hari ini dan saya harapkan kita bersama untuk menyokong dan mengekalkan akta yang ada. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya jemput Yang Berhormat Jelutong.

12.59 tgh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya akan ringkaskan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pemansuhan akta ini di atas alasan-alasan tertentu. Kita lihat seperti yang telah saya katakan tadi, akta ini seperti akta-akta lain akan disalah gunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, masa sudah sampai pukul 1. Perbahasan ditangguhkan ke pukul 2.30 petang. Simpan tenaga dulu, lepas itu datang bahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mesyuarat ditangguhkan.

[[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis disambung semua dengan menjemput Yang Berhormat Jelutong untuk menyambung perbahasan. Ada baki sembilan minit 42 saat.

2.32 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu dukacita sekali kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sana yang berani untuk menjawab perbahasan saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ada, ada.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Ucap dahulu baru tahu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini bangun untuk menyokong pemansuhan akta ini di atas beberapa alasan. Pertamanya, kita lihat di bawah Kerajaan Barisan Nasional bagaimanakah undang-undang selalunya disalahgunakan. Berapa kali DAP dituduh dengan macam-macam pertuduhan. *Utusan Malaysia*, surat khabar yang selalu menyokong UMNO dan Barisan Nasional membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap parti DAP dan Pakatan Harapan tetapi kita lihat Undang-undang Antiberita 'Palsu' langsung tidak pernah digunakan untuk menuduh mereka di mahkamah ataupun untuk mengambil tindakan.

Di sini, saya berbalik kepada kejadian yang berlaku menjelang pilihan raya di mana kita lihat Yang Amat Berhormat Langkawi, Perdana Menteri kita sekarang telah disiasat di bawah Akta Antiberita Tidak Benar. Ketika itu beliau berhasrat untuk menggunakan sebuah pesawat untuk sampai ke Langkawi bagi tujuan proses penamaan calon dan beliau mendapati bahawa disebabkan oleh sebab-sebab teknikal, pesawat itu tidak boleh digunakan. Berita berkenaan dengan perkara ini telah disiarkan satu hari selepas kejadian tersebut di mana Yang Amat Berhormat Langkawi, Perdana Menteri kita yang tersayang telah pun menyatakan bahawa kononnya terdapat pihak-pihak tertentu yang mungkin telah sabotaj pesawat tersebut.

Terus pihak UMNO membuat laporan polis. Beberapa cawangan UMNO membuat laporan polis di mana Yang Amat Berhormat Langkawi telah pun dipanggil untuk penyiasatan. Saya yakin bahawa sekiranya Pakatan Harapan tidak memenangi pilihan raya kali ini, kemungkinan besar Yang Amat Berhormat Langkawi mungkin telah dituduh di mahkamah di bawah Akta Antiberita Tidak Benar.

Akan tetapi, kita lihat semasa Perhimpunan Agung UMNO, semua pembahas di situ mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang begitu teruk menghasut yang boleh memecahbelahkan perpaduan di antara rakyat berbilang kaum di Malaysia. Saya beri satu kesimpulan. Selalunya yang kita dengar adalah kononnya parti DAP adalah anti Melayu, kononnya kita menentang Raja-Raja Melayu dan sebagainya.

Baru-baru ini, kenyataan oleh Yang Berhormat Ketereh bahawa DAP telah berjaya merampas tampuk kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan di Putrajaya kononnya dengan memecahbelahkan orang Melayu. Ini adalah kenyataan-kenyataan yang begitu tidak boleh diterima, salah pada dasarnya. Kita lihat bahawa tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap mana-mana pemimpin UMNO. Ini adalah perkara yang saya rasa patut diberi perhatian.

Salah satu sebab mengapa saya menyokong pemansuhan akta ini kerana seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, hasrat asal akta ini adalah untuk melarang rakyat Malaysia berkongsi maklumat berkenaan dengan penyiasatan yang dibuat oleh pihak-pihak di luar negara berkenaan dengan skandal 1MDB.

Berita-berita yang telah disiarkan dalam televisyen, berita-berita yang telah dihantar melalui *WhatsApp*, berita-berita yang dikongsi melalui laman-laman *Facebook* berkenaan dengan penyiasatan yang dibuat oleh DOJ berkenaan dengan kes 1MDB kemungkinan besar mungkin akan diambil tindakan di mana rakyat Malaysia di luar sana yang berkongsi maklumat ini, yang berkongsi berita ini, kemungkinan besar telah pun menjadi mangsa yang mungkin dituduh di bawah akta ini.

Pada masa yang sama, saya juga menyeru kerajaan yang baharu untuk mengkaji semula tindakan-tindakan yang sedang diambil terhadap beberapa aktivis di bawah Akta Hasutan. Kita telah berjanji untuk memansuhkan Akta Hasutan. Baru-baru ini saya kurang berpuas hati, sebagai seorang *backbenchers*, di mana penyiasatan-penyiasatan telah pun dimulakan terhadap Saudari Fadiah Nadwa Fikri, seorang peguam di mana pihak polis telah menyiasat beliau berkenaan dengan satu kenyataan dibuat oleh beliau pada 13 Julai. Saudara Asheeq Ali Sethi Alvi, seorang aktivis di mana juga penyiasatan telah dibuka di bawah Akta Hasutan. Juga terhadap Kadir Jasin di mana tindakan telah dimulakan di bawah Akta Hasutan dan baru-baru ini terhadap aktivis kita yang terkenal iaitu Hishamuddin Rais yang juga disiasat di bawah Akta Hasutan.

Saya di sini menggesa kerajaan yang baharu dan kementerian, Menteri-Menteri berkenaan supaya penyiasatan terhadap aktivis-aktivis ini di bawah Akta Hasutan diberhentikan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sila, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Jelutong. Tadi Yang Berhormat Jelutong menyatakan berkenaan dengan Akta Hasutan. Setuju tidak kalau saya mencadangkan bukan setakat siasatan dan juga pertuduhan yang *pending* yang berjalan ketika ini di bawah Akta Hasutan tetapi juga sekiranya masih ada siasatan yang berterusan dan sebagainya di bawah akta yang kita hendak mansuhkan pada hari ini iaitu Akta Antiberita Tidak Benar, sekiranya masih ada,

semuanya perlu dihentikan serta-merta supaya ia memberikan kesan terhadap keputusan yang kita buat pada hari ini?

Sesungguhnya, saya juga anggap pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar ini sebagai salah satu janji daripada Pakatan Harapan dalam *Buku Harapan* sendiri iaitu janji ke-27 walaupun akta ini tidak dimasukkan sebab bila kami menggubal *Buku Harapan*, akta ini belum ada. Akta ini hanya digubal selepas itu. Jadi, setuju tidak dengan cadangan saya? Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Saya bersetuju dan saya mohon mengambil ucapan itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Akan tetapi saya menumpukan perhatian sekali lagi kepada Akta Hasutan di mana saya mengulangi sekali bahawa tindakan-tindakan penyiasatan yang diambil terhadap Saudari Fadiah Nadwa Fikri, Saudara Asheeq Ali Sethi Alvi, Saudara Hishamuddin Rais dan Kadir Jasin diberhentikan serta-merta kerana ia memberi persepsi bahawa Pakatan Harapan masih lagi ingin menggunakan Akta Hasutan di mana kita telah menentang penggunaan Akta Hasutan ini yang begitu zalim.

■1440

Pada masa yang sama saya minta ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana juga menyokong akta pemansuhan akta anti berita palsu terutamanya Yang Berhormat Pontian. Kalau Yang Berhormat Pontian masih ingat dulu berita mengatakan bahawa GST boleh menurunkan harga barangan adalah berita palsu kerana sebenarnya GST tidak menurunkan harga barang-barang. Itu adalah satu *classic example of* akta anti berita palsu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh bagi kebenaran untuk saya mencelah dan memberikan jawapan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar Yang Berhormat. Saya habiskan dulu. Saya habiskan dulu. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Takut ke Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, tidak, tidak takut!

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi baru lepas salam kat luar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, ya saya akan habiskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah *classic example* of macam mana rakyat boleh tertipu dengan mengatakan bahawa harga barang-barang runcit boleh kurang dengan pengenaan GST. Kita sebenarnya mengelirukan rakyat. Berbalik kepada isu ini saya sebenarnya ingin sekali lagi menyeru supaya akta ini dimansuhkan dan saya di sini juga ingin menggesa kerajaan Pakatan Harapan untuk mempertimbangkan pemansuhan akta-akta lain seperti SOSMA, seperti POCA di mana penahanan tanpa perbicaraan menyebabkan *the rule of law* tidak di ikuti. Jadi Tuan Yang di-Pertua memandangkan masa tidak mengizinkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya kena bagi jawapan. Apabila GST dilaksanakan kadar inflasi turun daripada 3.2 peratus kepada 2.1 peratus. 3.2 peratus tahun 2014 turun kepada 2.1 peratus pada tahun 2015, kekal turun pada 2.1 peratus pada tahun 2016. Dengan lain perkataan GST boleh menurunkan harga barang. Ini data Bank Negara Malaysia kalau tidak percaya pergi tanya Bank Negara Malaysia saya tidak bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jadi kita rumuskan. Masa telah tamat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin merumuskan bahawa akta anti berita palsu ini adalah satu dengan izin *tool* yang telah digunakan oleh Barisan Nasional oleh UMNO Barisan Nasional untuk menyekat kebebasan media nombor satu dan juga untuk menyekat kebebasan rakyat di luar sana untuk mengetahui perkara sebenar yang berlaku berkenaan dengan skandal-skandal yang melibatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutamanya Yang Berhormat Pekan dan isteri Yang Berhormat Pekan yang telah mencuri dan juga telah merompak rakyat Malaysia di negara ini. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ledang.

2.43 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan ang undang-undang pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

Saya lihat dalam perbahasan berkenaan dengan perkara ini ada tiga perkara asas. Pertama ialah apakah yang di definisikan sebagai berita palsu? Kedua, apakah undang-undang semata-mata berjaya untuk mengawal sebaran berita palsu? Ketiga, bagaimana kita untuk mengimbangi antara penguatkuasaan undang-undang hak kebebasan bersuara dan hak kebebasan media atau pun akhbar.

Persoalan satu saya kira sudah banyak dihuraikan dan didebatkan. Maknanya apa didefinisikan sebagai berita palsu malah ada banyak penyelidik-penyelidik telah mengeluarkan pelbagai teori berkenaan dengan *fake news* atau pun berita palsu tersebut. Malah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah sebut bahawa definisi *fake news* ini atau pun berita palsu terlalu luas.

Saya sedar dan saya rasa ramai juga sedar bahawa fenomena *fake news* ini satu fenomena yang global. Bila kita sebut tentang *fake news*, brexit, kemenangan Trump dan sebagainya itu juga sebahagian daripada fenomena *fake news*. Akan tetapi kita tidak boleh nafikan bahawa fitnah ini satu perkara yang perlu ditolak. Berita palsu perlu ditolak. Jadi, dalam segi itu saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat Kubang Kerian apabila Yang Berhormat Kubang Kerian menyentuh bahawa kita tidak boleh biarkan bahawa berita itu bertebaran dan sebagainya dan kita kena *tabayyun* memetik daripada Surah Al-Hujurat ayat 6 itu yang mana memang kalau dikatakan fitnah itu dianggap sebagai lebih besar dosanya daripada membunuh.

Akan tetapi pada masa yang sama saya juga ingin mengingatkan dewan yang mulia ini bahawa tuntutan untuk berkata yang benar dan mencegah kemungkaran itu adalah satu tuntutan yang sangat penting. Malah menurut Imam Nawawi Rahimahullah, riba atau pun menyebutkan sesuatu yang terdapat pada diri seseorang Muslim sedang ia tidak suka dibolehkan jika ada tujuan yang syarie, ada tujuan yang sah.

Antaranya ialah mengadu tindakan kezaliman kepada pihak berkuasa. Meminta tolong agar dihilangkan sesuatu perbuatan mungkar dan untuk membuat orang yang berbuat kemungkaran tersebut kembali ke jalan yang benar. Jadi, saya harap apabila adanya dengan mansuhnya undang-undang ini bahawa perkara ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan dengan lebih telus.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Ledang, mohon mencelah.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang saya ringkas sahaja. Berkenaan dengan usul untuk

memansuhkan Akta AntiBerita Tidak Benar 2018 ini saya ingin membawa perspektif undang-undang iaitu undang-undang perlembagaan. Perlembagaan negara kita fasal 10 menjamin kebebasan bersuara dan bercakap tetapi di bawah akta fasal 10 ini juga membenarkan undang-undang digubal sekiranya kebebasan bersuara itu boleh disekat sekiranya ia mengancam ketenteraman awam, keselamatan negara iaitu ada di dalam fasal 10(2a). Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ledang, adakah Yang Berhormat Ledang bersetuju bahawa kita tidak setuju akta yang terburu-buru diluluskan ini oleh kerajaan yang lalu kerana Akta Antiberita Tidak Benar ini telah bercanggah dengan perlembagaan iaitu definisi berita palsu ini sebagai sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu? Definisi itu tiada kaitannya dengan keselamatan negara, ancaman kepada negara. Jadi, ini bercanggah dengan Perlembagaan jadi apa pandangan Yang Berhormat Ledang? Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Gudang Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa memang apabila menyentuh tentang Perlembagaan, percanggahan kita harus mengambil kira Perlembagaan sebagai yang *superior* dengan izin. Saya ingin sambung Tuan Yang di-Pertua bahawa penyelesaian melalui tambahan akta tidak semestinya penyelesaian yang tuntas terutamanya apabila kita tahu bahawa latar belakang kepada penggubalan undang-undang dahulu ialah latar belakang dan motif yang penuh dengan keraguan. Ianya diluluskan sebelum PRU yang ke-14. Ianya terbuka kepada salah guna terutamanya dalam konteks boleh mewujudkan budaya *fear, instill the culture of fear*. Ini telah berlaku apabila banyak dakwaan-dakwaan walaupun mungkin tidak sampai peringkat dakwaan tetapi siasatan seperti mana telah disebutkan tadi yang berlaku ke atas Yang Berhormat Langkawi apabila didakwa bahawa maklumat yang beliau berikan itu dianggap sebagai berita palsu dan kemudian di siasat, di ugut begitu. Jadi, ianya dijadikan sebagai bahan ugutan dan ancaman.

Justeru perlu apa, perlu apa? Sebenarnya kita perlu seimbang antara kuat kuasa dan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Hak kebebasan bersuara dan kebebasan media akhbar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Serta ketulusan dan sudah tentu kita perlu elak kan persepsi salah guna. Saya ingin mencadangkan beberapa jalan penyelesaian.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Ledang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ledang, sikit je. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tidak banyak masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sikit, sikit je.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sini, sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Setuju kah Yang Berhormat Ledang bahawa akta anti berita palsu seperti undang-undang lain di Malaysia selalunya digunakan terhadap semua ahli-ahli pembangkang sahaja, satu. Dua, kita lihat bahawa UMNO dan Barisan Nasional bebas untuk menggunakan undang-undang ini walaupun kenyataan-kenyataan dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO sendiri tidak pernah dikenakan tindakan? Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya, nampaknya begitu Yang Berhormat Jelutong. Jadi, kita sebagai kerajaan Pakatan Harapan akan bersikap adil dan melaksanakan yang terbaik dalam undang-undang negara.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi antara jalan penyelesaian ialah kita perlu...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Ledang, sikit, Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya perlu habiskan. Minta maaf.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sekejaplah.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya perlu habiskan. Ada masa hujung nanti, saya bagi *insya-Allah*.

Antara jalan penyelesaian yang pertama telah disebut ramai tadi. Pertama, kita ada undang-undang yang sedia ada yang mencukupi. Walaupun ada undang-undang tersebut yang juga bermasalah seperti Akta Media Cetak dan Penerbitan tetapi ianya sudah wujud dan tersedia. Kedua, sudah ada seksyen 8A di bawah Akta Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi yang juga boleh digunakan.

Kedua ialah kita kena tekankan tanggungjawab kepada pengamal media dan media sosial. Contohnya apa yang telah dilakukan oleh Facebook. Facebook sendiri

telah melaksanakan beberapa tindakan untuk memastikan bahawa berita palsu ataupun berita tidak benar ini dapat ditangani dengan baik. Apa yang mereka lakukan? Pertama ialah mereka memohon daripada pakar-pakar akademik untuk membuat *study*. Dengan izin membuat *study* tentang *false news on the platform*. Panggil pakar-pakar.

Kedua, mereka *launch public education campaign* dengan izin. Ketiga, mereka *launch* video dan mereka juga telah memastikan bahawa ada tiga tindakan yang dilakukan. Pertama ialah *remove* sekiranya ada *violation* ataupun melanggar dari segi *terms of services Facebook*. Kedua, mereka *reduce* sekiranya ada digunakan cara-cara untuk mendapatkan kewangan daripada berita palsu dan ketiga mereka *inform*. Maksudnya mereka memberikan satu *story* supaya perkara-perkara berkenaan dengan maklumat tersebut dapat dilakukan penyemakan oleh mereka yang membaca media ataupun berita tersebut.

Ahli Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa adanya *taskforce* diwujudkan oleh banyak kerajaan. Contohnya seperti Kerajaan Belgium yang mewujudkan kumpulan pakar wartawan dan cendekiawan untuk mencari jalan penyelesaian. Diwujudkan juga laman sesawang dan pada perkara ini saya ingin memastikan dan juga mencadangkan supaya laman sesawang seperti SEBENARNYA.MY yang telah pun wujud dikekalkan sebagai satu cara untuk kita menangani berita tidak benar.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, boleh minta laluan sedikit sahaja. Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya nak minta pandangan Yang Berhormat. Saya tahu SEBENARNYA.MY satu platform yang bagus di mana orang ramai boleh *check* sama ada maklumat yang ada sahih atau tidak sahih. Akan tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju mungkin platform ini perlu diperkasakan dan juga jika perlu, letakkan *safeguard* supaya tidak disalahgunakan oleh kerajaan ini juga untuk menyebarkan propaganda sendiri. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai akhirnya dan kemudian sedikit nanti saya bagi kepada Yang Berhormat Paya Besar. Saya juga ingin menyarankan supaya kita ada kempen kesedaran rakyat yang mewujudkan semua pemegang taruh. Pengamal media, mereka yang terlibat dalam *journalism* dan sebagainya supaya ia menjadi satu kempen yang akan mengatasi persepsi bahawa

dengan kita menolak Akta Antiberita Tidak Benar ini bukan bermakna kita menggalakkan berita tidak benar menular.

Jadi sebagai akhirnya saya percaya jalan penyelesaian kepada persoalan asas yang saya sebutkan pada awal tadi, saya rasa itulah jalan penyelesaian yang boleh dibincangkan lagi tetapi saya ingin menekankan bahawa dasar Kerajaan Pakatan Harapan sekarang yang menekankan ketelusan, kebenaran dan keadilan, maka fenomena berita palsu dapat ditangani tanpa Akta Antiberita Tidak Benar.

Dengan itu saya menyokong usul pemansuhan akta ini. Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua ada tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa dia boleh mencelah pada perbahasan yang lain. Saya lihat tadi lebih awal Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar.

2.54 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta membahaskan cadangan kerajaan memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang penting ini. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya lihat semua Ahli Parlimen yang membahaskan perkara ini hanya bersekitar hal-hal yang berkaitan dengan kerajaan dan kuasa dan yang meliputi perkara-perkara besar. Saya pula melihat dari perspektif yang berbeza iaitu hak seseorang warga Malaysia mempertahankan keselamatan dirinya dilindungi dari fitnah dan dimomokkan oleh anasir-anasir yang luar dari kawalannya berbentuk *cyberbullying* dan saban hari warga berperang cuba menyatakan kebenaran tanpa haluan dan kesudahannya.

Akta ini memberi talian hayat ke arah individu-individu ini. Akta sebegini dapat membantu masalah mangsa berita tidak benar dengan efektif dan pantas. Walaupun ada akta-akta lain, akta-akta yang sedia ada sebelum ini tidak mampu melakukannya. Akta ini melengkapi peruntukan undang-undang yang telah sedia ada. Saya amat memahami senario ini. Senario yang memeritkan ini kerana saya adalah mangsa berita tidak benar dan *fake account* yang begitu banyak yang digunakan untuk menyerang saya sebelum PRU ke-14.

Saya ingin memulakan dengan perspektif mikro berkaitan tahap psikologi mangsa di dalam senario menerima berita tidak benar atau takrifan yang mudah kita boleh sebut sebagai fitnah. Di dalam sesuatu insiden atau situasi penyebaran berita tidak benar,

ada penyebar, ada berita tidak benarnya dan mangsanya. Sekarang, mahkamah-mahkamah serata dunia telah mula memberi pampasan yang semakin tinggi yang setimpal dengan kerosakan mental dan akibat daya psikologi yang amat memeritkan kepada mangsa fitnah.

Pampasan yang semakin tinggi ini diberi kerana ia menyerang mangsa-mangsa ini dan menjadi satu serangan untuk melakukan kemusnahan seumur hidup seseorang mangsa. Gangguan terhadap emosi dan psikologi individu dan institusi keluarga sudah pasti. Kerosakan terhadap reputasi dan kredibiliti individu-individu dan warga akibat cemuhan, hinaan dan kejian mungkin berlarutan hingga ke akhir hayat seseorang individu.

Ianya melalui empat peringkat serangan iaitu minda seseorang mangsa akan melalui satu tekanan perasaan pada *stage* keempatlah kerosakan terhadap pemikiran dan psikologi bergantung kepada dengan izin *severity of the defamation*. Mangsa akan mengalami *anxiety* dan penyeksaan, kemarahan, *paranoia* dan kemurungan adalah akibat dari proses ini. Ini adalah perspektif mikro yang kita nampak pada seseorang mangsa. Bayangkan. Bayangkan Yang Berhormat semua sekiranya kita adalah penyebabnya dan bersubahat melakukannya. *Cyber bullying...*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, minta laluan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini Akta Antiberita Tidak Benar (*fake news*) masih ada. Kita tengok sebelum pilihan raya sampai sekarang, tidak ada kesan langsung kepada rakyat Malaysia walaupun ada berita ini. Apatah akan jadi kalau dihapuskan akta ini? Rakyat Malaysia sudah tidak ada lagi, fitnah apa semua menjadi satu budaya baru dalam negara Malaysia terutamanya saya bagi contoh PAS.

Cukup teruk menerima asakan, hentaman, lanyak cukup-cukup dalam Facebook, dalam medan sesawang, dalam WhatsApp dan sebagainya. Dituduh macam-macam sehingga rakyat terpedaya menerima asakan ini. Contohnya PAS menerima wang. Menjual agama. Yalah kami parti Islam. Perjuangan kami. Tidak *habaq* agama Islam, nak *habaq* apa? Dituduh ini sebagai penjual agama sehingga keluar ungkapan parti suci. Saya banggalah parti suci ini walaupun dalam nada *cynical*.

Seorang Ahli: Yang itu fitnahkah macam mana?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Fitnahlah. Jadi kita tidak menyokonglah menghapuskan akta fitnah. Kalau hapus akta fitnah ini, apa akan jadi kepada masyarakat kita? Dalam ada akta ini pun kerajaan tidak dapat mengawal kelakuan manusia dengan akta yang ada ini. Ini yang kita bangkitkan. Jadi kita nak minta Yang Berhormat Kuala Kangsar setuju atau tidak sehingga kami dipanggil parti suci. Saya bangga. Nanti sekejap. *Cynical*. Walaupun nada *cynical* tetapi kita bangga. Secara tidak langsung diakui PAS parti suci. Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Kuala Kangsar setuju?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar, silakan.

■1500

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Setiap rakyat Malaysia akan meraikan satu suasana tanpa fitnah tapi itu jauh meleset daripada realiti akan berlaku ya Yang Berhormat. Saya ingin pada *cyberbullying*. *Cyberbullying* membunuh satu contoh yang mungkin akan berlaku juga di negara ini dan mungkin telah berlaku tetapi disenyapkan saja. Ia boleh menyebabkan kematian, satu contoh adalah seorang remaja di Amerika, Phoebe Prince yang telah membunuh diri akibat fitnah yang disebarikan melalui media sosial.

Satu lagi antara rasional kenapa akta ini diluluskan adalah bagi menangani penyebaran berita tidak benar yang pantas menular berikutan perkembangan teknologi yang luar biasa. Sekiranya tidak dibendung dan mengakibatkan kerosakan kepada individu dan masyarakat yang luar dari jangkauan yang biasa, ini akan mengakibatkan banyak kerosakan dan kerugian seperti kerugian sebuah perniagaan perlu dibendung, ketegangan komuniti menjadi lebih bahaya dan juga serangan-serangan mental yang saya sebut sebelum ini.

Banyak negara sebenarnya telah mula menjurus kepada usaha-usaha untuk mewujudkan akta-akta ini seperti Filipina telah membuatnya, Singapura telah mewujudkan satu Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee on Deliberate Online Falsehoods*) dan juga Jerman merupakan negara pertama memperkenalkan undang-undang iaitu melalui *Net Enforcement Act*, September 2017 dan begitu tinggi denda yang dikenakan. Seterusnya soal.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Minta penjelasan. Pencelahan sekejap 30 saat saja.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya ada dua minit saja Yang Berhormat, minta maaf *can I just finish*. Terima kasih maafkan saya. Soal kebebasan bersuara di dalam konteks ini pula. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua setuju di dalam Dewan ini bahawa sebagai Badan Legislatif kita mesti meraikan kebebasan bersuara. Kenapa pula kita sebagai Ahli Parlimen mahu menggalakkan kebebasan menyiarkan berita tidak benar supaya menjadi rencam dan budaya rakyat kita demi mencapai cita-cita politik kepartian sambil mengatakan itu adalah sebahagian daripada kebebasan bersuara.

Ini amat berbahaya dan kita tidak mahu masyarakat kita dibina di atas kepalsuan dan persepsi yang tidak betul. Kebebasan bersuara harus mempunyai sifat bertanggungjawab, berasas kebenaran dan beretika berdasarkan budaya kita dan bukan bersifat universal yang menyesatkan. Akta ini adalah untuk melindungi kedua-dua belah pihak bukan hanya pembangkang yang pernah menjadi kerajaan tetapi juga kerajaan yang pernah menjadi pembangkang ketika akta ini diluluskan dan setiap rakyat kita. Akhir sekali saya ingin menyatakan secara *general* tetapi ia *very closed to me*.

Kita harus menggalakkan masyarakat kita membudayakan *tabayyun* dengan kebebasan bersuara, mengelakkan masyarakat dari terperangkap dalam fitnah kita harus menyuburkan minda warga dan tidak dirosakkan kerana berita tidak benar dan fitnah yang menyempitkan. Kita harus berhati-hati dan mengelakkan kemungkinan berlakunya pertembungan ideologi agama, kaum etnik yang terpisah dengan sempadan memisahkan lagi minoriti dari kumpulan majoriti.

Sebagai Badan Legislatif kita harus amalkan dan junjung tinggi nilai integriti dan ketelusan, bukan lagi soal politik tetapi kesejahteraan rakyat dan kita bertanggungjawab memastikan kestabilan negara dan keamanan negara selamat sekiranya budaya songsang ini diteruskan kita akan kecundang bersama. Kebebasan tidak harus mengorbankan aspek yang utama dan pokok iaitu keselamatan, ketenteraman dan kestabilan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Pengerang supaya akta ini dipinda di mana-mana yang dianggap longgar tanpa dimansuhkan. Oleh kerana ruang ini tiada, saya tidak bersetuju dengan pemansuhan akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian. Pontian *booking*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya kena pindah kiri kanan sebenarnya. Saya jemput Yang Berhormat Port Dickson.

3.04 ptg.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selepas lapan kali berdiri [*Dewan ketawa*] kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan usul pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dengan izin, *Anti Fact News Act 2018*. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini telah memulakan perbahasan dengan sebuah pantun, biarlah saya pun mencuba memberi mesej saya dengan beberapa rangkap pantun.

*Sorong papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu,
Terlalu banyak dia makan,
RM19 bilion dia buat tidak tahu. [Tepuk]*

*Titah Tuanku mesti dipatuhi,
Itu asas hidup di military,
Jangan cuba mendiamkan majoriti,
Nanti terduduk tidak boleh nak lari. [Tepuk]*

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *not only the Anti Fact News law is an act to suppress freedom of speech and freedom of information it is a law design to silence the majority*. Kerajaan terdahulu telah cuba dan telah gagal untuk mendiamkan majoriti rakyat Malaysia daripada bersuara. *It is a failed attempt to silence the majority, they failed miserably* dengan izin. Oleh kerana undang-undang *draconian* seperti inilah rakyat telah menolak rejim pemerintahan autokratik terdahulu.

Seorang Ahli: Betul.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia moden dan dunia informasi yang tidak berbatas ini akta seumpama ini adalah satu cara sesebuah negara autokratik cuba untuk membendung kebangkitan rakyat terhadap anasir yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang tidak mahu memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk menyoal dan mendedahkan kegiatan pemimpin-pemimpin tersebut.

Alasan lazim yang akan digunakan oleh kerajaan-kerajaan yang mahukan akta sebegini rupa adalah kononnya untuk memegang penularan dan penyebaran maklumat

yang boleh menimbulkan kekacauan ataupun dengan izin *news that create public alarm*. Sebenarnya apa yang hendak dibuat adalah untuk melindungi kegiatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Bukankah ketika akta ini digubal, negara kita ini sudah pun ada undang-undang seperti Kanun Keseksaan dengan izin *The Penal Code* dan Akta Komunikasi dan Multimedia yang sudah memadai untuk tujuan-tujuan seperti itu.

Kita semua di dalam Dewan yang mulia ini tahu bahawa akta ini telah digubal dengan tergesa-gesa sebelum menghadapi PRU ke-14. Sekiranya sudah ada undang-undang untuk membendung penyebaran berita yang boleh menimbulkan kekacauan, mengapa pula perlu digubal satu akta yang baru dengan tergesa-gesa sebelum menghadapi pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa ianya adalah merupakan satu taktik.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Port Dickson.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Hanya untuk menakut-nakutkan rakyat supaya rakyat tidak berani bersuara.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Port Dickson.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Atau menyoal dan mendedahkan kezaliman dan kekotoran pemimpin-pemimpin lawan.

Beberapa Ahli: Betul-betul.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Port Dickson.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Dukacita hanya lima minit lagi, selepas mungkin ada masa. Walhal bukan saja rakyat, pemimpin-pemimpin juga menjadi takut untuk bersuara ketika diperintah di bawah rejim lama. Hanya setelah Pakatan Harapan melalui manifestonya berjanji untuk tidak menggunakan undang-undang *draconian* dan *Anti Fake News Law* ini barulah satu demi satu daripada kalangan pemimpin-pemimpin lama ini mula berani nak bersuara terhadap pucuk pimpinan yang lama [*Tepuk*]. Akan tetapi sudah terlambat nasi sudah menjadi bubur.

Seorang Ahli: Betul-betul.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, sudah terbukti bahawa sesebuah kerajaan yang cuba untuk mendiamkan rakyat akan ditimpa nasib tupai yang, "*Sepandai-pandai tupai*

melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga". *The people has been suppress far to long* dengan izin, rakyat sabar dan sabar 60 tahun, kita sabar sehingga tarikh keramat 9 Mei. Laungan rakyat ketika PRU Ke-14 adalah dengan izin, *enough is enough, we are fed-up with BN*.

Tuan Yang di-Pertua, ramai bijak pandai dalam bidang undang-undang yang telah memberi komen-komen mereka tentang Akta Antiberita Tidak Benar ini. Ada yang mengatakan bahawa akta ini telah digubal mengikut sentimen politik atau dengan izin, *it is a form of reactive legislation*. Apa yang boleh disimpulkan adalah semua menyatakan bahawa tidak ada satu definisi yang tetap dan konsep berita tidak benar ini adalah samar. Definisi '*berita tidak benar*' merangkumi apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakam audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea. Definisi seperti ini adalah *too wide and unclear*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, suatu kerajaan yang mempraktikkan dengan izin, *rule of law* mestilah mengguna pakai undang-undang yang jelas dan difahami oleh rakyat jelata. Bukan sahaja rakyat, badan kehakiman juga akan menghadapi kesulitan dalam memutuskan kes-kes di hadapan mahkamah. Sekiranya kerajaan mahu memberikan perlindungan kepada *private citizen* daripada berita-berita tidak benar, rakyat boleh menggunakan proses tindakan sivil di mahkamah ataupun undang-undang fitnah sivil atau fitnah jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia baharu telah terbentuk hasil daripada kepercayaan rakyat kepada janji-janji Pakatan Harapan di dalam manifestonya. Seperti mana janji ke-27 iaitu menghapuskan undang-undang yang zalim, Akta Antiberita Tidak Benar ini juga harus di tamatkan riwayatnya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan satu lagi rangkap pantun;

Kerajaan BN sudah jatuh,

Selamat jalan kepada Pekan,

Janji-janji dalam manifesto Pakatan Harapan pasti ditunaikan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Saya jemput Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia. Walaupun terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan mengenai Akta Antiberita Tidak Benar ini, namun sehingga hari ini, masalah ini tidak dapat dikawal secara efektif dan pantas. Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah digubal pada atau sebelum tahun 1990 yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan peredaran teknologi terkini.

Dalam Akta Antiberita Tidak Benar, terdapat elemen-elemen baharu yang telah dimaktubkan;

- (i) pemakaian luar wilayah (*extraterritorial application*);
- (ii) takrif dan penjelasan atau ilustrasi yang jelas dan khusus mengenai maksud berita tidak benar;
- (iii) kesalahan mengenai bantuan kewangan bagi tujuan penyebaran berita tidak benar;
- (iv) kesalahan sekiranya seseorang itu tidak menghapuskan sesuatu penyiaran berita tidak benar;
- (v) mewujudkan langkah sementara ataupun *interim measures*.

Sebagai contoh, apakah yang dinyatakan sebagai berita tidak benar. Seseorang yang bernama A menyebarkan di media sosial bahawa produk syarikat Z mengandungi bahan berbahaya dan masih dijual walaupun ia telah diberhentikan. Ini bermakna A bersalah kerana menyebarkan berita tidak benar. Contoh yang diguna lagi ialah seseorang A mengadakan sidang akhbar mendakwa gedung Z bakal memberi hadiah percuma kepada pelanggan setiap minggu walaupun mengetahui gedung Z tidak bercadang sedemikian. Maka, A bersalah kerana menyebarkan berita tidak benar. Contoh yang ketiga, seseorang A memberi ceramah umum mendakwa Z menyalahgunakan dana kebajikan walaupun maklumat tersebut tidak benar. Ini bermakna A bersalah kerana menyebarkan berita tidak benar. Contoh yang keempat, seseorang yang bernama A mencipta laman web palsu dan mengeluarkan kenyataan yang kononnya dikeluarkan oleh pihak berwajib atau memberi panduan palsu kepada orang ramai. Ini bermakna A bersalah kerana memberikan panduan palsu dan menyebarkan berita tidak benar.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini dalam maksud Surah Al-Hujurat ayat 6, "*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiklah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya*

kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Silakan.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendengar ucapan daripada Ahli Parlimen yang beragama Islam baik daripada PAS, baik daripada Pakatan Harapan, semuanya menyebut tentang bahawasanya Islam melarang daripada menyebarkan berita yang tidak benar. Jadi, tadi Yang Berhormat Pontian sebut dan membacakan ayat Al-Quran itu juga. Soalan saya ialah apakah tidak ada dalam agama-agama lain tentang larangan untuk menyebarkan fitnah dan berita-berita tidak benar ini dalam pengetahuan Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya kira agama-agama lain juga tidak membenarkan penyebaran fitnah, penyebaran berita palsu. Saya kira kita ingin negara ini menjadi lebih beradab dan lebih beretika, itu sebab kita adakan Akta Antiberita Tidak Benar yang diwartakan pada 11 April 2018 yang lalu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon tanya sedikit Yang Berhormat Pontian.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tambah sedikit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Setuju tidak Yang Berhormat Pontian, kalau saya katakan bahawa Akta Rahsia Rasmi yang dibentuk oleh pemerintah terdahulu adalah sebahagiannya menghalang untuk orang ramai mendapat kebenaran?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Siapa lagi?

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Pontian, saya hendak sambung soalan saya tadi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Oleh sebab jawapan daripada Yang Berhormat tadi semua agama, saya pun rasa meyakini begitulah. Apakah punca-punca yang menyebabkan takut sangat untuk terus maknanya adanya Akta Antiberita Tidak Benar ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Kita sepatutnya menjadi negara yang bertamadun, yang beradab dan kita tidak suka tentang berita-berita palsu

ini. Sekarang ini di tangan masing-masing ada satu senjata yang cukup berguna dan ia juga boleh menjadi senjata yang cukup berbahaya iaitu *handphone* kita. Di dalamnya ada aplikasi-aplikasi yang cukup canggih. *Whatsapp*, ada orang beratus kumpulan boleh menghantar. Sekarang ini *Whatsapp* sekat setiap 20 sahaja, selepas itu kita kena ulang balik kalau kita hendak menghantar. Sudah bermula lebih kurang tiga atau empat hari yang lepas, tetapi ia masih lagi tidak menghalang untuk orang menghantar berita-berita.

Di tangan kita itu ada senjata yang cukup penting. Kami di sebelah sini, saya sendiri telah dilatih supaya bercakap benar dan terus menyatakan kebenaran walaupun pahit. Itu sebab apabila saya sebut GST boleh menurunkan harga barang, saya ditembak kiri dan kanan. Aka tetapi saya masih berdiri di sini., kenapa? Kenapa saya masih berdiri di sini? Ini sebab apa yang saya sampaikan itu adalah berita benar, bukan berita tidak benar. [*Dewan riu*] Apakah bukti-buktinya? Saya telah menyatakan tentang bukti-buktinya sebelum ini. Saya telah menyatakan bahawa kadar inflasi turun, tahun 2014 - 3.2, tahun 2015 turun daripada 2.1...

■1520

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta laluan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tahun 2016, turun kepada 2.1. Tadi kita sudah jawab ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, Jelutong, Jelutong.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Soalan Kangar belum jawab.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya juga telah menyebut bahawa pada 1 April 2015 –

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buka semua akhbar-akhbar 1 April 2015–

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat kita menang pilihan raya sebab GST memang–

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Di hadapan semua muka hadapan akhbar-akhbar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: GST memang menyebabkan harga barang naik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Beliau dalam ucapan-ucapannya menyebut saya ini macam-macam, tidak mengapalah. Itu politik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, itu berita palsu sebab itu kita menang, Barisan Nasional kalah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebelum ini, bahawa tidak mengapalah saya maafkan Yang Berhormat Menteri Pertahanan, sudah jadi Menteri pun. Kenapa saya masih berdiri di sini? Hal ini sebab saya menyampaikan berita yang benar dan perkara itu benar.

Pada 1 April 2015, semua muka hadapan dalam surat khabar menyebut harga kereta turun, kerana apa? Kerana GST Ahli-ahli Yang Berhormat. SST kereta 10 peratus mansuh, tukar kepada GST enam peratus, itu sebab harga kereta turun. Saya kata GST boleh menurunkan harga barang, hari pertama GST dilaksanakan telah membuktikan apa yang saya sebut itu benar.

Satu lagi jualan murah—

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kalau begitu mengapa Barisan Nasional kalah Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu lagi jualan murah berlaku di mana-mana...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau GST menurunkan harga barang, mengapa Barisan Nasional kalah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...ketika GST dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Siapa ingin menafikan bahawa wujud banyak jualan murah ketika GST dilaksanakan? Jualan murah itu bermaksud, harga barang turun kerana GST. Di Dewan ini mengapa tidak dibawa KPDNKK kepada Jawatankuasa Hak, kalau KPDNKK salah ataupun menyebarkan fitnah apabila menyebut 223 harga barang, 223 barang turun kerana GST dalam Dewan ini? Mengapa pembangkang-pembangkang pada ketika itu tidak membawa KPDNKK kepada Jawatankuasa Hak kalau ia itu mengelirukan Dewan? Saya masih lagi berpegang apa yang saya sebut itu adalah benar.

Akan tetapi ia telah menjadi sejarah, itu tidak menjadi hal.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pontian, boleh mencelah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kenapa saya masih berdiri lagi di sini? Ini kerana saya ada satu lagi falsafah, “*ada aku kisah apa korang nak cakap*”.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dahulu berdiri di sini, sekarang berdiri di sana. *[Dewan ketawa]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pontian boleh mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, kalau tidak dengar, saya hendak ulang. “*Ada aku kisah apa yang korang cakap*”. *[Dewan ketawa]* Warga Denmark, individu pertama dihukum di bawah Akta Antiberita Tidak Benar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dahulu, kini dan selamalamanya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut tergesa-gesa tentang rang undang-undang ini. Hari ini, kerajaan baharu ini, Menteri Pertahanan, kerajaan baharu ini, ada tiga rang undang-undang dalam satu hari. Ini tidak tergesa-gesa kah? Tiga rang undang-undang.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Mansuh sahaja bukan rang undang-undang baharu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar, Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat hendak suruh kita bersidang sampai 2 pagi kah, apa kah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pontian, sedikit Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu lagi apa yang berlaku di Pontian, akibat berita tidak benar. Apa yang berlaku di Pontian akibat berita tidak benar, mesej *viral* mengatakan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Idris ibni Sultan Ibrahim akan memberi bantuan di beberapa pasar raya yang menyebabkan penuh pasar raya Econsave Pontian. Sebenarnya tidak adapun TMJ hendak datang ke Pontian. Itu contoh berita tidak benar dan rakyat berpusu-pusu ditipu oleh berita tidak benar ini.

Kita ingin menjadikan Malaysia ini negara yang bertamadun. Kita ingin menjadikan Malaysia ini negara madani. Kita ingin jadikan negara Malaysia ini beretika dan kalau kita memansuhkan akta ini, bererti negara kita tidak akan beretika dan negara kita tidak akan bertamadun. Ini kah Ahli-ahli Yang Berhormat inginkan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Puteh.

3.23 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri pada petang yang mulia ini untuk membantah satu rang memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar kerana berita yang tidak benar yang berlaku pada zaman kita ini sememangnya tidak boleh dinafikan oleh sesiapa dan ia tidak terkawal. Saya memahami bahawa akta-akta yang sedia ada yang wujud dalam negara kita menyekat perkara ini.

Akan tetapi dengan mewujudkan satu akta tambahan adalah satu yang sangat positif. Ia memberi kesan yang sangat baik. Jadi sebab itu pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar ini merupakan satu akta yang sangat efisien yang lebih baik untuk sistem perundangan di dalam negara kita. Saya mengamati ucapan-ucapan yang disebut oleh wakil daripada kerajaan seperti wakil dari Port Dickson, sedikit komen, kalau untuk melahirkan rakyat yang berani menegur pemimpin, menegur kerajaan, apa cerita yang dahulunya sebahagian daripada pemimpin yang komen Yang Berhormat Langkawi berapi-api? Macam-macam komen, mengapa hari ini senyap? Adakah mereka menjilat ludah sendiri? Jadi dengan adanya anti- kalau menghapuskan benda ini untuk melahirkan masyarakat ataupun pemimpin sama pemimpin yang berani menegur, saya kira benda ini sangat terpesong jauh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong hendak mempertahankan Yang Amat Berhormat Langkawi. Saya hendak tanya apa perkara yang dinyatakan? Boleh diperjelaskan?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, komen sebelum daripada ini, Yang Berhormat Jelutong boleh tanya Yang Berhormat Ampang, boleh tanya Yang Berhormat Gombak. Apa yang Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Gombak tidak pernah kata kepada Yang Amat Berhormat Langkawi waktu dia kempen sebelum daripada ini? Yang Berhormat Kota Raja sekali. *[Ketawa]* Akan tetapi Yang Berhormat Kota Raja ini boleh dipuji, sebab dia lawan dua-dua. Yang Amat Berhormat Langkawi pun dia lawan, bakal yang hendak jadi Perdana Menteri ini mungkin dia lawan juga kerana dia Menteri Pertahanan. Dia lawan belaka, dia tembak belaka. Saya hendak sebut bahawa kalau ini alasan, benda ini bukan begitu bahkan dia- orang yang dia suka merapu dengan pemimpin ini dia akan merapu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya hendak mempertahankan dahulu Yang Amat Berhormat Langkawi UMNO, sekarang Yang Amat Berhormat Langkawi Parti Bersatu. Pakatan Harapan, bukan Barisan Nasional lagi!

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Oh! Macam itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO yang berkarat, masalahnya UMNO.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jadi kalau sekarang ini Yang Amat Berhormat Langkawi buat salah waktu dia duduk dalam UMNO dahulu, salah? Jadi apabila dia masuk ini jadi tidak salah balik? *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, itu tidak ada kena, itu tidak ada kena mengena Yang Berhormat. Dahulu— kita hanya menentang UMNO dan perjuangan UMNO sahaja. Kita menentang MIC, MCA dan Barisan Nasional. Sekarang kita Pakatan Harapan. Parti Bersatu.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dalam dunia moden, dunia yang –

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh mencelah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dunia yang lebih ke hadapan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Macam PAS sekarang sokong MCA lah. Sama juga lah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Mesti lebih berani menyatakan mana yang benar itu benar. Kalau yang dahulunya benar, kebenaran ini tetap sampai sekarang. Jikalau dahulunya tidak benar, ketidakbenaran itu berkekalan sehingga sekarang.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Minta laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Minta laluan, Yang Berhormat pasir Puteh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan, Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang mana satu hendak bagi?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat minta laluan, Kampar hendak tanya, Kampar hendak tanya boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Rasah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rasah. Lain duduk. Sila, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh kerana memberikan laluan. Saya ya lah tertarik dengan hujahan yang cukup menarik daripada Yang Berhormat Pasir Puteh, seorang senior. Saya hendak tanya satu sahaja, macam mana dengan pendirian PAS, berkenaan dengan PRK Balakong ini? Sebab kita tahu selama bertahun-tahun MCA yang paling kuat anti hudud. Hari ini, saya baca berita-berita benar atau tidak benar, saya tidak tahu. Saya mohon pengesahan daripada Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Marang sendiri mohon penyokong ahli PAS sokong MCA. Saya hendak mohon pengesahan. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: lalah dahulu MCA mati-mati tolak hudud, sekarang PAS pula sokong macam mana? Itu berita palsu kah?

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tidak, tidak. Merbok hendak cakap sedikit boleh? Minta laluan sedikit boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah dan rakan-rakan daripada PH.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Ha! Tidak berani.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: PAS jikalau dia bekerjasama dengan MCA kah, dengan UMNO kah, mereka adalah rakyat Malaysia yang kita—

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: MCA tolak hudud juga.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang kita dukacita sebelah ini, dia bekerjasama dengan rakyat asing.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: MCA juga tolak hudud.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: IRI (International Republican Institute) kamu bekerjasama, kamu dapat...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Langkawi juga rakyat Malaysia.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Lebih tidak bermoral. Rakan-rakan daripada Ampang, daripada Gombak, mereka ini asal UMNO. Tidak ada masalah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita pun kerjasama dengan Yang Amat Berhormat Langkawi juga. Kita pun kerja dengan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Amat Berhormat Langkawi pun dari UMNO juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak bercakap dengan izin.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Ha! Yang Berhormat Pasir Puteh saya minta izin.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Ya, saya tidak bagi. *You* duduk dahulu. Saya hendak bagi penjelasan.

■1530

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Satu minit?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Duduk dahulu.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Satu minit tidak boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jadi sebab itu, sidang Dewan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dihormati sekalian...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, yang bezanya Yang Berhormat Langkawi tidak ada RM2.6 bilion dalam akaun dia.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu bezanya.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Duduk dahulu, duduk dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Langkawi tidak ada...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, ini *floor* Yang Berhormat Pasir Puteh. Dengan kebenaran Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak beri laluan kepada...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar boleh? Kampar boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Jelutong dia kawan baik saya...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar boleh? Kampar boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tetapi dalam banyak keadaan tidak ada rasional dia.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tidak boleh, duduk. Perempuan, perempuan, wanita. Merbok boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Okey...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Perempuan, perempuan, perempuan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Jangan takut wanitalah.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Okey, saya bagi kepada wanita.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Gentleman* sedikit. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Merbok, sila Yang Berhormat Merbok.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh. Tidak, saya rasa saya mencadangkan Yang Berhormat Pasir Puteh mungkin boleh beri contoh yang lain kiasan itu. Oleh sebab isu apabila fasal anti berita tidak benar ini, saya lihat kalau boleh memberi contoh yang bahawa, "Dulu *you* jahat, sekarang *you* baik. Dahulu *you* baik, sekarang *you* jahat", saya rasa itu adalah satu kiasan yang manusia ini selagi mana *you* tidak dikafankan, *you* takkan tahu adakah kita yang sekarang kelihatan baik adakah kita sampai ke akhirnya kita akan baik? Kita tidak tahu.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Baik.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: So, saya rasa kiasan sebegitu adalah tidak adil...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya sudah faham, saya sudah faham benda itu.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: ...kerana kita bersama dengan Yang Berhormat Langkawi bersatu kerana matlamat itu sama. Oleh sebab itu...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Biar saya jawab, biar saya jawab.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Saya sudah sebutkan di sini...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya sudah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Merbok.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih. Itulah dia orang perempuan, dia berhujah *insya-Allah*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini sudah diskriminasi terhadap wanita.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dia kalau...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Diskriminasi terhadap wanita, tarik balik [*Dewan riuh*]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dia minta bukti yang lain...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Satu sahaja lagi, satu sahaja lagi Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya ibaratkan menambahkan Akta Antiberita Tidak Benar ini...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Pasir Puteh, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Merbok.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sedikit sahaja lagi, sedikit.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Kalau orang lelaki sama sebagaimana dia tambah isteri.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: [*Ketawa*]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Bukan bermakna apabila lelaki tambah isteri dia mengatakan isteri pertama, kedua, ketiga ini tidak baik. Akan tetapi tambah yang keempat itu dia jadi lebih baik dalam keluarga. Saya pun tidak tahu kalau Yang Berhormat Jelutong kata sebaliknya. Itu contoh-contoh yang lain. Jadi sebab itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa kena-mengena dengan Jelutong, Yang Berhormat?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tahu jawapan... [*Dewan riuh*]

[*Pembesar suara dimatikan*]

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Apa logik berkaitan dengan berita palsu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pasir Puteh teruskan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tidak boleh. *Sexist remark. Sexist remark.*

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat, saya sudah ada...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Kami wanita semua tidak sokong, *sexist remark* ustaz. Tarik balik, Doktor.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kenyataan...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: *Sexist remark.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kenyataan...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: *You* jawab selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pasir Puteh teruskan...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sidang Ahli-ahli Parlimen yang dihormati sekalian...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh? Kangar hendak mencelah boleh?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya menyebut bahawa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi Yang Berhormat saya minta...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya sudah minta banyak kali ini.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:...memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh Kangar hendak minta?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya tidak diganggu. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh, teruskan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan Dewan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Pendang minta.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Duduk dahulu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Dewan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan Dewan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Pendang minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tidak apa. Biar, biar. Yang Berhormat Rasah saya tidak bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya hendak menyebut implikasi...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Dewan Tuan Yang di-Pertua. Tidak, peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak apa. Tak apa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan Dewan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 36...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 4.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sub 4.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Peraturan Mesyuarat 36(4), tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya sebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat tadi kata...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kalau tidak tahu, saya bacakan. Jangan kata tidak ada kena-mengena. Ia berkaitan. *Remark* Yang Berhormat Pasir Putih buat terhadap Yang Berhormat Merbok. Saya harap *ruling* daripada...

Beberapa Ahli: Seksis.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Apa yang saya sebut?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua untuk Yang Berhormat Pasir Puteh menarik balik kenyataan beliau.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Apa benda, apa benda yang saya sebut? Apa benda yang saya sebut?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tidak mahu menanggung dosa, saya tidak mahu mengulangi. Ia direkodkan di dalam *Hansard*.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sebut apa tadi? Ulang balik sebut apa.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pasir Puteh sepatutnya tahu dia direkodkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sebutlah...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa telah tamat.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Duduk, duduk, duduk. Duduk. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Akta Antiberita Tidak Benar ini kalau kita mansuhkan, kita ada implikasi yang besar, yang suka saya tekankan pada hari ini di mana implikasi kalau berita yang mengandungi fitnah yang banyak ia memberi kesan kepada pelaburan negara. Pelabur-pelabur asing apabila melihat negara kita satu akta yang sangat baik tiba-tiba ditolak oleh Parlimen, ini satu perkara yang sangat serius yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Paling ketara iaitu generasi muda yang kita rasa tidak terkawal pada hari ini di mana....

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat sudah lupa dahulu pemimpin PAS kena tahan ISA, sudah lupa Yang Berhormat?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tidak bagi laluan. Kalau hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada laluan Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Masih hendak mempertahankan undang-undang yang...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Pasir Puteh – masa telah habis.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Diganggu. Generasi muda yang perlu kepada satu pengawalan undang-undang di dalam negara kita. Maka saya kira undang-undang Akta Antiberita ini perlu dikekalkan dan saya hendak merumuskan bahawa dalam perbahasan kita berkenaan dengan akta, kita mesti melihat ke arah rasional bukan kita hanya *yes* kepada cadangan daripada pihak kita. Kita ini Ahli Parlimen jadi *yes man*. Saya rasa ini tidak sepatutnya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu Barisan Nasional Yang Berhormat. *Yes man*, Barisan Nasional dengan PAS. Bukan Pakatan Harapan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sama dengan Yang Berhormat Jelutong sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya hendak hadkan masa perbahasan ini. Saya hendak ke seberang sini, saya jemput...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Julau.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

3.36 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya mendengar perdebatan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan saya juga telah meneliti laporan-laporan daripada *select committee parliament* negara-negara lain. Malaysia adalah antara negara yang pertama meluluskan satu undang-undang untuk berkenaan dengan *fake news*. Saya dapati bahawa laporan daripada *select committee*, The Digital, Culture, Media and Sports Committee, House of Commons United Kingdom, mereka telah meneliti isu *fake news* dan telah mencadangkan bahawa di Parlimen United Kingdom perlu mempunyai satu *framework* baharu untuk meminta tanggungjawab lebih besar daripada syarikat-syarikat teknologi. Maksudnya syarikat-syarikat seperti

Facebook, Google, Twitter dan sebagainya. Liabiliti undang-undang yang baharu kepada syarikat-syarikat media untuk bertindak ke atas kandungan yang *harmful* dan *misleading*, yang bertentangan dengan *committee guidelines social media* tersebut.

Kedua, *Select Committee of House of Commons* juga mencadangkan kaedah *artificial intelligence* ataupun *algorithm* untuk mengenal pasti kandungan yang *harmful*. Saya tadi telah mendengar perdebatan tentang contoh-contoh seperti Parlimen Jerman yang telah berkata meluluskan undang-undang. Parlimen Jerman memakai *Network Enforcement Act* pada tahun 2017 tetapi ia hanya sasar kepada *social media networks* yang mempunyai ramai pengguna berdaftar. Obligasi untuk mengeluarkan *fake news* adalah pada *social media network* tersebut selepas mendengar aduan pengguna dan bukan *target* kepada *individual user*.

Seperti yang saya kata, *fake news* yang diluluskan – *Anti-Fake News Act* yang diluluskan pada sesi lalu sebenarnya definisi yang sangat longgar dan terpakai kepada skop yang amat besar termasuk rakyat Malaysia dan warga asing. Apabila ruang cakup yang begitu besar maka ia boleh menjadi satu alat untuk menghalang kebebasan bersuara dan bertentangan dengan artikel kebebasan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan. Juga diluluskan secara gopoh tanpa proses *consultation* dengan *stakeholders* yang berkenaan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita dalam ambang sejarah manusia di mana platform digital baharu telah mencecah sehingga seluruh dunia. *Fake news* ini sebenarnya satu *buy product* era digital. Ini semua adalah berkenaan dengan persepsi orang ramai di mana institusi kerajaan serta media massa tradisional hilang kredibiliti di kalangan orang ramai. Apabila kerajaan dan juga media massa tradisional hilang kredibiliti oleh persepsi orang ramai maka berkenaan *fake news* ini akan menjadi – tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Kita perlu memastikan satu sistem demokrasi yang bebas adalah penting kerajaan serta sektor perniagaan dan pengguna bekerjasama untuk menyelesaikan atau membendung masalah *fake news*.

■1540

Kerajaan perlu menggalakkan kebebasan media yang profesional dalam masyarakat. Industri media massa perlu mengekalkan kewartawanan yang bertaraf tinggi untuk membina kepercayaan orang ramai. Syarikat-syarikat teknologi pula perlu melabur dalam *tools* untuk mengenal pasti *fake news* dan mendidik orang ramai berkenaan literasi berita. Individu pula perlu mengikuti dan membaca sumber berita yang pelbagai sama ada *online* ataupun media konvensional dan dapat membezakan yang

benar dengan yang tidak benar. *Fake news* dikeluarkan oleh pihak yang menyamar sebagai media tetapi menyebarkan berita palsu untuk mengelirukan orang ramai. Sekiranya aktiviti ini menjadi kempen bersistematik, ia akan bakal merosakkan kempen serta pentadbiran seluruh negara. Adalah penting firma teknologi – saya perlu mengulangi. Syarikat teknologi perlu melabur untuk mengenal pasti *fake news* dan *fake accounts* menggunakan *algorithm* untuk melindungi pengguna.

Saya juga ingin menyeru kerajaan melalui undang-undang melindungi data peribadi. Ini kerana data-data peribadi telah dikutip oleh syarikat-syarikat teknologi untuk *micro target* untuk penyebaran *fake news*. Saya seperti tadi meneliti laporan daripada *Select Committee United Kingdom*, UK belum lagi membuat apa-apa perundangan tentang *fake news*. Ada banyak langkah lagi untuk kita membendung isu ini. Begitu juga undang-undang yang sedia ada seperti yang telah diutarakan oleh rakan-rakan saya.

Saya rasa Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah tergesa-gesa untuk meluluskan satu akta yang mentah dan belum masak dengan klausa punitif yang berat. Oleh itu kita menjadi antara negara di dunia yang pertama yang melaksanakan anti *fake news* ini. Ini belum masak dan mentah lagi. Saya meminta langkah-langkah seperti penambahbaikan dengan syarikat teknologi semua ini boleh dilaksanakan dan saya menyokong pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan. Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat bahawa berita-berita palsu ini selalunya diterbitkan oleh pihak di sebelah sana [*Merujuk kepada blok pembangkang*]?

Saya memberi kesimpulan, semasa pilihan raya, media massa digunakan untuk menyebarkan macam-macam fitnah yang selalunya terhadap pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan. Kita lihat walaupun laporan-laporan polis dibuat, tindakannya selalu tidak diambil. Setujukah dengan saya Yang Berhormat bahawa undang-undang akta berita palsu in, definisinya, peruntukan-peruntukan seksyenya, semuanya digubal semata-mata untuk ianya berat sebelah kepada Barisan Nasional?

Di mana kita lihat definisi akta tersebut tidak diperincikan dan juga peruntukan-peruntukan seksyenya digubal di mana semata-mata ia adalah dinyatakan untuk digunakan terhadap pihak pembangkang. Ketika itu memang terhadap Pakatan Harapan. Oleh sebab itulah kita sekarang mendapati bahawa undang-undang itu tidak

sebenarnya baik dan ia tidak boleh digubal langsung, tidak boleh dipinda langsung, di mana terdapat kewajipan untuk akta tersebut dimansuhkan sekali gus. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Jelutong, saya dapati bahawa semasa pentadbiran Barisan Nasional, kebebasan media telah terhad, tersekat, media konvensional terhad dan tersekat sehinggakan indeks kebebasan media kita pun jatuh dan pelbagai undang-undang digunakan ke atas kebebasan media. Apabila kebebasan media ini disekat, maka berita-berita palsu ini akan tumbuh menggunakan pelbagai saluran di media digital.

Oleh itu seperti saya katakan tadi, kita perlu memberikan keyakinan baru kepada media-media konvensional kita sama ada media cetak atau televisyen, radio dan sebagainya, memberikan keyakinan baru kepada media-media massa kita yang konvensional, supaya rakyat kita boleh – kerajaan juga perlu mempunyai kredibiliti. Kalau kerajaan tidak mempunyai kredibiliti, orang tidak akan percaya percakapan-percakapan pemimpin. Kalau percakapan-percakapan tidak ada kredibiliti, media massa tiada kredibiliti, orang ramai akan menggunakan dan mencari saluran yang baru untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, tumbuhlah budaya *fake news*, pelbagai cerita dan sebagainya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bukit Bendera, minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Oleh itu kita perlu – seperti saya katakan tadi, kita perlu membina satu kerajaan yang berkredibiliti,...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bukit Bendera, minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Menggalakkan satu *environment* media massa yang sihat dan demokratik dan juga...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bukit Bendera, minta laluan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Mengenakan syarat-syarat kepada syarikat teknologi serata dunia, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bukit Bendera, sedikit sahaja.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Untuk memastikan bahawa budaya ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya ini.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kebebasan suara ini, kebebasan media ini dapat ditumbuhkan. Itu sahaja perdebatan saya dan saya menyokong pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya berhajat hendak menamatkan perbahasan ini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai, Kuala Krai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua janji tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri satu lagi peluang kepada Yang Berhormat Bera. Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bera pula.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Batu, Batu, Batu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Minta, minta Lembah Pantai *[Sambil mengibarkan bendera Malaysia]*

3.46 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Selamat Hari Merdeka ya? *[Berkata kepada Yang Berhormat Lembah Pantai]*

Sebagai sebuah negara majmuk seperti Malaysia, keamanan merupakan suatu yang amat penting sekali. Oleh sebab itulah prinsip kerajaan adalah untuk menjaga kepentingan awam, kepentingan umum melebihi daripada kepentingan individu dan kumpulan kecil. Mereka yang terlibat memfitnah di dalam media sosial dan sebagainya, merupakan kumpulan individu dan kumpulan kecil di dalam masyarakat tetapi kesannya adalah memudaratkan masyarakat umum ataupun masyarakat ramai.

Oleh sebab itulah kita mesti mempunyai perundangan untuk memastikan hak dan kepentingan masyarakat umum terjaga dan kita mesti menyekat kumpulan kecil yang boleh merosakkan keamanan ini. Oleh sebab itulah Akta Antiberita Tidak Benar ataupun akta berita palsu diperkenalkan. Saya hendak ulang sekali lagi. Akta Antiberita Tidak Benar atau akta berita palsu, bukan akta berita.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bera. Sekejap, minta laluan sekejap. Sedikit, sedikit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak habiskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bermakna akta berita palsu, ditekankan tentang palsu tersebut, bukannya akta.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Pembetulan ialah Akta Antiberita Tidak Benar, bukan ...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak, tidak. *Wait, wait.* Saya ada lapan minit sahaja.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Anti, anti. Akta yang sebenarnya Akta Antiberita Tidak Benar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi yang kita jaga adalah rakyat. Kita bukan menjaga pemfitnah. Ramai yang bercakap soal kebebasan. Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan bersuara. Akan tetapi kebebasan bersuara tidak bermakna kebebasan bersuara secara mutlak. Perkara ini telah diputuskan oleh *Supreme Court*, Mahkamah Agung di dalam kes *Public Prosecutor versus ...*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pung Chen Choon...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang mengatakan bahawa Perkara 10(1)(a) bukan mutlak.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Perlembagaan membenarkan Parlimen untuk *impose certain restriction*. Bermakna, kita boleh mengadakan undang-undang, memperkenalkan undang-undang untuk memastikan rakyat terjaga kerana jangan kita datang ke sini mengatakan bahawa kebebasan Perkara 10(1)(a) adalah kebebasan mutlak, maka kita boleh mengatakan dan membuat apa sahaja.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Saya hendak bertanya Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya – alasan penyalahgunaan kuasa. Saya tidak beri kepada sesiapa, ada enam minit lagi. Saya boleh beri kalau ada lebihan nanti. Yang Berhormat Jelutong – saya bukan hendak suruh *you* bangun. *You* sebut tadi. Yang Berhormat Jelutong ada menyebut tentang penyalahgunaan kuasa melalui akta *fake news* ini.

Saya hendak jelaskan kepada Dewan. Sejak daripada akta ini diperkenalkan sehinggalah hari ini, hanya satu kes sahaja yang melibatkan seorang yang bernama Salah Salem Saleh Sulaiman, warganegara Denmark kerana menyebarkan berita palsu yang mengatakan polis datang lewat di lokasi pembunuhan. Itu sahaja. Tidak ada satu kes pun yang melibatkan ahli politik sama ada daripada pembangkang atau sesiapa sahaja yang dikenakan tindakan melalui undang-undang ini.

Jadi, andaian yang mengatakan undang-undang ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, saya tidak bagi. Andaian mengatakan...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Sekejap kah tidak bagi?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Undang-undang ini untuk menyekat kebebasan pembangkang bersuara adalah tidak benar kerana seperti kita tahu, sebelum pilihan raya, berbagai-bagai media, berbagai-bagai kumpulan, *Red Bean Army* lah, macam-macam yang kita dengar— yang saya dengar. Saya tidak tahu betul, tidak betul...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO *cybertrooper* pun ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ah! Saya tidak dengar, saya dengar dan berbagai-bagai lagi berita-berita palsu, fitnah yang disebarkan yang kadang-kadang boleh menyebabkan berlaku pertelingkahan kaum, pertelingkahan agama dan sebagainya. Jadi sebab itulah kita ada akta ini untuk kita mempertahankan kepentingan rakyat di peringkat umum dan sebagainya.

Persoalannya, sudah ada undang-undang, kenapa akta ini perlu diperkenalkan? Akta yang ada pada hari ini Akta Fitnah 1952— yes, tetapi Akta Fitnah 1952 tidak pernah dipinda sampai hari ini sedangkan akta fitnah di England sudah pun dipinda pada tahun 2013 kerana mengikut peredaran masa.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Isu Perlembagaan...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita tidak pinda.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Minta maaf. Akta Mesin Cetak 1984. Dengan perkembangan-perkembangan teknologi terkini, kesalahan-kesalahan yang kompleks melalui internet, melalui media sosial dan sebagainya, kita memerlukan

perundangan yang baharu. Akta yang lama dari segi hukumannya tidak dianggap sebagai menjadi *deterrent* kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Akta Cetak hanya RM50,000, Akta Komunikasi dan Multimedia hanya RM50,000 hukuman dan sebagainya sedangkan Akta Antiberita Tidak Benar RM500,000 dan penjara enam tahun. Kita menganggap akta ini mampu untuk menyekat kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemfitnah-pemfitnah dan sebagainya.

Dari segi *extraterritorial* dan sebagainya...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya mohon sedikit pencilahan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Kesalahan dilakukan di luar negara, bagaimana kita hendak menyekat dan sebagainya kerana dunia tanpa sempadan melalui media sosial dan *internet*. Sebab itulah kita perlu ada undang-undang seperti ini untuk menjaga kepentingan rakyat kita.

Yang Berhormat, banyak akta-akta lain tidak mampu untuk mengawal kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kecil yang cuba merosakkan negara kita dan sebagainya. Saya lihat negara lain juga memperkenalkan akta ini. Saya hairan, dalam keadaan dunia yang semakin maju, negara-negara maju di dalam dunia pun mula memperkenalkan undang-undang ini, kita mahu *reverse* ke belakang.

Saya bagi contoh. Jerman mempunyai akta iaitu NetzDG.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Bera, mohon penjelasan. Satu minit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: NetzDG berkuat kuasa pada tahun 2017. United Kingdom telah pun membentuk jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji untuk mewujudkan undang-undang berita palsu ini. Vietnam di dalam proses perundingan awam. *France*, Presiden Macron telah pun mengatakan bahawa dia bercadang untuk mewujudkan undang-undang berita palsu ini. Begitu juga Singapura, sekarang dalam proses untuk memperkenalkan perundangan baharu tentang akta ataupun undang-undang *fake news* ini.

Denda di Euro di bawah NetzDG Jerman, dendanya adalah 50 juta euro. Inilah kesalahan yang dianggap kesalahan besar di bawah undang-undang di Jerman ini.

Jadi saya lihat di Malaysia ini, di bawah kerajaan baharu ini, kita *reverse*. Orang berjalan ke depan, kita berundur ke belakang. GST misalnya. Seluruh dunia ada 170 buah negara yang mengamalkan GST, tidak ada satu pun yang pusing ke belakang untuk memperkenalkan SST.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Malaysia negara moden ini, Malaysia baharu ini *reverse* ke belakang. Negara lain, saya sudah katakan tadi, berbagai-bagai negara akan memperkenalkan undang-undang *fake news* kerana hendak menjaga kepentingan rakyat mereka tetapi dalam keadaan orang lain mahu memperkenalkan undang-undang *fake news*, kita pula di dalam proses untuk membatalkan apa yang kita ada. Jadi, kita bolehlah menganggap kerajaan hari ini kerajaan yang berjalan mengundur ke belakang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Bera, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Bera. Setuju kah dengan saya, Yang Berhormat Bera, apabila sesuatu akta hendak digubal ataupun suatu akta hendak dimansuhkan, kita tengok dari segi kelemahan dan kekuatan akta ini? Masalah sekarang ini akta-akta yang digubal, yang dilaksanakan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka.

Contohnya saya hendak merujuk kes Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan juga kes Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia dahulu. Di atas kezaliman undang-undang ISA ini, kami menentang sekeras-kerasnya undang-undang ini supaya dihapuskan kerana kezaliman undang-undang ini telah menzalimi pihak-pihak tertentu seperti mana yang dikenakan kepada Menteri Pertahanan dan juga kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia pada suatu ketika dahulu. Bukan dari segi roh akta ini yang kita pertikai. Apabila sampai ke satu tahap yang menekan, mendesak mereka yang berkuasa, mereka akan menggunakan akta ini. Ini yang kita sedang bincangkan.

Dengan akta fitnah ini, Yang Berhormat Bera, kita minta kajian balik sebelum dihapuskan. Ia ada kebaikannya dan mana-mana yang ada kelemahan, kita pertingkatkan. Ini kerana tidak hendak masyarakat kita dididik dengan budaya fitnah yang menjadi budaya biasa dalam masyarakat. Adakah Yang Berhormat Bera setuju dengan pandangan kita ini?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Bera, sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kesimpulan ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi kesimpulan satu minit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kesimpulan ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Paya Besar, okey. Sekalilah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit. Adakah Yang Berhormat Bera bersetuju kerajaan baharu seperti Yang Berhormat Bera nyatakan tadi selalu mengundur ke belakang, mereka dahulu janji hendak tunaikan 100 hari tapi nampaknya ada gaya untuk mengundur, untuk tidak tunaikan, adakah juga manifesto ini merupakan berita yang tidak benar? Mereka *abolish this* akta kerana mereka takut mereka kena.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Mungkin saya percaya oleh sebab manifesto ini banyak janji-janji palsu, mungkin boleh dianggap sebagai berita tidak benar jugalah. Boleh kita terima.

Apa yang disebutkan oleh rakan saya daripada Pendang, saya setuju. Sebenarnya yang tergesa-gesa untuk memansuhkan akta ini adalah pihak kerajaan. Akta ini baik dan seluruh dunia akan memperkenalkan akta ini. Jadi saya bersetuju dengan pandangan tadi bahawa akta ini boleh dikekalkan tetapi kalau banyak kelemahan-kelemahan, kita boleh tambah baik akta tersebut. Apa yang penting, akta untuk menjaga kepentingan umum ini mestilah dikekalkan.

Jadi, saya menolak rang undang-undang untuk membatalkan Akta Antiberita Tidak Benar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Pembahas yang saya telah sebut ini terakhir, maka saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab semua persoalan yang telah ditimbulkan. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua para pembahas. Dalam rekod yang saya ada enam orang daripada Pakatan Harapan yang membahaskan. Ada empat orang daripada Barisan Nasional yang membahaskan rang undang-undang ini dan juga daripada PAS sebanyak dua orang. Jumlah kesemuanya adalah 12 orang. Terima kasih kepada 12 orang— tapi tidak termasuk pencelah-pencelah yang saya tidak kira jumlahnya. Akan tetapi bagaimanapun...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Eh! Baru cakap fasal jumlah pun nak celah kah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang fasal inilah. Yang fasal ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sabar dahulu, relaks dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak. Fasal inilah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sabar dahulu, baru...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit, sedikit, sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Baru...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang ini, yang enam empat dua ini. Fasal enam empat dua ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Duduk dahulu, duduk dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Biar Menteri cakap dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Biar Menteri cakap dahulu, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sebab semasa kita menggubal rang undang-undang ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: ...Kita perlukan dua hari yang melibatkan 43 Ahli Parlimen yang terlibat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua tidak bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ini kenapa kita hanya ada 12 orang sahaja hendak mansuhkan ini? Adakah ini tergesa-gesa seperti...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Belajar peraturan mesyuaratlah sebelum bangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab setiap Ahli Parlimen yang membahaskan sebab ada yang berbahas itu khususnya yang menyokong ini, bagi

saya, saya memang boleh terimalah perbahasan mereka dan saya rasa itu adalah juga pendirian kerajaan.

■1600

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi sebab itu bagi saya, saya hanya lebih hendak memfokuskan kepada mereka yang mungkin tidak setuju. Saya harap mereka boleh terima kalau saya buat cara begitu.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya daripada Yang Berhormat daripada Pengerang yang memulakan perbahasan daripada peringkat Barisan Nasional, pembangkang. Ada beberapa isu yang beliau telah bangkitkan. Saya telah mendengar dengan begitu teliti dan saya juga telah membuat catatan. Saya kata dengan pegawai saya, saya tidak mahu mereka sediakan jawapan, saya sedia hendak jawab sendiri untuk Yang Berhormat Pengerang. Jadi, saya hanya catat di sini dan saya tidak baca pun daripada apa yang diberikan kepada saya. Saya hendak jawab sendiri berdasarkan catatan saya.

Ini kerana saya rasa ada kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang antaranya membangkitkan, dia kata apabila kita laksanakan undang-undang ini, tolong tunjukkan berapa orang yang didakwa kerana tujuan politik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerang. Memang tidak ada lagi pendakwaan ke atas mana-mana orang atas tujuan politik. Akan tetapi, akta ini baru beberapa bulan pakai.

Bayangkan kalau Barisan Nasional dia menang lagi dan akta ini terus dilaksanakan, saya rasa akan ramai yang jadi mangsa politik. Mangsa pendakwaan atas politik. Oleh sebab itu, jangan terlalu buat kesimpulan terlalu cepat sangat. Terbukti sebagai contoh walaupun tidak ada pendakwaan tetapi ada satu penyiasatan politik. Saya ada satu daripada NST ini, Tun Mahathir *investigated for fake news*. Ini bukan politik kah?

Saya bacakan *“The Opposition Leader Tun Mahathir Mohamad is being investigated under the Anti-Fake News Act 2018 on his allegations that the chartered plane he was supposed to board to Langkawi, Kedah was sabotaged by certain parties”*. Katakanlah Barisan Nasional masih menang, saya rasa kemungkinan Tun Mahathir akan didakwa. Kemungkinan. Saya kata kemungkinan. Ini menunjukkan bahawa penyiasatan ini ada kaitan dengan politik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi kalau tiga bulan baru beberapa bulan sahaja diperkenalkan. Kemudiannya, kita kata tidak ada lagi pendakwaan politik. Akta

Hasutan yang lama itu kita tengok macam mana banyak pendakwaan politik, *selective prosecution*. Ini adalah satu yang begitu *rampant*, dengan izin.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mencelah sedikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh, dekat sahaja. Boleh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Setuju ataupun tidak kata dakwaan terhadap Yang Berhormat Langkawi ketika itu menunjukkan bahawa seseorang boleh di bawa ke mahkamah walaupun siasatan belum dijalankan kerana adanya akta ini? Jadi, ia akan menyebabkan mahkamah kita sibuk dengan laporan-laporan yang begini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sikit sahaja Yang Berhormat, saya pun hendak ambil bahagian kerana fakta bahawa Yang Berhormat Langkawi telah disiasat di bawah akta ini sebenarnya telah saya yang maklumkan kepada Dewan yang mulia ini untuk membalas perbahasan Yang Berhormat Pengerang bahawa ia tidak bertujuan politik

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini, laporan mengenai perkara ini dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Oleh sebab itu, kita mengatakan bahawa akta ini digunakan untuk tujuan politik. Ia memberi ruang untuk pemimpin-pemimpin yang daripada Pakatan Harapan dituduh apabila laporan-laporan polis dibuat oleh kebanyakannya daripada Barisan Nasional, tidak kira UMNO, MIC dan MCA.

Selalu kita lihat bila undang-undang itu ada, laporan dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana ataupun pemimpin-pemimpin UMNO seperti dalam kes Yang Berhormat Langkawi, laporan polis dibuat di seluruh negara oleh cawangan-cawangan UMNO. Itu pun ketika kita sibuk dengan kempen pilihan raya. Inilah perkara yang kita katakan bahawa akta ini sebenarnya mempunyai tujuan berniat politik untuk disalahgunakan terhadap pembangkang ketika itu. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap. Saya respons dahulu ya. Nanti saya bagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar dan juga Yang Berhormat Jelutong. Saya akan jawab dahulu Yang Berhormat Jelutong, saya setuju dengan apa yang beliau katakan dan saya rasa saya hanya mengesahkan apa yang dikata itulah sebenarnya yang berlaku. Tentang persoalan daripada Yang Berhormat Kangar tadi, minta maaf saya tidak begitu jelas. Boleh ulang balik tidak soalan? Minta maaf.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya bertanya tadi, setuju ataupun tidak adanya Akta Antiberita Tidak Benar ini membuka satu ruang untuk orang melaporkan apa sahaja kepada pihak berkuasa untuk menyiasat mana-mana pemimpin politik walaupun mereka tidak ada bukti, tidak dapat sahkan sama ada mereka sendiri yang membuat laporan ini tidak dapat sahkan bahawa itu benar ataupun tidak. Ini akan sekali gus menyebabkan nanti mahkamah kita sibuk dengan lambakan aduan-aduan yang sebegini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat Kangar dan juga semua Ahli Parlimen di sini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan sedikit. Tumpat. Tumpat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sabar dahulu Yang Berhormat Tumpat, saya baru hendak jawab ini. Sabar dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat Kangar, sebenarnya apabila kita tubuhkan banyak undang-undang sebenarnya dia itu menunjukkan bukan satu keadaan yang baik. Banyak undang-undang ini maknanya banyak kerja. Polis banyak kerja, mahkamah banyak kerja dan juga menyebabkan kos yang bertambah.

Sebenarnya kalau kita cuba mengatakan undang-undang tidak ada kaitan dengan ekonomi ini satu bagi saya satu alasan yang begitu meleset. *There are many materials.* Saya boleh tunjukkan buku-buku yang menunjukkan bahawa kaitan undang-undang dengan ekonomi. Sebab itulah bagi saya kalau kita hendak menjimatkan juga perbelanjaan kerajaan, kita mesti tidak perlu banyak undang-undang.

Sebenarnya negara-negara yang diktator yang banyak undang-undang. Oleh sebab itu bagi saya Barisan Nasional ini, mereka selalu — saya pernah bercakap di peringkat pembangkang dahulu bahawa mereka selalu menggunakan Parlimen ini untuk buat undang-undang kononnya untuk menyelesaikan masalah. Sebenarnya hakikatnya, undang-undang itu bukan untuk melindungi — hendak melindungi rakyat. Hendak melindungi kepentingan mereka.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri sedikit. Mencilah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tadi Yang Berhormat Kuala Nerus tidak bangun? Tidak payahlah. Tidak usahlah.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya hendak bangun tetapi kata Tuan Yang di-Pertua tidak cukup masa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak benarkan. Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kenapa tidak berani?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak benarkan Yang Berhormat Kuala Nerus. Bukan tidak berani. Setakat Yang Berhormat Kuala Nerus, saya bagi dekat anak saya sahaja. Tidak payah saya jawab.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya lah, kenapa sombong?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak. Saya tidak benarkan. Duduklah.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sombongnya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Bila kata saya tidak berani. Apa lagi?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tidak ubah perangai lagi dari pembangkang ke kerajaan. Sama sahaja.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Hero dia tidak bagi. Jangan sombong sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan. Sila duduklah.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua hantar nota kepada saya. Mencilah ketika jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya minta untuk berucap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak benarkan. Duduklah. Bacalah Peraturan Mesyuarat. Bila orang tidak benarkan, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibenarkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ikut cakap Yang Berhormat Menteri lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan kepada Yang Berhormat Pengerang tadi. Yang Berhormat Pengerang mengatakan bahawa — minta maaf.

Okey, tentang dia kata sekarang ini kita berdasarkan FB ini hendak — kadang-kadang ada berita yang palsu tetapi untuk turunkan tidak boleh hendak turunkan berita

itu ataupun hendak buang berita itu kecuali kita ada perintah mahkamah. Ini dia kata undang-undang ini dia kata digubal untuk membolehkan keadaan-keadaan itu dapat diselesaikan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pengerang. Sebenarnya berdasarkan mekanisme undang-undang sekarang pun sudah ada dah. Kita boleh pergi. Kita boleh ambil tindakan sivil dan sebagainya. Kita boleh *engage lawyer* untuk mendapatkan perintah-perintah yang tertentu dan kalau sekiranya kita mahu mendengar kes itu dengan segera, kita boleh mengarahkan *lawyer* kita untuk memfailkan apa yang dipanggil sijil penyegeraan ataupun *certificate of urgency*. Ini biasa dibuat oleh mana-mana peguam.

Jadi, bagi saya *the existing* mekanisme dengan izin, memberikan satu remedi kepada mana-mana pihak yang merasakan bahawa dia menjadi mangsa kerana berita-berita tidak benar. Jadi, tidak perlu pun ada undang-undang baru. Undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi. Ada hujah-hujah daripada pihak sana mengatakan kalau kita tidak puas hati dengan undang-undang *fake news* ini kita pinda lah. Jangan kita *revoke* ataupun kita mansuhkan. Saya boleh jawab balik. Kalau betul kita rasa undang-undang ada kelemahan undang-undang yang sedia ada sebelum ada anti *fake news* ini adalah undang-undang yang tidak mencukupi, patutnya kita pinda undang-undang itu. Bukan buat undang-undang baru. Jadi, menunjukkan bahawa mereka, dengan izin — mereka ini sebenarnya telah celaru dalam pemikiran. Mereka merasakan untuk menyelesaikan masalah kita pinda. Akan tetapi, mereka sendiri tidak pinda. Mereka buat undang-undang. Mereka cakap kata orang mereka *don't walk the talk*. Mereka tidak berbuat apa yang mereka bercakap.

Mereka suruh pinda, mereka kata patutnya kita pergi pada *select committee*.

■1610

Saya hendak beritahu, dulu kami mencadangkan tidak payahlah bawa akta ini, kita pergi *Select Committee*, mereka tidak mahu. Kalau pergi *Select Committee*, kemungkinan Akta Antiberita Tidak Benar tidak akan terlaksana. Jadi, mereka tidak mahu rujuk kepada Jawatankuasa Hak, Jawatankuasa Pemilih kerana mereka tahu, kalau dirujuk kepada Jawatankuasa Pemilih, kemungkinan akta ini tidak akan dilahirkan. Sebab itu, saya ingin menyatakan kepada pihak Barisan Nasional lah. *Your time is over* lah, cukuplah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya tanya soalan?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Boleh, boleh, boleh. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat, atas Yang Berhormat punya penerangan tentang *Select Committee*. Tapi isu dia Yang Berhormat dalam penyata ini memang akan diwujudkan *Select Committee* yang telah diputuskan dalam mesyuarat semalam. Jadi dalam perbahasan saya, saya menyatakan kalau sudah ada ini yang akan ditentukan dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Bukankah itu cara yang betul? Sebab Yang Berhormat kata itu yang dipohon oleh masa Yang Berhormat pembangkang. Jadi bila Yang Berhormat jadi kerajaan, Yang Berhormat kenalah *walk the talk*, itu maksud saya dalam perbahasan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Tentang yang kami hendak tubuh *Select Committee* itu untuk— banyak sangat undang-undang, minta maaf, undang-undang rimba dan undang-undang *draconian* yang dibuat oleh Barisan Nasional. Jadi, ini salah satu contohnya. Yang ini tidak boleh pergi *Select Committee*, kita ada kuasa untuk batal, kita batallah.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sikit Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang kita hendak kaji itu nanti, banyak lagi undang-undang lain. Sebenarnya banyak *pectoral of cases*, *pectoral of laws* yang kita perlu rujuk kepada *Select Committee* untuk dikaji yang memang terang-terang *draconian*, yang terang-terang menyekat kebebasan media, kebebasan individu, ini kita tidak ada *compromise*, kita akan batalkan dengan seberapa segera yang boleh. Itulah saya harap... [Disampuk]

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, kalau saya *quote* daripada kenyataan Yang Berhormat sekejap, undang-undang *draconian*...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Pengerang, Saya belum habis lagi.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Jadi, tidak mengapa. Saya tahu, saya hendak sambung takut Yang Berhormat lupa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *No, you* kena bagi peraturan mesyuarat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya faham. Saya hendak sambung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Peraturan mesyuarat. Saya tidak benarkan. Duduk dahulu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya tahu. Saya hendak sambung. Saya tahu. Yang Berhormat, maksud saya manifesto Yang Berhormat, 27 katakan banyak undang-undang zalim hendak dibatalkan, kenapa tidak buat di dalam sesi ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini jawapan— tadi dalam Yang Berhormat Pontian kata, kita hendak bentang tiga undang-undang pun dia sudah bising. Suruh buat sesi ini sampai pukul 3.00 pagi nanti bising lagi. Kami bukan Kerajaan Barisan Nasional yang mana kami berbahas sampai 3.00 pagi. Kami adalah kerajaan yang memang memberikan ruang kepada mana-mana Ahli Parlimen untuk berbahas dengan penuh dengan otak yang betul-betul *fresh*. Bukan pukul 3.00 pagi, bukan pukul 4.00 pagi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mencelah sedikit, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Nerus minta laluan,

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Nerus minta maaf saya akan— kita jumpa dekat kedai kopi sahajalah, duduk dulu.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kenapa tidak berani soal sedikit, takut juga?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Nerus, berapa kali sudah tidak beri laluan, sila duduklah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak beri Kuala Nerus, Kuala Nerus— Yang Berhormat Pengerang sudah minta duduk.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kenapa tidak beri Yang Berhormat Timbalan Menteri? Hendak jadi Menteri yang hebatkan? Menteri tidak takut debat dengan semua orang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No*. Saya orang yang paling tidak takut berdebat dengan mana-mana orang. Saya cakap terus terang.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Kenapa takut dengan Yang Berhormat Kuala Nerus?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *We have too many laws to be debated* hari ini. Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Seterusnya daripada apa ini, yang berkaitan—Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan tentang—Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, banyak yang ditulis kadang-kadang tulis dengan keadaan segera, kadang-kadang tidak boleh hendak dibaca juga. Okey, tentang berkaitan dengan sosial media. Sekarang ini adalah berkaitan dengan akaun palsu. Itu saya setuju dengan Yang Berhormat Pengerang, bahawa akaun palsu ini memang satu perkara yang menjadi masalah kepada negara kita. Akan tetapi, saya percaya perkara ini, undang-undang yang sedia ada sebelum akta ini pun boleh digunakan. Cuma, kalau sekiranya berlakunya kesusahan untuk mendakwa, ini saya rasa bukan sahaja masalah undang-undang, ini juga melibatkan penyiasatan polis. Kita mesti *empower* pasukan penguatkuasaan polis kita untuk mereka boleh menggunakan teknologi-teknologi baharu untuk memastikan akaun palsu ini dapat dibendung.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar mencelah sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa kita tidak ada masalah untuk memastikan penyiasatan polis ini berlaku dengan sofistikated, dengan menggunakan alat-alat yang terkini, terancang. Kita mahu supaya teknologi dalam filem macam contohnya CSI, itu digunakan di dalam negara kita, sesuai dengan peredaran zaman. Jadi saya rasa, kalau sekiranya ada masalah-masalah untuk kita menyelesaikan masalah-masalah seperti akaun palsu, penyelesaian dia bukan setakat undang-undang, penyelesaian dia adalah lebih berbentuk holistik. Kita juga memastikan penguatkuasaan juga diambil kita. contohnya bagaimanakah kita memperbaiki lagi mutu perkhidmatan polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta sekejap...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Seterusnya saya—izinkan saya

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akaun palsu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Fasal berkenaan Yang Berhormat Pengerang ada sedikit hendak cakap.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Fasal akaun palsu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pengerang tidak mengapalah Yang Berhormat Pengerang, cukuplah Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akaun palsu tidak boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak cakap berkenaan akaun palsu juga

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nanti kita jumpa dekat kedai kopi.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akaun palsu poin baharu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ikut aturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey Yang Berhormat Pengerang saya bagi *last* ya, lepas ini jangan lagi. Saya banyak lagi.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Okey terima kasih Yang Berhormat Sepang, *last* ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri takut hendak jawab tu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akaun palsu ini. Terima kasih saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, kalau akaun palsu yang Yang Berhormat kata itu undang-undang sedia ada boleh memantau kepada elemen akaun palsu. Jadi, saya hendak minta tahu daripada Yang Berhormat Menteri. Undang-undang yang mana Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya hendak jawab Yang Berhormat Pengerang sikit, kalau boleh?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya beri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] Okey. Tadi Yang Berhormat Pengerang masa dia berbahas disebutkan bahawa banyaknya akaun palsu dan juga media sosial ini sebaran dia cepat. Akan tetapi, bagi saya ini bukanlah alasan yang terkuat kerana Akta Antiberita Tidak Benar ini pun bukanlah satu sejenis akta yang

bersifat preventif. Maksudnya, dia pun hanya bertindak selepas perkara itu berlaku. Jadi sebenarnya, pembangkang gagal dari segi beban pembuktian untuk menunjukkan apakah cara yang paling ber*authoritative* untuk menentukan apa yang boleh dan tidak boleh disebar. Saya rasa itu yang pembangkang gagal untuk buktikan. Jadi kita tidak perlu akta ini sebenarnya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang dan juga sahabat saya daripada Yang Berhormat Kangar. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerang, kalau kita *study* Akta Komunikasi dan Multimedia, [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] Ini saya ada depan ini. Tolong baca secara keseluruhan, sebab nanti saya akan jawab juga tentang Yang Berhormat Pontian, dia tidak baca ini Yang Berhormat Pontian ini. Sebab itu tadi dia berhujah, hujah Yang Berhormat Pontian dengan Yang Berhormat Bera dia tidak baca ini. Saya tahu ini, saya akan jawab kenapa dia tidak baca.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerang, Akta Multimedia, Akta Komunikasi ini, sebenarnya boleh digunakan dan juga undang-undang sivil ini. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerang sebagai seorang peguam, sebenarnya banyak remedi kita ada untuk menentang akaun palsu ini. Cuma, saya akuih benda ini bukan mudah. Sebab itu kita *engage lawyer*. *Lawyer* ini kerja dia buat kerja-kerja susah, kalau kerja-kerja mudah dia tidak buat *lawyer* ini. Sebab itu orang, ada masalah jumpa *lawyer* dia *transfer problem* dia pada *lawyer* dan *lawyer* lah yang akan buat. Contohnya Yang Berhormat Bukit Gelugor kah dulu, macam kita ada kawan daripada Yang Berhormat Jelutong pun boleh. Ramai *lawyers* ini memang kita punya *duty is to resolve the conflict*. Sebab itu kita buat kerja-kerja yang susah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] Yang Berhormat Pontian sudah tahu yang ini ada Akta SST Perkhidmatan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Bukan. Akaun palsu itu orang itu tidak wujud kah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak jawab. Tidak apalah. Saya teruskan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akaun palsu maknanya orang itu tidak wujud kah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tahu, sebab tidak wujudlah kita kata tadi, tidak wujud kita kena siasatlah kenapa.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia walaupun tidak wujud, tetapi orang itu ada. Sebab itu saya kata tadi, kita kena *empower* polis untuk siasat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia tidak boleh akaun ini, tidak ada orang yang *operate*, mesti ada orang yang *operate*. Orang yang *operate* itu kita kena carilah. Hendak cari itu, kita kena *empower* polis.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan polis digunakan untuk setakat sembur air pada peserta demonstrasi. Zaman BN, tugas polis digunakan untuk lindungi Barisan Nasional. Bukan untuk tolong *curve the crime*, dengan izin. Sebab itu saya kata, polis yang dalam negara Malaysia baharu ini akan digunakan untuk membendung jenayah. Bukan untuk melindungi mana-mana ahli politik. Faham Yang Berhormat Pengerang?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak teruskan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada Yang Berhormat Kubang Kerian. Tidak mengapalah walaupun tidak ada saya, kena jawablah sebab saya rasa dia telah banyak memberikan kenyataan-kenyataan yang nampak macam bagus tetapi dia tidak bagus langsung.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri. Lembah Pantai

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai minta laluan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap Yang Berhormat Lembah Pantai, saya hendak jawab dahulu kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Dia baca ayat Quran Surah Al-Hujurat ayat enam. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ayat itu betul. Akan tetapi, ada satu kalimah orang kata, kadang-kadang kita cakap betul,

tujuan dia tidak betul. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Maknanya dia memang kalimah yang betul tetapi tujuan dia adalah untuk benda yang batil. *[Membaca ayat Al-Quran]* Betul, itu memang betul. Bila ada berita daripada orang fasik kita kena *tabayyun*. *Tabayyun* maknanya kita periksa dan *check*, betul tidak betul. Ini prinsip yang diterima baik BN kah, baik PAS kah, baik Pakatan Harapan, kita terima. Ini memang itu yang kita pegang pun, *tabayyun*. Sebab itu sekarang kalau sekiranya ada mana-mana kata orang menyiarkan apa-apa berita kita akan periksa dahulu.

■1620

Akan tetapi dulu Barisan Nasional, mereka tangkap dahulu baru periksa. Oleh sebab itu saya mahu katakan bahawa prinsip *tabayyun* ini betul, cumanya salah digunakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Arau, diam Yang Berhormat Arau. Jadi, saya hendak katakan kepada pihak pembangkang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan kepada Ustaz Sepang. Penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey tidak apalah, kawan itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tadi Yang Berhormat baca tentang ayat Al-Quran tadi, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Akan tetapi ayat Al-Quran yang berikutnya ialah *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman, jangan kamu buruk sangka". Buruk sangka pun tidak boleh. Jadi Yang Berhormat, cuba ulas ayat itu bagi betul Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat tidak betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya belum habis lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tidak tahu, tidak payah ulas yang itu sebab ayat tidak betul itu. Kita cakap fasal berita ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sudah, cukuplah Yang Berhormat Arau. Jangan mengarut. Duduklah.

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Karut apa baca Al-Quran itu? Betullah itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya mahu cakap macam inilah, ayat Al-Quran itu betul, saya tidak cakap ayat Al-Quran itu salah. Betullah ayat prinsip *tabayyun*

itu betul. Cumanya bagi saya, ayat itu tidak boleh digunakan untuk melindungi kezaliman. Ada juga ayat Al-Quran yang selalu PAS baca ialah, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, “*Janganlah kamu cenderung kepada kezaliman, nanti kamu diazab di api neraka*”. Ini adalah ayat-ayat orang PAS biasa baca. Jadi jangan baca ayat *tabayyun* sahaja, surah Al-Hujurat, baca juga ayat yang tidak boleh kita menyokong kezaliman. Akta ini sebenarnya akta yang memang ada elemen-elemen kezaliman, sebab itu kami menentang. Jadi saya harap, dalam kita membicarakan ayat Al-Quran untuk hendak *justify* apa yang kita cakap, kita pastikan ayat itu sesuai dengan hujah kita.

Saya hendak beritahu kepada pihak Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian mengatakan bahawa— Sebenarnya yang bermasalah bukanlah undang-undang ini, dia katakan itu adalah salah guna akta. Saya rasa ini tidak betul. Minta maaf, dengan penuh hormat saya mahu katakan ini tidak betul. Memang saya akui ada sesetengah undang-undang ini disalahgunakan, itu kita tidak nafikan.

Akan tetapi ada undang-undang *inherently* dengan izin, memang sudah zalim, tidak payah kita mahu salah guna. Tidak salah guna pun sudah zalim. Saya mahu berikan contoh, Akta SOSMA. Saya tidak tahu berapa ramai yang tahu tentang SOSMA ini. Saya tahu sebab saya pernah bahas di sini sampai hampir pukul 3 pagi. Akta SOSMA ini kadang-kadang lebih teruk daripada ISA lagi. Jadi kalau orang PAS kata dulu kita tentang ISA, betul PAS tentang ISA. Akan tetapi kenapa sekarang PAS boleh sokong SOSMA? Itu yang pelik. Tidak konsisten. *Consistently inconsistent*. [*Dewan ketawa*] Minta maafah kepada— Saya akan jawab Yang Berhormat Pasir Puteh sekejap lagi. Jangan lari ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Gudang minta laluan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, sekejap. Tentang— Saya akan berikan contoh SOSMA. Undang-undang SOSMA ini sebagai contoh, saya masih ingat lagi mendiang Karpal Singh. Dia kata, undang-undang ini ada *electronic monitoring device* (EMD) yang mana ia menjadikan manusia seperti binatang. Saya masih lagi ingat ayat daripada mendiang Karpal Singh. SOSMA ini, kita menang di mahkamah pun tidak boleh bebas. *High Court* kita menang, pendakwanya bangun berkata, “*Yang arif, saya mohon supaya orang yang dituduh ini terus ditahan*”, dan mahkamah kena bagi sebab memang tangan mahkamah diikat, tidak boleh dengar. Undang-undang ini memihak

kepada pendakwa. Undang-undang ini bertentangan dengan *rule of law*, bertentangan dengan *human rights*.

Akan tetapi oleh sebab Barisan Nasional buat, dia kata tengok undang-undang ini kenapa kita marah, kenapa kami dulu dia kata, Yang Berhormat Langkawi buat ISA, sekarang Yang Berhormat Langkawi dia kata orang daripada Pakatan Harapan boleh sokong Yang Berhormat Langkawi. Saya hendak beritahu, semasa ISA kami tentang, semasa SOSMA pun kami tentang. Kami konsisten. Walaupun saya akuilah zaman Tun Mahathir dulu banyak perkara-perkara mungkin yang kami tidak setuju, tetapi kami tentang. Akan tetapi paling kurang pun zaman Yang Berhormat Langkawi memerintah menjadi Perdana Menteri, dia bersetuju untuk hapuskan akta-akta yang zalim. Ini bezanya kenapa kita boleh sokong Yang Berhormat Langkawi. Tidak seperti PAS, dahulu sokong ISA, sekarang sokong Barisan Nasional. Ini yang pelik.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya bagi kepada PAS lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jangan inilah, jangan. Saya bagi kepada Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pasir Gudanglah Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak. Yang Berhormat Sepang tadi kata PAS sokong SOSMA, kita tolak SOSMA semasa perbahasan itu. Ini salah satu daripada bentuk berita jahat dan tidak betul.

[Dewan riuh]

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Menipu!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sedikit.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri, Pasir Gudang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apalah. Saya malas layanlah PAS ini, buang masa saya sahaja.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Apa yang tidak apalahnya? Berita palsu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Mengelirukan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Seterusnya daripada Yang Berhormat Kubang Kerian juga, berkaitan tentang dia kata...

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Ahli Yang Berhormat yang berdiri di belakang. Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap. Saya akan bagi, sekejap. Izinkan saya menjawab dulu. Ini berkaitan dengan Yang Berhormat Kubang Kerian kata, persepsi. Dia mengatakan kita buat undang-undang ini persepsinya ialah seolah-olah kita seperti menyokong *fake news*. Tuan Yang di-Pertua, persepsi ini saya akui memang tidak boleh lari. Macam sekarang inilah. PAS tidak boleh lari dari persepsi. Persepsinya orang kata PAS sokong Barisan Nasional, Sungai Kandis dan sebagainya.

Jadi, persepsi itu tidak boleh lari, memang akan ada sahaja. Akan tetapi bagi saya sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita mesti harus berani berhadapan dengan persepsi walaupun mungkin persepsi itu tidak betul, persepsi yang negatif atau macam mana. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita mesti bukan sahaja setakat hanya takut dengan persepsi, tetapi kita mahu juga mengajar rakyat bahawa mereka harus mempunyai persepsi yang betul.

Sebagai contoh, *Anti-Fake News*, kita seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, kami...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, ya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: 36(12). Yang Berhormat Sepang tadi mengeluarkan kenyataan bahawa PAS sokong SOSMA. Saya Ahli Parlimen penggal lepas, kita berbahas, kita tolak SOSMA. Ini kenyataan yang mengelirukan Dewan. Minta Yang Berhormat Sepang tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, sekiranya katakanlah PAS tidak sokong, tidak apalah. Saya masa itu dalam PAS, tetapi saya lawan...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, kena kena *ruling* dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, 36(12) ini saya tahulah sangat. Dia mesti ada niat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sudah tahu, kenapa buat juga?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, kena buat *ruling* dulu. Ucapan Yang Berhormat Sepang mengelirukan Dewan. Tuduhan palsu! Kalau sokong, dimansuhkan Akta...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah, kalau sekiranya...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab. Sudah dijawab.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Antiberita Tidak Benar. Yang Berhormat Menteri berikan berita palsu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tarik baliklah. Saya tarik baliklah kalau sekiranya PAS tidak sokong SOSMA, *alhamdulillah*. Saya tarik baliklah.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya mahu buat *ruling* atas mengelirukan Dewan, banyak sangat yang mengelirukan Dewan. Jadi, kita teruskan. Teruskan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Itu masalah lain Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ini mesti diselesaikan, mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini jahat. Ini berniat jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Menteri kena bercakaplah seperti Menteri.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik baliklah. / *play guilty* lah. Saya *play guilty*. Saya mengalah.

Tuan Yang di-Pertua: Biar saya jelaskan peruntukan mengelirukan Dewan itu berasaskan sesuatu yang disebut dengan niat jahat, dengan bukti jahat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini lebih daripada jahat niat dia ini!

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kalau ikutkan, tidak ada isu mengelirukan Dewan. Teruskan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Memang Yang Berhormat Sepang berniat jahat Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh. Ini fakta salah, fakta palsu yang akan disebarikan di luar sana nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada kena mengena dengan berita palsu. Ini sudah ditarik balik. Teruskan Menteri.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, ini berita palsu Tuan Yang di-Pertua. Maaf, 36(12). Menteri menyebut secara jelas maklumat yang palsu berkaitan dengan PAS.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri telah tarik balik. Kalau sesuatu itu tidak benar...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tarik balik. Saya sudah tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berdiri mengatakan tidak benar, perkara itu harus selesai di situ sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tarik balik. Saya tarik balik. Tidak mengapa, saya tarik baliklah. Saya akuilah saya bukan manusia yang *perfect*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik baliklah. Tarik balik. Tarik balik dan minta maaf.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya bukan manusia yang *perfect*. Saya minta maaf dan saya juga...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bertaubat tidak akan buat lagi!

[Dewan ketawa]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Taubat, taubat! Yang Berhormat Sepang kena bertaubat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau mahu bertaubat, suruh Barisan Nasionallah bertaubat. Buat kezaliman itu yang bertaubat.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Taubat nasuha. Taubat nasuha.

Tuan Yang di-Pertua: Bersama-samalah kita bertaubat. Teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Saya ingin katakan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian juga bahawa sebenarnya banyak undang-undang yang saya mahu tambah lagi, undang-undang yang dekat Malaysia ini sebenarnya yang patut ditentang. Oleh sebab itulah dalam manifesto kita, kita meletakkan dua senario. Satu, undang-undang yang kita kena batalkan keseluruhan. Ada satu undang-undang yang kita katakan hanya ingin memastikan dibuang *provisions* atau peruntukan-peruntukan yang bersifat *draconian*.

Cuba baca betul-betul manifesto. Jangan macam ada seseorang yang baca manifesto, dia kata kita hanya haramkan GST, tidak mahu laksanakan SST. Ini tidak

betul. Ini baca tidak betul. Oleh sebab kalau dalam manifesto Pakatan Harapan, kita mahu haramkan GST dan juga mahu laksanakan SST. Akan tetapi, ada seorang Ahli Parlimen dia kata, kenapa di dalam manifesto haramkan GST, tidak kata laksanakan SST. Tidak baca masalahnya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Sepang, minta pencelahan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Minta penjelasan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apalah, cukup. Seterusnya saya mahu pergi kepada...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Dia ada sebut tentang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak ikut *sequence*. Saya akan terus kepada...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pasir Gudang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Gudang, mahu bagi laluan atau tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

■1630

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan tadi saya ada mencelah, saya menimbulkan isu undang-undang Perlembagaan. Saya percaya bahawa Dewan Rakyat ini adalah satu forum Dewan untuk menggubal undang-undang yang baru, meminda undang-undang atau memansuhkan undang-undang. Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar ini, apa pun namanya, pada pandangan saya undang-undang ini dari segi sudut undang-undang Perlembagaan, saya merujuk fasal 10(2)(a), Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini tidak sah kerana— betul disebut oleh Yang Berhormat Bera dan pihak yang menentang ini mengatakan bahawa kebebasan fasal 10 itu bukannya mutlak, itu saya setuju.

Akan tetapi di bawah Perlembagaan Negara menyebut bahawa undang-undang yang boleh diadakan untuk menyekat kebebasan sekiranya undang-undang itu berkaitan dengan ketenteraman awam, keselamatan negara, itu patutlah. Jadi, saya melihat bahawa Akta Antiberita Tidak Benar ini bercanggah dengan peruntukan fasal 10(2)(a) kerana Akta Antiberita Tidak Benar yang diluluskan oleh kerajaan yang dulu,

yang dibawa oleh kerajaan yang dulu, ia tidak ada kaitan dengan ketenteraman awam, keselamatan negara. Jadi, dari segi *constitutional law* bercanggah, bukan undang-undang yang baik. Itu sebab kita hendak mansuhkan. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sepang, saya telah berbahas tentang undang-undang SOSMA dalam perbahasan saya. Saya juga ingin menyentuh tentang undang-undang SOSMA. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memandangkan Tuan Yang di-Pertua juga adalah seorang hakim yang terkenal. Dalam perbicaraan kes-kes SOSMA, seorang saksi yang dipanggil boleh diletakkan di sebuah bilik, di mana saksi itu tidak akan didedahkan. Suara saksi itu juga boleh diagihkan supaya kita tidak mengenali saksi tersebut.

Ini adalah perkara-perkara yang bercanggah dengan sistem perundangan dalam negara kita, satu. Dua, saya juga telah berbahas tentang janji yang dibuat dalam manifesto tentang pemansuhan Akta Hasutan, pemansuhan SOSMA dan sebagainya. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Sepang, bilakah jangka masa yang boleh kita anggarkan di mana undang-undang yang zalim seperti Akta Hasutan ini akan dimansuhkan dan Akta SOSMA akan dimansuhkan?

Ini kerana perkara-perkara ini menjadi isu kerana kita lihat dalam laman sosial, saya telah menyebut tadi di mana beberapa aktivis di Malaysia telah pun disiasat seperti aktivis Hishamuddin Rais telah disiasat, dipanggil untuk diberikan keterangan, Kadir Jasin telah dipanggil untuk memberi keterangan, peguam Fadiah Nadwa Fikri telah dipanggil untuk beri keterangan di bawah Akta Hasutan dan Asheeq Ali Sethi Alvi. Semua keempat-empat kes ini berlaku selepas kita menjadi kerajaan.

Jadi, apabila kita lihat bahawa pihak polis terus memanggil mereka ini untuk disiasat di bawah Akta Hasutan, ia menimbulkan persepsi seolah-olah Pakatan Harapan tidak mengotakan janji. Saya sebagai seorang *backbencher*, terpanggil untuk mengulas tentang perkara ini. Dengan segala hormatnya saya meminta Yang Berhormat Sepang memberi penjelasan ataupun komitmen bahawa tidak ada sebarang pertuduhan yang akan dikenakan terhadap mereka ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga daripada Yang Berhormat Jelutong. Izinkan saya menjawab dulu fasal Yang Berhormat Pasir Gudang. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, Artikel 10 ini saya akui memang bukan bersifat mutlak. Kita pun sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, tidak pernah pun sesekali mana-mana pihak pun ingin mendapat kebebasan mutlak.

Saya rasa kebebasan mutlak ini satu mitos, tidak mungkin berlaku. Tidak ada mana-mana manusia pun akan minta kebebasan mutlak. Oleh sebab kebebasan mutlak ini bagi saya adalah, dengan izin, *contradiction in terms* lah. Oleh sebab itulah bagi kita, apa yang berlaku dalam Artikel 10(a) sebenarnya kalau kita baca mana-mana *literature*, memang menjadi satu perbincangan yang panjang. Oleh sebab Artikel 10 itu, walaupun ia bagi satu ruang kebebasan iaitu kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan juga kebebasan- *freedom of expression*.

Akan tetapi Parlimen *may impose restriction*. Jadi, seolah-olah walaupun kita ada doktrin *constitutional supremacy* ataupun ketinggian perlembagaan tetapi apabila Parlimen boleh *impose restriction*, seolah-olah negara kita ini macam negara yang meletakkan sebagai negara yang mengamalkan doktrin ketinggian Parlimen seperti mana di UK. Jadi, ini menjadi satu perbincangan dalam mana-mana pihak yang terlibat dalam perlembagaanlah. Jadi, persoalannya adakah Artikel 10 yang membenarkan Parlimen untuk *override constitutional supremacy* itu *valid* atau tidak. Saya rasa dalam hal ini saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Pasir Gudang, benda ini sepatutnya mungkin perlu *to be tested*, dengan izin, dalam mahkamah. Oleh sebab mahkamah Malaysia ada mempunyai hak untuk menentukan mana-mana undang-undang ini adalah bertentangan atau tidak bertentangan dengan Perlembagaan.

Jadi, saya tidak mahulah ulas sama ada undang-undang akta ini bercanggah dengan Perlembagaan. Itu bagi saya, *the right forum* adalah *should be* mahkamah. Jadi, saya harap kalau sekiranya ketika itulah, patutnya kalau ada undang-undang yang kita rasa bercanggah dengan Perlembagaan, kita patut menggunakan peluang di mahkamah untuk cabar di mahkamah sama ada undang-undang itu perlu disiasat bercanggah dengan Perlembagaan atau tidak. Jadi, untuk kita hendak mengatakan bercanggah dengan Perlembagaan walaupun tidak salah tetapi ia tidak *binding* dan tidak boleh mengikat kita semua.

Tentang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jelutong. Sebenarnya saya harap perbincangan hari ini kita bukan hendak bincang tentang SOSMA. Saya bagi contoh SOSMA itu sebagai *in passing* sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Jelutong, kerajaan sekarang ini adalah kerajaan yang komited untuk menunaikan janji manifesto. Cumanya saya akuilah kadang-kadang kita mungkin ada kekangan tertentu yang terpaksa kita ambil kira. Kalau kita mengambil satu sikap oleh kerana sudah janji, kita kena mesti laksanakan tanpa langsung mengambil kekangan-kekangan ini, kita khawatir kalau kita laksanakan, ia mungkin akan jadi *counter*

productive. Nanti mereka juga akan serang kita balik, mereka kata kenapa apabila kita buat beginilah, macam-macam.

Jadi, saya rasa rakyat perlu beri kita mungkin sedikit kelonggaranlah. Walau saya bukanlah hendak kata ini hendak mungkir janji. Kita *insya-Allah* kerajaan yang bukan hendak mungkir janji. Kalau kita mungkir janji, tidak mungkin pada hari ini kita akan hendak jatuhkan atau pun hendak *revoke* Akta *Anti-Fake News* ini dan juga tidak mungkin akan haramkan GST.

Walaupun Yang Berhormat Pontian tadi riuh mengatakan bahawa GST boleh menurunkan harga barang. Saya *respect* jugalah kepada Yang Berhormat Pontian, maknanya dia sentiasa konsisten, istiqamahlah mengatakan GST itu menurunkan harga barang. Itu memang saya tabik *spring* lah. Akan tetapi saya hendak terus pergi kepada Yang Berhormat Pontian tadi. Yang Berhormat Pontian tadi membangkitkan isu, dia kata *Anti-Fake News Act* itu ada mempunyai beberapa elemen baru. Dia menyebut antaranya *extra territorial* ataupun pemakaian di luar wilayah.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, saya harap Yang Berhormat Pontian baca Akta Komunikasi dan Multimedia. Oleh sebab inilah antara sebab kita kata kenapa undang-undang *Anti-Fake News Act* tidak perlu. Oleh sebab sudah ada undang-undang sedia ada yang telah pun mempunyai peruntukan-peruntukan yang jelas dan mencukupi untuk kita, dengan izin, *deal with fake news*. Tidak perlulah ada undang-undang baru.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, sekejap. Seksyen 4, untuk makluman Yang Berhormat Pontian, saya bacakan seksyen 4. Seksyen 4 ini Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, seksyen 4. Seksyen 4, kata apa Yang Berhormat Pontian? Yang Berhormat Pontian ini duduk sahaja. Tengok sini, saya hendak ajar sikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tengah bacalah akta ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Pontian— oh! Tengah baca ya? Tengok seksyen 4, kita sama-sama baca.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dalam *handphone* pun ada, ingat apalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh! Dalam *handphone*. Baik-baik, dalam *handphone* banyak *fake news*, baik-baik. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jangan sombong sangat, jangan bongkak sangat, jangan riak sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukanlah, okey. Seksyen 4...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jawab elok-eloklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Seksyen 4(1) pemakaian wilayah dan luar wilayah. Ini akta— ini bukan Akta *Anti-Fake News*, inilah adalah akta— saya ulang, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

■1640

Seksyen 4(1) mengatakan akta ini dan perundangan subsidiarinya terpakai di dalam dan di luar Malaysia. Ini dipanggil *extra territorial* lah. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Pontian, undang-undang yang anda semua buat sebenarnya sudah adapun undang-undang yang membenarkan pemakaian luar wilayah. Jadi, kenapa hendak ada akta *fake news*, kata seolah-olah macam akta ini akta baharu yang baru ada. Nampak sangat- minta maaf Yang Berhormat Pontian, tidak baca undang-undang ini sebelum berbahas. Saya hendak cadangkanlah kalau hendak berbahas buat *homework* dahulu, ini saya punya cadanganlah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada buat *homework* sedikit ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Siapa?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya Lembah Pantai, Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sila, sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ini berkaitan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, sebenarnya bila kita lihat dalam laporan tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2016 pun telah disebut bahawa antara masalah yang dihadapi pada waktu itu adalah 34 peratus daripada kes-kes aduan tidak ada tindakan lanjut ataupun *no further action* (NFA) kerana suspek gagal dikenal pasti akibat daripada pendaftaran kad SIM prabayar yang menggunakan maklumat palsu.

Apa yang saya hendak tanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukankah kita dapat lihat di sini bahawa Akta Antiberita Tidak Benar ini sebenarnya ada satu helah

politik? Walhal sebenarnya sekiranya pentadbiran sebelum ini benar-benar ingin menangani masalah yang dihadapi oleh sama ada SKMM dan juga agensi-agensi yang lain, sepatutnya dia telah mereformasi dan membawa pindaan kepada akta-akta seperti ini untuk membantu agensi menyelesaikan masalah.

Ini mereka menggunakan akta- mewujudkan akta baharu yang sebenarnya menjiplak daripada ayat politik daripada Presiden Donald Trump yang bagi beliau *fake news* itu adalah serangan politik terhadap musuh beliau sendiri. Apa pandangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai saya setuju. Saya hendak tambah Yang Berhormat Lembah Pantai, mana-mana kerajaan yang dia rasa tidak *secured*, yang dia rasa dia tidak selamat walaupun sudah banyak akta, dia akan terus tambah akta sebab dia rasa tidak selamat. Ini bahaya apabila sebuah kerajaan dia melakukan kezaliman. Dia rasa untuk hendak melindungi kezaliman ini, dia perlukan undang-undang lebih zalim lagi untuk memastikan kezalimannya tidak terbongkar. Oleh sebab itu saya kata banyak undang-undang ini bukan semestinya baik untuk rakyat tetapi baik untuk kerajaan yang zalim. Ini bahayanya. Jadi saya harap benda ini diambil kira oleh semua kerajaan, termasuk Kerajaan Pakatan Harapanlah.

Jadi seterusnya, saya sambung kepada Yang Berhormat Pontian tadi. Yang Berhormat Pontian juga menyatakan tentang antara elemen yang ada *interim measures* saya kata dalam undang-undang yang *Anti-Fake News* ini ada *interim measures*. Maksudnya kita boleh dapatkan satu perintah yang berbentuk sementara, perintah sementara.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Pontian, ini pun sudah ada dalam undang-undang sekarang. Undang-undang sekarang Yang Berhormat Pontian, kalau sekiranya kita rasa ada satu undang-undang, satu berita-berita yang palsu, fitnah dan sebagainya dikenakan ke atas kita, kita boleh mengarahkan kita punya pengamal undang-undang atau *lawyer* kita untuk dapatkan satu perintah dipanggil *interlocutory injunction* seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi.

Jadi, injunksi ini satu perintah yang memang tujuan dia, dia *designed in such a way* untuk memastikan satu remedi yang segera dapat diberikan sebab itu dia boleh dengar *ex parte* dan ada juga boleh didengar dengan cepat dengan kita pergi jumpa hakim minta dengar cepat. Kita fail satu kes injunksi. Walaupun saya akui dia punya *ex parte order* itu tidaklah kata orang itu, dia ada *life span*, ada umur dia tidak panjang

lepas itu akan dengar secara *inter parte* iaitu secara dipanggil kedua-dua pihak tetapi itu adalah *interim measures*, maknanya sudah ada. Kalau sudah ada, tidak perlulah kita hendak adakan undang-undang lain.

Bila ada undang-undang, itu yang saya kata *over regulation* itu bahaya. Jadi saya harap Yang Berhormat Pontian tidak sepatutnya gunakan hujah itulah. Saya hendak jawab juga berkaitan dengan daripada Yang Berhormat Bera tadi. Yang Berhormat Bera ada bangkitkan tentang pertama tadi saya sudah jawab berkaitan dengan *extra territorial* itu yang saya kata dan beliau mengatakan juga bahawa akta ini seolah-olah bukan Malaysia sahajalah yang perlu buat, negara lain pun buat. Ini juga digunakan dalam GST. GST juga digunakan hujah yang sama bahawa banyak negara buat maka kita kena buat. Saya hendak beritahu kepada pihak sebelah sanalah, ini hujah bahaya, ini hujah Pak Pandir. Hujah Pak Pandir dia kata bila anak dia mati, dia kata orang lain pun mati juga. Ini hujah Pak Pandir. Jangan guna hujah Pak Pandirlah, *please* lah.

Kita ini undang-undang ini, kita boleh tiru negara lain tetapi kita ada sejarah dan tradisi negara kita yang perlu kita teruskan. Oleh sebab itu kita hanya menggunakan negara lain sebagai panduan bukan sebagai satu yang kita harus, wajib ikut. Kalau hendak ikut, ikut juga benda yang baik. Sebagai contoh di Amerika banyak benda baik yang kita boleh ikut. Contohnya adakan perdebatan dalam pemilihan Presiden. Kenapa di dalam negara kita masa dulu Barisan Nasional perintah Perdana Menteri sekarang minta berdebat *Nothing to Hide* tidak berani, kenapa?

Ini menunjukkan banyak perkara yang kita tidak hendak ikut. Kita hanya ikut perkara-perkara tertentu sahaja dan perkara-perkara lain tidak mahu ikut. Oleh sebab itu saya kata kepada Barisan Nasional, kalau hendak ikut itu kena janganlah selektif dalam perkara yang rasa menguntungkan anda, anda ikut. Dalam perkara yang tidak menguntungkan anda, anda tidak ikut. Saya harap perkara ini kita kena betulkan.

Insya-Allah kerajaan yang ada sekarang ini kita bersedia untuk ikut mana-mana sebab kita berpegang [*Berucap dalam bahasa Arab*], hikmah ini benda yang tercicir, mana benda yang baik walaupun daripada bukan Islam, walaupun daripada negara yang mungkin hatta negara komunis kalau baik kita boleh ikut, tidak ada masalah.

Kita bukan sebuah kerajaan yang takut untuk ikut mana-mana pihak kalau sekiranya betul. Akan tetapi *Anti-Fake News Act* ini bagi kami tidak boleh ikut sebab ini benda yang tidak betul. Kalau sekiranya adapun masalah *fake news* ini, kita sudah ada undang-undang yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi saya rasa tidak perlu kita hendak takut dengan untuk kita berdiri sendiri tanpa mengikut mana-mana

pihak. Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera tadi berkaitan dengan Akta Fitnah 1992. Dia kata kenapa tidak pinda.

Pertamanya, saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Bera lah. Yang Berhormat Bera tidak ada pula ya, tetapi saya jawab jugalah. Dia baca kah Akta Fitnah ini? Kalau dia baca Akta Fitnah, dia tahu bahawa Akta Fitnah ini tidak ada satu *provision* pun mengenai *criminal provision*, ia berkaitan dengan sivil. Maknanya Akta Fitnah ini lebih kepada hendak memberikan satu *guideline* macam mana kita hendak buat *pleading* dalam kes-kes *defamation*. Sebab itulah saya harap sebelum kita hendak bincang akta-akta ini kita baca dulu. Walaupun Yang Berhormat Bera saya tahu seorang pengamal undang-undang, sepatutnya beliau tahu Akta Fitnah 1992 apa sebenar kandungannya.

Dia juga menyatakan bahawa kenapa kita banyak akta-akta ini kita tidak pinda kan? Kenapa akta tidak dipinda, sebenarnya hujah ini hujah makan tuan. Bukan hujah untuk menyokong akta *fake news* ini ataupun *Anti-Fake News Act*. Kalau betul Yang Berhormat Bera kata undang-undang tidak dipinda, masa anda perintah 60 tahun kenapa anda tidak pinda? Kenapa sekarang baru hendak cakap? Kalau betul akta ini ada masalah contohnya Akta Komunikasi dan Multimedia bermasalah, Akta *Penal Code* ada masalah, berapa kali kamu boleh pinda yang lain kenapa yang ini kamu tidak pinda?

Jadi saya hendak kata sebelum kita berhujah menggunakan hujah pindaan ini, kita kena *study* dahulu adakah hujah itu boleh dipakai atau tidak? Jadi saya harap Yang Berhormat Bera sebagai pengamal undang-undang sepatutnya tidak bercakap begitulah tetapi malangnya beliau telah bercakap dan saya terpaksa memberi ulasanlah.

Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kuala Kangsar saya hendak ulas sedikit. Saya banyak ulas daripada Barisan Nasionallah. Dia mengatakan tentang *tabayyun*, prinsip *tabayyun* ini mesti di inilah. Saya setuju, yang itu saya boleh setuju dan saya rasa ini juga yang *insya-Allah* kita akan cuba inilah. Kita akan cuba perembangkan dalam negara kita. Dia kata dia tidak setuju akta ini dimansuhkan, dia hanya setuju dipinda. Saya telah jawab tadi, saya rasa pindaan ini sepatutnya kalau sekiranya kita rasa perlu bukan kita pinda akta *fake news* tetapi sebaliknya kita pinda akta-akta yang sedia ada bagi memastikan pemakaian kepada undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, *Penal Code* ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi.

Saya hendak sentuh sedikit fasal Yang Berhormat Pasir Puteh tadi. Yang Berhormat Pasir Puteh ada cakap tadi ya. Yang Berhormat Pasir Puteh ini saya tengok

dia hujah, saya pun kadang-kadang kasihan tengok dia hujah tetapi tidak apalah saya jawab jugalah.

■1650

Dia macam seolah-olah nak bantai kita tetapi nampaknya kadang-kadang dia bantai diri dia sendiri. Dia kata contohnya dia kata, dahulu kenapa sebelah sini bantai Yang Berhormat Langkawi, sekarang sokong. Ini kalau saya jawab politik teruk ini tetapi saya tidak jawablah. Hendak jawab, okey inilah. Dahulu masa kita tentang Yang Berhormat Langkawi sebab masa itu kita rasa ada yang tidak betul.

Saya rasa masa itu pun apabila kita lawan dia, kerana dia dalam Barisan Nasional dan kita waktu itu jadi musuh kepada Barisan Nasional. Maka kita lawan. Akan tetapi sekarang kita rasa apabila dia pun sudah mula hendak berubah dan dia pun rasa nampak Barisan Nasional pun sudah teruk, dia pun lawan Barisan Nasional. Takkanlah kami hendak lawan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dia tidak pernah minta maaf lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Allah. Itu tidak payah. Itu *don't deserve any answer*. Okey, seterusnya saya hendak cakap beginilah. Kalau kita kata orang lain ini apabila orang itu berubah kita kena bantai juga, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau itulah hujah digunakan, sampai bila pun tidak boleh terima contohnya Saidina Umar dan sebagainya.

Nabi Muhammad SAW walaupun orang lawan dia, Saidina Umar dahulu kuat lawan dia, ramai sahabat lawan dia tetapi apabila mereka terima perjuangan Islam, Rasulullah sendiri tidak ada masalah. Malahan saya hendak beritahu kalau baca buku yang ditulis oleh seorang, sebenarnya dia orang Islam tetapi masih nama orang putih, Martin Lings. Baca buku dia Muhammad. Dia mengatakan bahawa apabila Abu Lahab, anaknya Ikrimah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Abu Jahal, Abu Jahal.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Macam mana baca tidak ingat. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Allah, tidak ingat bukan maknanya kita,....

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yalah Yang Berhormat Sepang, awal-awal tuduh orang tidak baca.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: [*Membaca dalam bahasa Arab*] Dinamakan manusia sebagai manusia kerana mereka berjanji tetapi mereka lupa. Namun perkataan *insan* itu ada ulama kata daripada perkataan *nasia* bermaksud lupa. Jadi kalau manusia lupa, apa masalahnya.

Oleh sebab itu ada tazkirah, kena ingat. Saya akui saya mungkin terlupa nama Abu Jahal atau Abu Lahab. Oleh sebab itu saya kata tadi saya tidak pasti. Akan tetapi terima kasih kepada *reminder* itu. Okey.

Ikrimah ini dia jumpa Nabi masa tahun kelapan hijrah, Nabi pesan kepada para sahabat, jangan ungkit apa yang bapa dia buat sebab Nabi masih menghormati orang yang sudah mati. Nabi tidak mahu nama buruk dia diungkit sampai melukakan hati anaknya. Jadi bagi saya, kalau sekiranya ditakdirkan mana-mana pihak, bukan sahaja Yang Berhormat Langkawi, mana-mana orang pun kalau sekiranya mereka hendak berubah, kita patut beri peluang untuk dia berubah.

Oleh sebab itu bagi saya, kami semua Pakatan Harapan sedia terima Yang Berhormat Langkawi sebagai pemimpin kami sebab kami rasakan bahawa beliau mempunyai komitmen untuk berubah dan untuk membuat perubahan kepada negara kita.

Jadi, oleh sebab itulah kami berkata adalah menjadi satu kesalahan kalau kami biarkan beliau berseorangan untuk melawan kezaliman Barisan Nasional. Jadi kami harus membantu beliau untuk bersama-sama membantu menjatuhkan Barisan Nasional dan untuk membentuk Malaysia yang baru. Jadi persoalannya PAS tidak mahu bersama, minta maaf PAS.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Bagi peluang, sila-sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi saya rasa Yang Berhormat Pasir Puteh dia tidak ada bincang yang *substance* sangatlah. Dia pun saya rasa tidak berapa faham sangat bab akta ini. Dia hendak bincang macam mana. Saya rasa saya tidak perlu jawab sangatlah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Padanlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Hendak tanya bangun.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Hendak bangunlah ini, bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang cuba bagi respons dan saya kira apa yang saya bangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi. Kalau itu jawapan, saya rasa tidak lama rasanya Menteri. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau *style* macam ini dia tanya, saya ingat tidak lama jadi Ahli Parlimen. Tanya apa soalan ini, tanyalah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat lebih baik Yang Berhormat Menteri teruskanlah.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Saya tanya jawapan yang diberi masih tidak memberi jawapan kepada beberapa soalan yang saya kemukakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, apa antaranya? Hendak saya jawab apa? Saya jawab spesifik.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Antaranya saya sebut tadi isu bagaimana generasi muda yang sangat terdedah dengan IT dan seumpamanya dan mereka menggunakan IT ini dengan cara yang salah. Oleh sebab itu apabila diperkenalkan akta ini, saya mengatakan saya memberi sokongan dan sepatutnya kita memahami bahawa akta ini anti berita palsu. Bukan kita mengatakan bahawa akta ini menyekat sesiapa daripada bercakap benar, tidak.

Sesiapa sahaja boleh supaya berani bercakap benar, berani menyatakan sesuatu dan kita mengajar budaya masyarakat kita supaya jangan berbohong, jangan memfitnah, jangan benda-benda yang negatif dalam masyarakat kita.

Jadi itu yang saya bangkitkan. Jadi saya hendak dengar hujah yang lebih baik kalau kita hendak hapuskan akta ini, apa hujah kita yang konkrit. Jadi biar boleh mengatasi hujah yang kami sebelah sini kemukakan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Pasir Puteh, saya hendak mencadangkan kalau boleh semasa kami berbahas dahulu semasa pembangkang itu, baca *Hansard* dan fahamkan benda itu. Sebelum pergi Parlimen, baca *Hansard* dahulu. Dekat situ banyak. Tadi dengar tak ucapan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor? Kami sebenarnya Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun sudah baca. Dahulu Yang Berhormat Menteri bercakap lain, sekarang ini nampak cakap lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau sudah baca, kenapa tidak faham? Ini baca apa ini? Baca lain kot.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu minta laluan.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap Yang Berhormat Pasir Puteh saya hendak tambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Pasir Puteh, tidak ada mana-mana pihak pun yang sokong berita palsu ini, tidak ada mana-mana pihak. Seperti mana kata Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi, kami bukan menyokong *fake news* cuma kami kata undang-undang yang sedia ada sudah cukup. Undang-undang yang ada sudah cukup. Saya sebagai seorang peguam, saya tahu sudah cukup. Saya hendak beri contoh kepada...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tangga Batu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap. Saya hendak beri contoh kepada Yang Berhormat Pasir Puteh cuba baca akta berkaitan dengan mesin cetak seksyen 8A ada sebut *false*. Perkataan *false* itu tipulah. Maknanya penipuan. Baca Akta Komunikasi dan Multimedia pun ada juga perkataan *false* juga, perkataan yang berkaitan dengan berita palsu. Sudah cukup. Kalau akta itu tidak cukup, kita pindahkan supaya ia boleh digunakan dengan lebih efektif, bukan dengan pengenalan akta baru. Akta baru ini kalau kita buat begini pun, kami sudah bincang panjang kenapa akta ini tidak bagus.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Pasir Puteh jangan hendak bohong bacalah. Kalau baca mesti faham punya. Saya kenallah Yang Berhormat Pasir Puteh. Jangan hendak temberang kata baca.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu minta laluan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jangan tuduh sebarang. Itu tidak bagus.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Memang saya bukan tuduh tetapi cara-cara berbahas itu menunjukkan memang tidak baca. Kalau baca tidak akan timbul soalan itu semua. Kalau baca, saya hendak tanya apa yang saya cakap dalam itu? Apa yang saya cakap? Saya bahas panjang, apa dia?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Dahulu Yang Berhormat Sepang banyak mempertikaikan masalah hak kebebasan bersuara dalam *Hansard* dahulu. Banyak mempertikaikan sebab apa begini, sebab apa begini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya cakap *Hansard*, *Hansard*.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yalah, *Hansard*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Faham tak *Hansard* itu? *Hansard* apa? *Hansard* ini maknanya laporan Parlimen, faham tak?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang Berhormat Menteri tidak ada jawapan. Kita tanya dia, dia tidak ada jawapan.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Jawab sahajalah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak mengapalah. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu layanlah PAS ini buang masa saya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu masih berdiri Yang Berhormat Menteri. Hendak berikan peluang?

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh bagi ruang? Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan dan sudah banyak juga saya *cover* tentang berapa perkara...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sombonglah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak mengapalah cakap saya sombong pun tidak apalah. Saya anggap itu sebagai *fake news*. Tidak ada masalah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dahulu menang pun atas PAS. Jangan lupa kulit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sikit sebagai terakhir, saya berikan kepada Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Tangga Batu.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya sebenarnya ingin menyokong apa Yang Berhormat nyatakan bahawa kita bukan hendak suruh orang buat *fake news*, menggalakkan generasi kita berkata tidak benar, palsu. Akan tetapi apa yang kita nyatakan di sini kita ingin menyokong memansuhkan *anti-fake news* ini ialah kerana undang-undang yang sudah ada sudah cukup.

Jadi kalau kita contohnya, kalau kita letakkan polis kita di landasan yang betul, maknanya membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa iaitu dahulu polis kita banyak memantau ahli-ahli politik. Sekarang kalau kita berikan mereka kepercayaan untuk mengendalikan segala undang-undang yang ada itu, saya rasa itu sudah mencukupi.

Maknanya di situ, kalau contohnya macam saya sendiri *dcreate*, diciptakan satu akaun palsu semasa sebelum pilihan raya.

■1700

Jadi saya telah mengadu kepada polis dan buat laporan polis dan sekarang polis menyiasat. Jadi, bagi kepercayaan kepada polis untuk menjalankan perkara ini.

Kalau kita nak ambil *anti-fake news* ini, hari ini dah keluar dah dalam FB iaitu ada yang mengeluarkan *t-shirt* seolah-olah Pakatan ini membuat janji palsu. Kalau ini kita anggap sebagai *fake news*, memang kita boleh ambil tindakan kepada yang pengeluar *t-shirt* itu. Jadi makna kita nak... [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Itu betul, bukan palsu.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Ya lah, maknanya kita sekarang ini kalau kita begitu, makna kalau kita sokong *anti-fake news* ini dan tidak mahu memansuhkannya, bermakna kita terlampau menyekat dan apa semua kita akan ambil tindakan walhal undang-undang yang ada sudah cukup untuk mengawal. Kita hanya perlu beri kepercayaan kepada polis terutamanya untuk menjalankan tugas ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu. Jadi saya nak kata beginilah, Yang Berhormat Tangga Batu. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tangga Batu. Maknanya undang-undang yang sedia ada dah cukup dah. Ini pun yang telah pun kita jelaskan beberapa kali dah...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, ada sikit soalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Dan saya rasa perbincangan daripada pihak sebelah sini telah menyatakan bahawa...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mahu sikit persoalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, sekejap. Undang-undang sedia ada dah cukup dah dan sebagai tambahan saya nak kata beginilah, segala masalah yang berlaku tentang *fake news* ini kita tak boleh selesaikan dengan masalah undang-undang sahaja. Dia ada juga perkara-perkara yang berkaitan dengan luar undang-undang. Saya katakan tadi penguatkuasaan, penyiasatan polis. Undang-undang jangan dilihat daripada sudut undang-undang sahaja, kita kena lihat daripada sudut yang holistik, yang lebih menyeluruh.

Sebenarnya nak bawa orang ke muka pengadilan, kita mesti ada satu penyiasatan yang canggih, yang kita boleh ambil cara-cara terbaharu dan terkini untuk memastikan penyiasatan kita ini berlaku dengan efektif, dengan berkesan.

Selalunya, berdasarkan pengalaman kami bawa kes-kes di mahkamah sebelum ini, kebanyakan kes di mahkamah kalau sekiranya berlakunya kes-kes kegagalan untuk mensabitkan orang-orang yang bersalah, antara puncanya ialah penyiasatan yang lemah. Kenapa penyiasatan yang lemah? Kerana contohnya pihak polis yang menyiasat itu atau pihak yang bertanggungjawab untuk menyiasat kadang-kadang siasatan mereka bersifat lemah kerana mereka tidak mempunyai alat-alat yang mungkin terkini atau tercanggih untuk menyiasat. Sebab itu saya menyokong sebarang usaha untuk *empower* pasukan polis menyiasat dengan lebih baik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebab itu, bagi saya, kalau kita ada *fake news* ini, ada *fake account* dan sebagainya, maka kita mesti memastikan *empowerment of* agensi penyiasatan ini supaya mereka boleh membuat satu siasatan dengan efektif dan cepat bagi memastikan mana-mana pihak yang bertanggungjawab dapat diambil tindakan dengan segera dan dengan berkesan. Itu yang saya katakan tadi undang-undang tak semestinya boleh menyelesaikan semua masalah. Undang-undang ini sebagai mungkin langkah terakhir untuk selesaikan masalah. Jadi saya harap perkara ini dapat difahami oleh mana-mana pihak dalam menyelesaikan masalah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya boleh bagi yang *last* untuk ini?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sekejap, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: *Last.* Yang terakhir ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, *last.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri memberi hujah bahawa kita sudah ada akta-akta yang lain. Sedarkah kita dalam satu kes jenayah pecah amanah, disebut dengan jelas dalam Kanun Keseksaan, seksyen 405 hingga 409B, selepas itu dibuat lagi satu akta baharu, Akta Syarikat 1965, disebut juga berkaitan dengan pecah amanah. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa kita tidak perlu lagi Akta Syarikat ini untuk kita membubarkan kerana sudah ada Kanun Keseksaan?

Saya melihat, walaupun ada akta yang sama tetapi roh yang sebenarnya ialah untuk kita menjadi pengukuh di antara akta-akta yang ada termasuklah Akta Antiberita Tidak Benar ini sebagai pengukuh kepada akta-akta yang ada sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat dari Sik. Yang Berhormat Sik, saya nak beritahu beginilah. Pertamanya, Akta Syarikat ini bukan akta baharu. Akta Syarikat ini memang dah ada dah, dia tahun 1965. Cuma baru-baru ini, untuk makluman Yang Berhormat Sik, dipinda di sini, kita *revamp* semua. Akta Syarikat ini, Yang Berhormat Sik, sebenarnya bukan sangat berkaitan dengan jenayah. Dia lebih kepada tentang *company*, tentang syarikat. Sedangkan *Penal Code* ini satu akta jenayah.

Untuk makluman, kita tak boleh buat...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Minta maaf, Yang Berhormat Sik, sekejap. Yang Berhormat Sik buat perbandingan Akta Syarikat dengan Akta...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Dalam seksyen 305 dijelaskan berkaitan dengan pecah amanah— sama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Jenayah yang sama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tahu. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Sik, bila kita nak banding ini, kena banding betul-betul. Dalam istilahnya dia kata jangan *qias ma'al fariq*, dia panggil. Sebab orang agama, saya guna *qias ma'al fariq* ini. *[Disampuk]* Tak apalah, takkan lah bahasa Arab tak faham lagi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Nanti ajar dialah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya yang terakhir tadi daripada Yang Berhormat Sik. Yang Berhormat Sik, sebenarnya undang-undang yang berkaitan dengan *fake news* ini yang saya sebut tadi Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Kanun Keseksaan ini semua adalah akta-akta yang bersifat *penal in nature*, maknanya akta-akta jenayah. Dia dah cukup dah untuk nak bentang jenayah *fake news* ini.

Sedangkan tadi tentang berkaitan dengan Akta Syarikat dan sebagainya, ini tak boleh kita nak samakan. Sebab itu saya katakan tadi *qias ma'al fariq*, kita buat perbandingan yang tak betul, ideologi yang tak betul. Jadi saya harap kena faham dulu sebelum cakap undang-undang ini. Jangan main cakap sahaja. Jangan setakat nak bangun nanti nak masuk FB siaran langsung, muka kita ada. Bukan. Kita bercakap kerana kita nak membantu dapatkan satu...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri ini selalu sangat dia bersangka jahat kepada orang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Penyelesaian yang terbaik. Sekian, terima kasih. Itu sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Takut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Pengangkutan (Tuan Loke Siew Fook) dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PEMBUBARAN) 2018**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.09 ptg.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 714] untuk membubarkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakkan hartanya pada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan pada 23 Mei 2018 yang lalu telah memutuskan supaya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dibubarkan dan fungsinya diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan (MOT). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil keputusan ini antara lain bertujuan untuk menambah baik aspek pengurusan dan perbelanjaan kewangan kerajaan selain daripada bagi memastikan keberkesanan dan keseragaman aspek perancangan dasar dan pembangunan pengangkutan awam darat di seluruh negara.

■1710

Kerajaan mendapati bahawa fungsi yang dilaksanakan oleh SPAD pada masa ini boleh dilaksanakan oleh satu jabatan kerajaan sahaja tanpa perlu diperbadankan. Apabila satu agensi itu diperbadankan, didapati kos mengoperasinya akan menjadi lebih tinggi berbanding satu jabatan kerajaan yang mempunyai saiz perjawatan yang sama terutamanya melibatkan perbelanjaan emolumen atau gaji pegawai dalam badan berkanun berkenaan. Selain itu pemusatan semua agensi yang terlibat dalam aspek perancangan, pembangunan dan penguatkuasaan berkaitan pengangkutan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan didapati akan dapat menambah baik aspek keberkesanan, *inclusivity* dan koordinasi pembangunan dan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang dirancang.

Bagi melaksanakan arahan dan keputusan kerajaan ini, Kementerian Pengangkutan telah meneliti perundangan-perundangan yang terlibat dalam mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018 untuk perbahasan dan pembentangan dalam Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memansuhkan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu Akta 714 seterusnya akan membubarkan SPAD. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 714 ini telah berkuat kuasa mulai Jun 2010 dan merupakan punca kuasa kepada penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Dalam hubungan ini SPAD pula telah mula beroperasi sepenuhnya pada 31 Januari 2011.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018 ini mengandungi sembilan fasal utama dan saya ringkas seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menerangkan beberapa takrifan yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 memasukkan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan seterusnya membubarkan SPAD.

Fasal 4 menerangkan mengenai perpindahan dan pengambilalihan semua kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi SPAD oleh kerajaan sebaik sahaja pembubaran SPAD.

Fasal 5 menerangkan mengenai perpindahan sebarang baki wang yang ada dalam Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat kepada kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Fasal 6 menerangkan bahawa sebarang perjanjian, surat ikatan dokumen dan surat cara akan terus berkuat kuasa selepas tarikh pembubaran SPAD. Kerajaan akan menjadi penama menggantikan SPAD dalam semua perjanjian surat ikatan dokumen dan surat cara yang terlibat.

Fasal 7 menerangkan bahawa sebarang prosiding atau kuasa tindakan yang telah wujud dan belum selesai ke atas SPAD akan diteruskan dan dimulakan dan diambil alih oleh kerajaan.

Fasal 8 menerangkan bahawa segala undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari akan terus berkuat kuasa selepas daripada pembubaran SPAD

sehingga mana-mana undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari itu dipinda atau dibatalkan.

Fasal 9 menerangkan mengenai kuasa kepada Menteri untuk menetapkan suatu tarikh peletakhakkan dan pada tarikh itu semua hak, harta, kepentingan, obligasi dan liabiliti SPAD akan dipindahkan dan diletakkan hak ke atas kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) untuk membubarkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk mengadakan peruntukan bagi peletakan hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Yang Berhormat Jeli.

5.14 ptg.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, seperti kita sedia maklum, tujuan ditubuhkan SPAD pada tahun 2010 ialah untuk memberi fokus kepada hal-hal berkaitan dengan pengangkutan awam khususnya berkaitan dengan dasar. SPAD, kita ucap tahniah kepada SPAD, 10 tahun, lapan tahun ditubuhkan telah berjaya untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, *public transport*, *share* telah meningkat dari satu angka yang kecil sekarang ini meningkat, *alhamdulillah*. Kita juga ucap tahniah kerana beberapa pendekatan baru telah diperkenalkan termasuklah RapidKL dan Rapid Kuantan dan lain-lain dan juga bagi luar bandar myBAS satu program yang cukup yang dihargai oleh masyarakat. Apa yang penting *of course* ialah *result*. Kita daripada segi rakyat yang penting *result*. Rakyat ingin melihat satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan mampu dibayar oleh mereka.

Kita sedia maklum bahawa tujuan dimansuhkan SPAD ini ialah untuk mengelakkan pertindihan. Kita menghargai ataupun mengakui keputusan tersebut. Cumanya Yang Berhormat Menteri sedia maklum pada peringkat awal ada kebimbangan apabila berlakunya pegawai-pegawai sama ada ditamatkan kontrak ataupun dipindah ke tempat lain. Adanya kebimbangan tentang masa depan mereka.

Jadi saya tahu bahawa mereka telah diberi jaminan. Saya difahamkan bahawa kebimbangan ini masih ada. Oleh itu saya harap *engagement* akan terus dibuat untuk memastikan bahawa segala kebimbangan tentang masa depan mereka dan keluarga mereka akan dapat ditangani. Kita tahu bahawa ada kira-kira 1,000 pegawai, setengah pergi di JPJ dan tempat lain. Akan tetapi mungkin ada sebahagian kecil atau sebahagian daripada mereka masih kurang pasti tentang masa depan mereka. Itu yang pertama.

Keduanya, kita hendak tahu hala tuju tentang dasar subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Beberapa kadar tambang yang dikenakan adalah berasaskan kepada subsidi oleh kerajaan dan kita tahu melibatkan kos yang tinggi dan mungkin amat tinggi, Rapid Kuantan, Rapid Penang, Rapid KL, myBAS dan MRT melibatkan subsidi. Jadi kita hendak tahu yang pertama berapakah jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Ini merupakan salah satu daripada dasar utama kerajaan Barisan Nasional iaitu untuk membantu rakyat, menggalakkan mereka menggunakan pengangkutan awam, hendak tahu berapa subsidi yang diberikan, jumlah kesemuanya sekali. Sama ada kementerian akan diberikan peruntukan secukupnya untuk pastikan subsidi ini akan berterusan. Kalau tidak ia akan membebankan rakyat dan juga mungkin akan mengurangkan penggunaan pengangkutan awam. Itu mengenai dasar subsidi.

Seterusnya berkaitan dengan *enforcement*. Satu perkara yang amat penting. Kita sedia maklum bahawa pengusaha-pengusaha teksi yang lama ini, sekarang kita ada Grab, Ride Sharing, *e-hailing* dan lain-lain tetapi kita hendak tahu apa kedudukan kontroversi yang ditimbulkan oleh pemandu-pemandu kereta sewa lama ini yang 30 tahun, 40 tahun umurnya sudah 60 tahun sesetengah pemandu kereta sewa. Satu masa mereka menimbulkan banyak masalah kerana satu masa dengan izin tidak ada *level playing field* yang Grab ini pada satu masa tidak dikenakan sebarang penguatkuasaan.

Hari ini diberikan tempoh *transition*. Jadi, saya hendak tahu sama ada isu-isu yang dibangkitkan dalam pemandu kereta konvensional ini, kereta sewa sudah pun ditangani dan sama ada *migration* mereka daripada lama ke baru ini, dasar kerajaan dulu dan juga sekarang ialah untuk menggalakkan mereka *migrate* daripada lama ke baru ini sama ada dasar ini sedang berjalan dan setakat mana ia akan berkesan.

Akhir sekali berkaitan dengan dasar *public transport* di Kuala Lumpur ini dengan tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan yang sudah pun dibangkitkan di Dewan ini di mana beberapa projek sama ada ditangguhkan ataupun dikecilkan skopnya. Sama ada ini semua akan memberi kesan kepada dasar pengangkutan awam.

Semua negara di dunia khususnya bandar-bandar utama mempunyai dasar untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Saya hendak tahu sama dengan langkah-langkah untuk mengurangkan skop dan membatalkan projek tertentu, adakah ini akan meningkatkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dan menjadikan Kuala Lumpur satu bandar yang kurang menarik bagi penduduknya, Lembah Klang dan juga pelabur-pelabur. Kalau ini berlaku sudah pasti menjejaskan imej dan reputasi kita.

Jadi saya berharap kerajaan ini akan memberi penjelasan tentang dasarnya berkaitan dengan pengangkutan awam khususnya untuk meningkatkan peratusan penumpang ataupun masyarakat yang menggunakan pengangkutan awam sebagai kaedah untuk bergerak atau pergi tempat kerja dan mengurangkan penggunaan kereta-kereta persendirian ya.

Kita tidak mahu kereta persendirian digunakan semakin bertambah dan menyebabkan kesesakan lalu lintas menyebabkan *carbon emission, pollution* dan lain-lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap kebimbangan yang disuarakan oleh sebahagian staf lama SPAD akan terus ditangani bagi menjamin masa depan mereka dan kita harap kerajaan akan satu hala tuju yang jelas tentang masa depan pengangkutan awam dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1720

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Untuk tujuan pengurusan masa, saya ingin diberi sedikit maklumat dan siapakah yang akan berhujah?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Enam orang pembahas. Jadi kita hadkan 10 minit seorang seperti biasa. Terima kasih. Lima minit?, 10 minit. Kurangkan lima minit lagi bagus.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Lima minit cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Seorang Ahli: Tiga minit. Tiga minit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya ingat yang pertama sekali bangun tadi ialah...Tidak. Tidak.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kemaman. Silakan. Yang Berhormat Setiu dahulu, saya nampak Yang Berhormat Setiu tadi. Silakan, saya bagi dekat kawan ini. Silakan.

5.21 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya diberi kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang pemansuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan pada 3 Jun 2010 di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan beberapa perkara iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ini walaupun kita tidak menafikan peranan yang telah dimainkan, yang telah dijalankan oleh SPAD sepanjang penubuhannya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab berhubung dengan pengangkutan awam di negara kita ini.

Cuma beberapa perkara dalam masa yang ringkas ini iaitu dari segi pertindihan kuasa yang berlaku di antara agensi-agensi yang ada di negara kita ini melibatkan pengangkutan awam. Di mana SPAD dilihat telah mengambil alih kuasa daripada Kementerian Pengangkutan dan mengumpulkan kuasa-kuasa berkenaan dengan pengangkutan awam di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ini bukan satu trend yang sihat dan sangat wajar dihentikan untuk melihat, bagi melihat kepada banyaknya agensi-agensi yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri ini tidak perlu mengawal isu-isu yang seumpama ini khususnya melibatkan pengangkutan awam. Oleh itulah tujuan penyelarasan seharusnya diletakkan kembali di bawah Kementerian Pengangkutan dan diselaraskan dengan model pengangkutan yang lain dan bukannya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan ia tidak perlu begitu banyak kementerian yang terlibat di bawah pengurusan Sistem Pengangkutan Awam Darat jika akhirnya taraf pengangkutan awam yang ada ini masih tidak berubah secara signifikan.

Apa yang berlaku daripada Persatuan Pengguna Pengangkutan Awam juga pernah menyuarakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini supaya mempertimbangkan bagi meletakkan semula Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini di bawah Kementerian Pengangkutan dan pernah dicadangkan oleh beberapa persatuan supaya ia diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan SPAD ia boleh mengurangkan kos dan memastikan tiadanya pertindihan tugas dengan jabatan lain terutama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dari segi penguatkuasaan serta pengeluaran lesen dan permit. Oleh itu, permohonan dan pembayaran lesen serta

permit sama ada melibatkan kenderaan perdagangan dan swasta boleh dikendalikan oleh JPJ sepenuhnya.

Pernah apa yang berlaku kemalangan melibatkan beberapa kemalangan mutakhir ini kita melihat laporan-laporan banyak di antara agensi masing-masing menuding jari menyatakan agensi ini, agensi ini yang terlibat. Umpamanya seperti laporan panel nahas Genting melibatkan bas yang mendapati berlakunya kelemahan satu laporan yang diberitahu mendapati berlakunya kelemahan komunikasi dan juga melibatkan koordinasi di antara agensi-agensi utama yang terlibat terutama di antaranya adalah melibatkan SPAD dan juga JPJ.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya apabila banyaknya agensi-agensi penguat kuasa ini akan berlaku kecuaiian dan pertindihan fungsi, tanggungjawab di antara agensi-agensi yang terlibat itu. Dalam masa yang sama oleh itulah saya bersetuju dan menyokong supaya ia dimansuhkan SPAD ini tetapi dalam masa yang sama saya mengharapkan supaya kita mengambil kira bagaimana petugas ataupun pekerja-pekerja yang terlibat dalam Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini supaya tidak diabaikan kebajikan mereka.

Oleh itulah harapan saya pihak kerajaan janganlah sekali-kali mengabaikan kebajikan pekerja ini dan hendaklah diletakkan posisi yang bertepatan fungsi kerja mereka dan jauh sekali untuk menghentikan pekerja-pekerja ini. Saya telah mendengar, melihat kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang memberi jaminan bahawa kakitangan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini tidak akan diberhentikan malah kita harapkan supaya dapat mengisi kekosongan yang difahamkan ada 1,000 kekosongan perjawatan dalam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan melibatkan kakitangan SPAD ini seramai 800 orang.

Oleh itu, saya mengharapkan pekerja-pekerja tidak diabaikan kebajikan mereka walaupun usaha untuk mempertingkatkan pengurusan pengangkutan awam di negara kita ini *insya-Allah* saya mengharapkan benda-benda yang seumpama ini jangan kita mengambil pandang rendah supaya rakyat, kakitangan yang terlibat dapat meneruskan kerja dan dalam masa yang sama kebajikan mereka dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh pihak kerajaan. Oleh itu, saya menyokong rang undang-undang pemansuhan SPAD ini untuk dimansuhkan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, Setiu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah.

5.27 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018.

Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum sejak SPAD ini, suruhanjaya ini diperkenalkan lebih kurang lapan tahun yang dahulu ia telah menyebabkan pertindihan ataupun seolah-olah ia telah mengambil alih tugas daripada Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan baru Pakatan Harapan yang telah berjaya melakukan satu lagi *institutional reform* di mana kita bubarkan SPAD, kembalikan kuasa untuk menguruskan sektor pengangkutan kepada Kementerian Pengangkutan. [*Tepuk*] Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Jemaah Menteri Pakatan Harapan.

Sesungguhnya seperti mana yang dikatakan oleh rakan daripada Yang Berhormat Kemaman tadi biarlah urusan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengangkutan tidak perlu kita hendak melibatkan banyak kementerian. Biarlah ia diseragamkan, diselaraskan dan dikendalikan supaya tidak wujud pertindihan. Biar Kementerian Pengangkutan sendiri yang uruskannya supaya tidak berlaku pembaziran, ketirisan dan penyelewengan. Oleh sebab itu, kalau banyak sangat saya cukup percaya dengan pembubaran SPAD ini ia juga akan mengurangkan kos pengurusan dan sebagainya tanpa menjejaskan periuk nasi dan juga peluang pekerjaan untuk semua anggota dan kakitangan SPAD. Jadi, ini merupakan satu yang sangat-sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara berkenaan dengan pembubaran SPAD ini tidak diuar-uarkan ketika kempen PRU tetapi ia menunjukkan komitmen daripada Pakatan Harapan untuk memastikan bahawa walaupun ia bukan janji 100 hari tetapi kami melakukannya demi kebaikan dan kepentingan sektor pengangkutan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya cukup percaya dan saya harap rakan-rakan daripada kedua-dua belah supaya menyokong kepada rang undang-undang ini di mana kita percaya dengan pembubaran SPAD ini ia akan membolehkan sektor pengangkutan terutamanya pengangkutan awam darat yang sebelum ini timbul banyak masalah.

Masalah timbul disebabkan oleh bidang kuasa yang bertindih. Bidang kuasa yang bertindih akan menyebabkan agensi-agensi yang terbabit mengambil peluang

apabila berlaku sesuatu perkara, sesuatu insiden ataupun sesuatu perkara yang besar seperti kemalangan yang besar yang serius berlaku masing-masing menuding jari ke arah satu sama lain dan hari ini biarlah JPJ di bawah kementerian yang bertanggungjawab supaya tidak berlaku penyelewengan dan juga pembaziran.

■1730

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rasah, minta laluan. Yang Berhormat Rasah, minta laluan. Sikit sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua. Tinggal satu minit sahaja.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hendak sokong, hendak sokong ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hendak sokong, hendak sokong.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Taktik lama.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Juga kementerian boleh mengkaji semula seksyen 7 dan 8 di bawah rang undang-undang ini yang berkaitan dengan penerusan prosiding dan juga penerusan undang-undang. Sekiranya kedua-dua seksyen ini iaitu seksyen 7 dan seksyen 8 ini masih mengamalkan mekanisme daripada rejim yang lepas, saya rasa sudah tiba masanya dan saat ketikanya untuk kita kaji semula supaya prosiding yang lebih adil dan juga pelaksanaan undang-undang yang lebih adil untuk semua rakyat sebab pengangkutan ini sangat penting, semua di kalangan kita terlibat. Dia bukan setakat pengusaha pengangkutan darat sahaja, tetapi semua rakyat Malaysia akan terlibat. Saya berharap dengan adanya rang undang-undang baru untuk pembubaran SPAD ini akan membawa satu dimensi baru kepada pengangkutan awam di Malaysia. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Setiu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey saya jemput Yang Berhormat Setiu.

5.31 mlm.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan tentang rungutan dan aduan daripada penumpang dan juga pemandu bas daripada Pantai Timur khususnya Terengganu, di mana saya pohon supaya kementerian mengkaji balik peraturan penumpang hanya boleh di TBS ataupun Terminal Bersepadu Selatan dan naik bas pun di TBS. Tidak boleh turun di *area* lain di mana peraturan ini menyusahkan penumpang khususnya penumpang yang uzur, terpaksa pergi ke TBS dan terpaksa naik LRT pula dan kadang-kadang memakan masa yang lama. Sepatutnya boleh sampai awal di tempat yang dia tuju, tetapi sampai lewat disebabkan terpaksa naik dua hingga tiga kenderaan lagi sebelum sampai ke tempat yang dia tuju.

Kedua, keluhan juga daripada *driver*, pemandu yang merungut kerana mereka sering bertelingkah dan berkelahi dengan penumpang. Kalaulah mereka turunkan bukan di TBS, kalaulah sekiranya SPAD buat rondaan, kemungkinan besar mereka disaman. Pihak yang kena bayar samannya ialah pemandu. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan baharu supaya meneliti balik peraturan ini dan menyediakan satu lokasi baru khususnya untuk penumpang daripada Pantai Timur untuk mereka turun dan mereka naik sebagai lokasi sementara sebelum siapnya Terminal Bas Pantai Timur yang sedang dilaksanakan, sedang dibina di Taman Melati.

Ketiganya, berkait dengan pengangkutan awam darat di Terengganu yang masih lagi ketinggalan. Bas itu kadang-kadang dua jam baru sampai untuk pergi ke Besut dan seumpamanya. Tidak banyak syarikat bas berbanding dengan Kelantan, banyak bas dan bas pun cantik, ada dengan *aircond*. Terengganu, kadang-kadang bas pun tidak secantik Kelantan. Jadi, sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Selepas ini Yang Berhormat Dungun.

5.34 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membazir. Saya tidak akan membazirkan masa. Saya menyokong inisiatif yang diambil oleh Menteri dan kementerian serta Kerajaan Pakatan Harapan untuk membubarkan SPAD ini dan mengusulkan pemansuhan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran).

Saya hanya menarik perhatian Yang Berhormat di sini bahawa saya ingin menyarankan supaya kita memberi perhatian kepada keselamatan penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres terutamanya di mana kita lihat banyak sangat kemalangan yang berlaku sejak kebelakangan ini melibatkan bas ekspres. Kebanyakan daripada kemalangan-kemalangan ini adalah saya gunakan istilah yang mengerikan, di mana kita lihat penumpang-penumpang mengalami kecederaan-kecederaan yang begitu serius.

Sering kali kita lihat terdapat juga aduan bahawa pemandu-pemandu bas ini adalah pemandu-pemandu yang mempunyai sabitan-sabitan lampau. Kebanyakan mereka apabila diuji untuk ujian saringan air kencing, didapati positif dadah. Jadi, saya menyarankan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga anggota-anggota yang sedia ada mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk memastikan keselamatan penumpang-penumpang yang menggunakan bas ekspres sentiasa terjamin.

Saya di sini terpanggil untuk menyatakan bahawa kita lihat di bawah pentadbiran kerajaan yang dahulu, perkara ini tidak diberi perhatian yang serius walaupun sering kali berlakunya kemalangan terutamanya di kawasan Tanjong Malim, Ipoh, Perak dan sebagainya. Ada juga kadangkala kemalangan-kemalangan ini menyebabkan bas tersebut terjunam ke gaung di persekitaran kawasan Ipoh. Jadi, saya di sini hanya ingin memohon supaya keselamatan pengguna-pengguna bas ekspres diberi perhatian. Kita juga harus melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan bahawa pemandu-pemandu bas yang baru ataupun yang sedang berkhidmat dengan syarikat-syarikat bas ekspres ini menjalani pemeriksaan-pemeriksaan kesihatan yang begitu ketat sebelum mereka boleh dibenarkan untuk memandu bas.

Saya juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu lagi faktor, di mana pemandu bas itu dibayar berdasarkan kepada kekerapan beliau membuat sesuatu trip. Ini di mana mereka tidak dibayar gaji, hanya dibayar mengikut kekerapan trip yang dihantar. Umpamanya kalau saya adalah seorang pemandu bas dari Pulau Pinang ke Kedah ataupun— Maafkan saya, Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, kalau saya dapat membuat sesuatu trip dengan izin, perjalanan dengan begitu kerap sekali, saya akan dibayar. Jadi, ini juga mengundang kepada berlakunya kemalangan di atas jalan raya. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang ingin saya bahaskan.

Sekali lagi saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan saya berharap Menteri yang berkenaan akan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berbangkit. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dungun, selepas ini Yang Berhormat Pontian. Sila.

5.38 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahas Akta 714, pemansuhan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan juga pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Ketika diberi kuasa kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat pada tahun 2010 kelulusan di Parlimen, kemudian penubuhan SPAD dalam bulan Jun 2010, kemudian kuasa penuh diberi setelah digazetkan 31 Januari 2011. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan masih beroperasi di Sabah dan Sarawak. Jadi, SPAD ini khusus untuk Semenanjung.

Soalnya apabila tugas SPAD digabungkan iaitu melibatkan LPKP, Jabatan Keretapi, (*Department of Railways*) dan lesen kenderaan pelancongan yang waktu itu di bawah Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, juga digabungkan di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD ini. Jadi, adakah apa yang diputuskan dalam cadangan Akta 714 pemansuhan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan juga pembubaran suruhanjaya itu sendiri, bagaimana bidang kuasa di Sabah dan Sarawak yang melibatkan LPKP adalah juga akan menjadi suatu yang masih lagi beroperasi seperti biasa. Oleh itu, adakah dengan sebab bila kita sudah mansuhkan SPAD ini yang akan berlakunya bagaimana dengan pelesenan kenderaan perdagangan, pelesenan kenderaan pelancongan dan pelesenan Jabatan Keretapi (*Department of Railways*).

■1740

Jadi, itu perlu kepada penyelesaian apabila kita melihat kepada pemansuhan akta ini dan juga pemansuhan suruhanjaya itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama apabila kita bincang tentang pengangkutan awam ialah menjadikan pengangkutan awam itu pilihan utama rakyat yang melibatkan tren, bas, teksi, pelancongan, lori dan lain-lain. Jadi kerajaan menentukan dasar, ada agensi pelaksanaannya yang sekarang akan dikembalikan kepada kerajaan daripada SPAD dan mungkin akan ditubuhkan akademi. Jadi adakah apabila sampai kepada

rakyat, agensi yang disebut dengan agensi pengangkutan awam darat itu sebagai agensi pelaksana kepada kerajaan.

Kemudian, rakyat. Apabila mereka menerima perkhidmatan, mereka ingin untuk pastikan bahawa kriteria-kriteria pemilihan yang dilakukan itu selamat iaitu penggunaan pengangkutan awam darat, kebergantungan mereka kepada perkhidmatan, kemudian pertanggungjawaban terhadap yang melibatkan pengangkutan awam darat, kemudahan, cekap, terurus dan teratur, bersepadu, harga patut, ketahanan yang membawa kepada *economy growth* dengan izin, dan juga *quality of life*.

Oleh itu, pemansuhan pengurusan akta dan juga operasi SPAD yang akan diletakkan di bawah satu agensi lain, kita juga mesti melihat kepada permasalahan pengangkutan awam yang sedia ada. Walaupun kita pindahkan agensi, kita mansuhkan agensi dan selepas itu kita mansuhkan akta, tetapi isu lama yang masih sedia ada akan tetap dibawa ke dalam melibatkan agensi baru ini.

Pertama, isu kemalangan yang membabitkan bas. Bas sekolah, bas pelancongan dan bas pekerja. Oleh kerana pengangkutan awam utama kepada rakyat adalah bas, oleh itu bagi menjamin keselamatan pengguna, maka keperluan kepada ciri-ciri keselamatan bas perlu dipertingkatkan. Penyelenggaraan mesti cermat dan diperhalusi yang melibatkan juga kriteria pemilihan pemandu-pemandu juga mesti diperketat dengan ciri-ciri yang boleh menjamin keselamatan penumpang. Pengusaha-pengusaha perkhidmatan bas juga mesti dirujuk untuk kepentingan pengguna perkhidmatan dan juga kepentingan pemandu.

Penting juga untuk saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu berkait dengan kemalangan jalan raya yang dibuat kajian iaitu yang melibatkan penunggang atau pembonceng motosikal, pejalan kaki, penunggang basikal, pemandu kereta atau penumpang, pemandu bas atau penumpang, pemandu lori atau kelindan, pemandu pacuan empat roda atau penumpang, pemandu lain-lain kenderaan atau penumpang iaitu dicari punca-punca kemalangan dan diselesaikan walaupun berlaku pemansuhan akta yang kita kemukakan ini iaitu pemansuhan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan juga yang melibatkan bidang kuasanya dan suruhanjaya itu sendiri. Maka, saya pohon supaya diadakan satu daripada kajian yang sangat menyeluruh. Walaupun kita berpindah agensi, tetapi pastikan ini dapat kita selesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Sila.

5.44 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPAD kita tukar kepada APAD, 'S' bertukar kepada 'A'. Tadi telah dibentang oleh Yang Berhormat Menteri antara sebabnya adalah kerana untuk mengurangkan kos. Saya ingin bertanya, berapa kos yang dikurangkan dari segi anggaran tahunan apabila SPAD ini dibubarkan dan digantikan dengan APAD? Kedua, Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa untuk keberkesanan. Oleh kerana itu saya ingin bertanya, apakah contoh-contoh ketidakberkesanan SPAD sebelum ini yang menyebabkan ia boleh ditukar kepada APAD?

Seperkara lagi saya ingin mengetahui, apa lagi kebaikan-kebaikan? Boleh bagi lagi lima selain daripada kos dan keberkesanan. Tentu ada staf SPAD yang diberhentikan. Saya nak tahu, berapa ramai yang diberhentikan dan berapa ramai yang diserap? Adakah diserap kesemuanya ataupun perlu ada dibuat pembayaran-pembayaran tertentu sebagai ganti rugi terhadap mana-mana staf SPAD atau bekas staf suruhanjaya itu? Berapakah nilai penggantian itu?

Perkara seterusnya yang saya ingin tanya ialah tentang pemberian permit-permit kenderaan perdagangan. Ada berapa kategori sekarang ini permit yang diberikan dan apakah SOP ataupun prosedur pemberian permit-permit itu? Setakat mana permit-permit itu akan terus diberikan?

Seperkara lagi ialah tentang penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan pengangkutan awam. Sebelum ini, SPAD yang meletakkan nombor telefon aduan. Ada nombor bebas tol yang diletakkan di kenderaan-kenderaan, di belakang lori, bas, bas kilang misalnya. Jadi, kita ingin meneruskan supaya nombor-nombor seumpama itu diteruskan supaya rakyat boleh membuat aduan dengan cepat.

Seperkara yang saya ingin nyatakan di sini ialah di dalam rang undang-undang ini ada tentang Jawatankuasa Rayuan. Apakah kes-kes rayuan yang boleh dibawa kepada jawatankuasa itu? Apa fungsi-fungsinya? Saya ingin tahu sedikit lebih lanjut tentang Jawatankuasa Rayuan yang diwujudkan. Seterusnya ialah apakah penambahbaikan dalam *roadmap* Kementerian Pengangkutan berhubung tentang bas,

kereta api, LRT, MRT yang boleh memberikan kebaikan kepada rakyat secara keseluruhan?

Akhir, saya ingin menyentuh nasib 67,000 pemandu teksi di luar sana yang mencari rezeki kadang-kadang sehingga 12 jam setiap hari. Saya ingin tahu, apakah penambahbaikan kepada 67,000 orang pemandu teksi di luar sana? Apa berlaku dengan Kad Bantuan Teksi 1Malaysia? RM53.6 juta diberikan dengan Kad Bantuan Teksi 1Malaysia ini. Ada di dalamnya RM800 tunai untuk membeli petrol, diesel dan juga gas. Ada elemen Kad Mesra Petronas di dalam kad itu. Ada pakej insurans kemalangan peribadi sebanyak RM50,000. Itu yang dibuat oleh kerajaan terdahulu.

Saya rasa perkara ini baik, saya harap ia akan diteruskan. Saya juga ingin mencadangkan supaya diteruskan 67,000 pemandu teksi dan kereta sewa ini automatik menerima BR1M. Ini adalah satu perkara yang baik yang telah dibuat dahulu. Perkara-perkara yang baik yang dibuat dahulu saya harap akan diteruskan oleh kerajaan sekarang. Dalam Bajet 2017 misalnya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM150 juta, geran RM5,000 kepada pemandu-pemandu teksi setelah selesai memajak. Mereka memiliki, mereka ingin membeli teksi yang baru, diberi geran sebanyak RM5,000 tunai. Saya harap perkara ini diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan demi kebajikan 67,000 pemandu teksi di luar sana.

Akhirnya, *e-hailing*. Ini adalah satu usaha kerajaan terdahulu untuk membantu dan saya harap kursus-kursus, seminar-seminar *e-hailing* ini perlu dibuat kepada pemandu teksi supaya mereka boleh berhadapan dengan cabaran-cabaran terbaru terutamanya dengan cabaran Grab, Uber yang begitu hebat sekarang ini. Saya harap kebajikan pemandu teksi, pemandu bas, kereta api, LRT, MRT akan terus dipertingkatkan. Terima kasih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Baiklah. Maka, tamatlah perbahasan di peringkat dasar. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

5.49 ptg.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada tujuh orang Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Rata-ratanya saya melihat bahawa ramai yang mengambil bahagian dalam perbahasan tadi tidak ada

halangan untuk kita memansuhkan SPAD dan menyokong rang undang-undang ini. Memang seperti yang kita telah katakan bahawa pemansuhan rang undang-undang ini, pemansuhan SPAD ini ialah bertujuan untuk kita memastikan tidak ada pertindihan kuasa di antara pihak SPAD dengan Kementerian Pengangkutan. Sebelum ini SPAD diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

■1750

Akan tetapi selaras dengan dasar kerajaan baharu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin memperkasakan peranan kementerian masing-masing maka tugas ataupun agensi-agensi yang terlibat dengan kuasa ataupun dengan bidang kementerian masing-masing diletakkan balik kepada kementerian masing-masing. Contoh yang paling baik ialah SPAD ini yang berkenaan dengan pengangkutan awam darat. Sebelum ini di bawah JPM, sekarang ini diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi ini sudah tentunya akan memudahkan lagi seluruh perancangan dan juga kerja-kerja untuk kita terus mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam darat. Semuanya usaha itu akan diselaraskan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Banyak yang dibahaskan tadi ialah berkenaan dengan nasib ataupun hala tuju pekerja-pekerja, staf-staf SPAD saya memberikan kepastian dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan memangsakan pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan SPAD. Kebajikan mereka tetap akan dijaga dan mereka akan diberikan keutamaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya Yang Berhormat Jeli yang telah pun memulakan perbahasan tadi bahawa apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan, pemansuhan SPAD ini dikuatkuasakan maka terdapat 999 kakitangan di bawah SPAD.

Saya nak memberikan sedikit maklumat dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada dua pihak yang melantik kakitangan-kakitangan ini yang pertamanya daripada SPAD sendiri di mana telah melantik seramai 363 kakitangan awam tetap dan 42 kakitangan kontrak, berjumlah 409. Selebihnya ada 590 kakitangan yang telah pun dilantik di bawah sebuah anak syarikat SPAD iaitu SPADPRO Berhad yang telah mengambil kakitangan tersebut di mana terdapat 564 kakitangan tetap dan 26 kakitangan kontrak.

Memandangkan bahawa pekerja-pekerja ini ataupun kakitangan ini telah pun diambil sebagai pekerja-pekerja di bawah Akta Syarikat, maka pekerja-pekerja SPAD ini akan ditamatkan perkhidmatan mereka berdasarkan peraturan-peraturan berkaitan

dengan pembubaran agensi awam dan syarikat iaitu berkenaan dengan Akta Pencen, pihak berkuasa berkanun, Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan juga Akta Pekerjaan.

Maksudnya kalau sesiapa itu diberhentikan mereka juga akan diberikan pampasan pemberhentian kerja. Ini memang telah kita pun telah merancang kalau mereka ini kita perlu diberikan kos ataupun faedah pampasan. Namun begitu, mereka ini juga akan diserapkan dalam kebanyakannya dalam JPJ. Akan tetapi bukan semua kakitangan itu adalah kakitangan penguatkuasaan. JPJ kita memerlukan kebanyakannya ialah penguatkuasaan maka sesiapa yang terlibat dengan penguatkuasaan dalam SPAD itu mereka akan diserapkan dengan JPJ tertakluk kepada kelayakan mereka kerana apabila kita diserapkan ke dalam JPJ mereka dianggap sebagai kakitangan awam.

Maka kakitangan awam ini kita perlulah mengambil mereka berdasarkan syarat-syarat pengambilan kakitangan awam. Jadi dasarnya ialah apabila mereka diberhentikan mereka akan diberikan pampasan pemberhentian kerja dan kebanyakan daripada mereka itu akan diserapkan dalam Kementerian Pengangkutan terutamanya dalam JPJ. Pada waktu ini kita tidak dapat memastikan bahawa berapa yang akan diserapkan dan berapa yang akan diberhentikan tetapi kebanyakannya kita akan mengambil alih dalam JPJ.

Berkenaan dengan hala tuju subsidi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli, saya nak mengatakan bahawa memang kita sedar bahawa pengangkutan awam darat ini memerlukan subsidi yang besar dan memang pada ketika ini juga setiap dua, tiga bulan Kementerian Kewangan ada menyalurkan peruntukan-peruntukan untuk meneruskan subsidi kepada perkhidmatan-perkhidmatan bas berhenti-henti ini, *interstage* bas ini dan memang ISDF ini diteruskan. Malah dalam beberapa hari ini Kementerian Kewangan akan melangsaikan bayaran-bayaran subsidi untuk dua suku pertama tahun ini.

Memang kita faham bahawa ada syarikat-syarikat bas yang mengalami kesusahan, yang mengalami masalah kerana belum dibayar subsidi-subsidi daripada pihak kerajaan, kita telah mengusahakan supaya subsidi ini dapat dijelaskan dalam masa terdekat supaya mereka dapat meneruskan perkhidmatan mereka. Namun begitu untuk keseluruhan tahun kita belum dapat memuktamadkan berapa jumlah subsidi yang diperlukan tetapi kita akan memberikan subsidi-subsidi ini terus kepada syarikat-

syarikat bas supaya syarikat-syarikat bas ini dapat terus memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai.

Berkenaan dengan hala tuju *migration* daripada teksi kepada *e-hailing*. Kereta-kereta sewa ini memang kita menggalakkanlah kereta-kereta sewa ini bukan saja menggunakan model lama mereka juga perlu mengambil kira *migration* kepada *e-hailing* dan memang dalam usaha ini Kementerian Pengangkutan akan terus memberikan sokongan supaya dapat membantu teksi-teksi tradisional ini dan kereta-kereta sewa ini untuk *migrate* kepada *e-hailing*. Dasar *public transport* di Kuala Lumpur memang walaupun kita mengurangkan ataupun membatalkan beberapa projek, tetapi secara dasarnya walaupun tanpa SPAD ini kerajaan akan terus memberikan penekanan dan kita akan terus menggalakkan penggunaan pengangkutan awam khususnya di Kuala Lumpur.

Kita sedang mengkaji untuk kita lihat bagaimana kita dapat menambah bilangan bas di Kuala Lumpur dan mungkin kita juga tidak akan mengambil kira pelaksanaan BRT di Kuala Lumpur ini. Maka semua projek-projek ini kita akan terus memberikan penekanan. Dasarnya ialah walaupun tanpa SPAD, fungsi SPAD itu akan diteruskan melalui APAD dan penekanan terhadap penggunaan pengangkutan awam darat ini akan terus diperkasakan terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di bandaraya-bandaraya yang lain. Kedua, yang berkenaan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Satu minit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rantau Panjang. Boleh Yang Berhormat Menteri? Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang program perkhidmatan bas terutama di kawasan bandar. Apa yang kita hadapi hari ini ialah masalah kerana ramainya pendatang asing terutamanya yang menggunakan pengangkutan awam dan kadang-kadang mereka lebih ramai daripada rakyat tempatan dari segi penggunaan kenderaan awam.

Jadi apa yang menjadi sungutan terutama di kalangan pengguna, mereka rasa keadaan kurang selamat dalam keadaan menghadapi suasana dan persaingan berebut dengan pendatang-pendatang asing. Jadi apakah ada mekanisme supaya bantuan nikmat subsidi yang diberi ini benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat kita sendiri yang dapat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam ini dengan selesa tanpa ada

rasa tidak selamat kerana dengan keadaan suasana yang begitu berebut dengan pendatang asing? Minta penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook: Kita faham Yang Berhormat tetapi kita tidak boleh mendiskriminasikan pekerja-pekerja asing ini kerana pekerja-pekerja asing ini mereka juga berada di dalam negara kita. Sebahagiannya adalah pekerja-pekerja asing yang dibenarkan bukannya semuanya tanpa izin. Kita tidak boleh mendiskriminasikan mereka dan kita faham bahawa mereka juga ada hak sebagai manusia, mereka juga perlu berulang alik ke tempat kerja mereka ataupun mereka pada hujung minggu mereka juga perlu ada masa untuk ke bandar-bandar dan sebagainya.

Jadi, memang dalam perkara ini kita faham bahawa ada rungutan dan juga kebimbangan daripada pihak orang ramai. Akan tetapi apa pun pengangkutan awam ini kita tidak boleh diskriminasi, kita tidak boleh pilih sesiapa bahawa hanya untuk orang tempatan sahaja. Berkenaan dengan bagaimana kita dapat memastikan keselamatan itu, memang kita perlulah bersama-sama dan kita melihat bahawa bukannya pekerja asing yang mengambil pengangkutan awam darat itu akan memberikan tekanan ataupun memberikan masalah keselamatan kepada orang tempatan kita. Jadi dalam perkara ini tidak ada jawapan mudah tetapi kita akan terus memantau supaya memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai akan dapat terus dijamin.

Yang Berhormat Kemaman saya rasa kebanyakan *point* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemaman telah pun saya jawab tadi, memang pekerja tidak diabaikan dan pengangkutan awam darat ini agensi-agensi ini akan diletakkan di bawah MOT. Untuk Yang Berhormat Rasah berkenaan dengan penyusunan semula SPAD dan berkenaan dengan seksyen 7 prosiding-prosiding yang sedia ada. Itu merujuk kepada kes-kes yang masih tertangguh di mahkamah, apa-apa kes yang didakwa ataupun telah dibawa ke mahkamah menggunakan Akta SPAD ini perlu diteruskan dan walaupun selepas dimansuhkan SPAD ini maka ini memberikan kuasa kepada kita untuk meneruskan prosiding-prosiding tersebut.

Akan tetapi saya telah meminta supaya SPAD apabila rang undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini dan seterusnya diluluskan di Dewan Negara, maka penguatkuasaan akan bertumpu di JPJ sahaja. Tidak lagi penguatkuasaan oleh SPAD maka Akta SPAD tidak lagi digunakan untuk kes-kes yang baharu yang akan dikuatkuasakan selepas ini.

■1800

Yang Berhormat Setiu dan juga Yang Berhormat Jelutong berkenaan dengan penumpang bas, perhentian bas, bas ekspres dan semuanya. Itu merupakan operasi-operasi dan juga isu-isu perkhidmatan bas. Walaupun tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang ini, tetapi kita akan mengambil perhatian kepada semua rungutan tadi. Memang kita tahu bahawa ada masalah-masalah kemudahan terutamanya daripada segi perhentian bas dan sebagainya. Memang itu satu bidang ataupun satu isu yang kita sedang lihat bagaimana kita dapat menambah baik dan juga meningkatkan kemudahan perhentian-perhentian bas.

Berkenaan dengan bas-bas ekspres, bagaimana kita mengurangkan kemalangan dan sebagainya, memang itu semua dalam radar kita. Memang kita akan terus memantau. Seperti yang saya katakan tadi, walaupun suruhanjaya itu tidak lagi ada, dimansuhkan tetapi kerja yang telah dimulakan ataupun perhatian kepada isu-isu keselamatan terutamanya bas ekspres dan sebagainya akan terus kita berikan penekanan yang cukup tinggi.

Yang Berhormat Dungun berkenaan dengan LPKP Sabah dan Sarawak. Saya hendak memberikan jawapan secara spesifik bahawa lepas SPAD ini dimansuhkan, LPKP Sabah dan Sarawak masih kekal ada. Ini kerana SPAD sebelum ini hanya berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia sahaja. Ia tidak melibatkan Sabah dan Sarawak. Maka walaupun SPAD ini dimansuhkan, LPKP Sabah dan Sarawak masih kekal kerana mereka ditadbir dalam akta yang berlainan.

Akan tetapi LPKP Sabah dan Sarawak ini sebelum ini, kedua-dua agensi ini juga di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua agensi ini juga telah pun diserapkan dalam Kementerian Pengangkutan supaya segala koordinasi, perancangan dasar dan sebagainya akan dapat kita selarikan dalam Kementerian Pengangkutan. Kita akan melihat bagaimana kita dapat membantu LPKP Sabah dan Sarawak supaya mereka juga memainkan peranan untuk meningkatkan pengangkutan awam darat di Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan pemansuhan SPAD— isu lama berkenaan dengan keselamatan jalan raya. Memang kajian itu akan kita adakan. Memang MIROS telah pun dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian terhadap keselamatan jalan raya. Memang keselamatan jalan raya antara agenda utama kita dalam Kementerian Pengangkutan. Kita akan terus memantau dan kita akan terus memberikan perhatian bagaimana kita dapat meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara kita.

Memang kita faham bahawa ini satu isu yang dekat kepada rakyat, memang banyak nyawa manusia terkorban di atas jalan raya di negara kita. Di antaranya ialah penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng motosikal adalah antara golongan yang paling ramai terkorban di atas jalan raya.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Pohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkitkan ini kerana baru dua hari lepas kita lihat berlaku satu lagi kemalangan yang melibatkan bas ekspres. Jadi ini memerlukan bukan sahaja satu kajian yang saya rasa dibawa daripada isu yang lama tetapi perlu pada penyelesaian kerana jumlah nyawa yang terlibat adalah sangat besar. Apatah lagi kalau di musim-musim perayaan dan kita ini banyak musim perayaan. Jadi, saya harap satu *solution*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dapat ditemui bukan sahaja kajian. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Saya akan mengambil maklum perkara tersebut. Seterusnya Yang Berhormat Pontian bertanyakan apakah selepas pertukaran daripada suruhanjaya kepada agensi, apakah perubahannya dan berapa kos yang dapat diijimatkan. Jumlah kos penjimatan yang kita anggarkan daripada aspek perbelanjaan mengurus ialah RM38.57 juta setahun, yang kita dapat jimatkan. Ini kerana daripada suruhanjaya kepada agensi, antara perkara yang paling asas yang kita telah jimatkan ialah kita tidak perlu ada lagi ahli-ahli suruhanjaya.

Ini kerana sebelum ini ada pengerusi suruhanjaya dan sebagainya, juga diberikan elaun yang besar. Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat juga diberikan satu elaun yang mencecah RM25,000 hingga RM30,000 setiap bulan. Itu yang telah pun kita mansuhkan. Apabila kita telah mengambil alih walaupun Pengerusi SPAD sebelum ini, Tan Sri Isa Samad telah pun meletakkan jawatan, walaupun SPAD ini belum dimansuhkan, tetapi Kerajaan Pakatan Harapan tidak melantik pengerusi baharu untuk menggantikan beliau kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Setahun boleh jimat berapa Yang Berhormat Menteri?

Tuan Loke Siew Fook: Keseluruhannya RM38.5 juta setahun, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita memansuhkan SPAD ini daripada segi aspek perbelanjaan mengurus sahaja kita dapat menjimatkan RM38.5 juta. Contoh ketidakberkesanan apabila kita ada SPAD, pelaksanaan dasar yang tidak selari dengan hala tuju sektor pengangkutan kerana ia tidak diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Itu adalah antara contoh dan memang kita ada banyak kebaikan.

Saya rasa, apabila kita letakkan agensi-agensi ini kita dapat selarikan, kita dapat selaraskan dan semua bidang kuasa itu diletakkan di bawah satu kementerian, maka kita akan dapat memastikan satu pelaksanaan dasar yang lebih selari, yang lebih *inclusive* dan kita memastikan supaya segala pelaksanaan dan perancangan dasar itu dapat kita laksanakan dengan lebih baik.

Berkenaan dengan jawatankuasa rayuan dan sebagainya, saya rasa itu adalah di bawah aturan undang-undang yang seterusnya, bukan di bawah rang undang-undang pemansuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya hendak mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan juga ucapan terima kasih kepada seluruh pengurusan SPAD dan juga kakitangan-kakitangan SPAD yang telah pun berkhidmat kepada SPAD selama ini.

Walaupun hari ini kita terpaksa meluluskan rang undang-undang ini untuk memansuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat tetapi khidmat mereka dan juga pengorbanan mereka tidak dilupakan. Kita memberikan kredit kepada mereka kerana telah pun dapat menambah baik sektor pengangkutan awam darat dalam negara kita. Maka kita akan meneruskan komitmen bahawa kerja-kerja mereka, usaha-usaha yang telah pun dimulakan oleh SPAD itu akan diteruskan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan awam SPAD yang telah pun membantu sektor pengangkutan awam darat selama ini. Itu sahaja penggulungan saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penggulungan mengambil masa 16 minit yang padat dan ringkas. Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

■1810

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan pada 23 Mei 2018 yang lalu telah memutuskan supaya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dibubarkan dan fungsinya diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan. Susulan kepada keputusan itu, kerajaan pada 6 Jun 2018 juga telah bersetuju supaya satu entiti baharu bertaraf jabatan kerajaan sepenuhnya yang dinamakan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ditubuhkan bagi mengambil alih dan melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pengangkutan awam darat yang sebelum ini dilaksanakan oleh SPAD.

Bagi melaksanakan arahan dan keputusan kerajaan ini, Kementerian Pengangkutan telah meneliti perundangan-perundangan yang terlibat dan mengemukakan Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat [Akta 715] bertujuan memberi kuasa kepada Kementerian Pengangkutan, APAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengambil alih fungsi dan peranan yang digariskan dalam Akta 715 berkaitan pengangkutan awam darat susulan kepada pembubaran SPAD.

Secara ringkasnya, fungsi utama dan bidang kuasa berkaitan pembangunan sektor pengangkutan awam darat yang dinyatakan dalam Akta 715 ini boleh dibahagikan

kepada dua kategori fungsi utama iaitu fungsi dasar dan fungsi operasi perkhidmatan yang merangkumi mode pengangkutan jalan dan rel iaitu kereta api.

Fungsi-fungsi utama ini termasuklah:

- (i) menggubal, membangunkan dan mengawal selia pelaksanaan dasar bagi pengangkutan awam darat negara;
- (ii) melesenkan pengendali atau operator yang menyediakan perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam, kenderaan pelancongan, pengendali perkhidmatan kenderaan barangan dan skim kereta api;
- (iii) melesenkan terminal pengangkutan awam darat;
- (iv) mengkaji, merangka dan menyediakan skim penentuan harga bagi kesesakan lalu lintas kawasan-kawasan;
- (v) mengkaji, merancang dan menyediakan laluan-laluan perkhidmatan pengangkutan awam;
- (vi) mengkaji dan menetapkan tambang-tambang pengangkutan penumpang, barangan serta jadual perjalanan pengangkutan perkhidmatan awam;
- (vii) menguatkuasakan semua peraturan peruntukan-peruntukan di bawah Akta 715 bagi mode jalan dan rel;
- (viii) mempertimbang dan meluluskan permohonan pembukaan skim kereta api baharu selain daripada mempertimbangkan dan memantau kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan dan pengubahsuaian skim kereta api; dan
- (ix) melaksanakan siasatan ke atas sebarang kemalangan yang melibatkan perkhidmatan pengangkutan awam dan skim kereta api.

Susulan kepada pembubaran SPAD, semua fungsi-fungsi berkaitan dengan pembentukan, perancangan, gubalan dan kawal selia pelaksanaan dasar pengangkutan awam darat melibatkan mode jalan dan mode rel akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan. Perkara ini adalah selaras dengan skop fungsi dan tanggungjawab semua kementerian kerajaan sedia ada. Di samping itu, agihan fungsi ini akan berupaya meningkatkan aspek keberkesanan dalam pengurusan perbelanjaan kerajaan.

APAD pula akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi sebagai agensi kawal selia ekonomi (*economic regulator*) ke atas sektor pengangkutan awam

darat merangkumi fungsi operasi perkhidmatan mode jalan dan mode rel. Fungsi operasi ini termasuklah:

- (i) melesenkan pengendali ataupun penyedia perkhidmatan pengangkutan barangan dan pengangkutan awam;
- (ii) mempertimbang, meluluskan dan mengawal selia pembangunan dan pengoperasian skim kereta api; dan
- (iii) menetapkan kadar tambang serta jadual operasi pengangkutan awam.

JPJ pula akan diberi kuasa untuk melaksanakan semua fungsi penguatkuasaan termasuk mengeluarkan saman atau kompaun dan pendakwaan bagi kesalahan di bawah mode jalan, pematuhan syarat pelesenan dan pematuhan peraturan bagi perkhidmatan pengangkutan awam mode jalan. Pelaksanaan fungsi ini oleh JPJ akan menambah baik aspek penguatkuasaan memandangkan liputan penguat kuasa JPJ yang lebih meluas serta mengelakkan persepsi terdapatnya pertindihan fungsi agensi-agensi penguatkuasaan di atas jalan.

JPJ juga akan turut diberi kuasa untuk menyediakan perkhidmatan permohonan pelesenan di kaunter JPJ yang melibatkan permohonan perlesenan pengendali perkhidmatan pengangkutan penumpang, pelancongan dan barangan. Perkara ini adalah bagi mengelakkan wujudnya dua entiti yang menyediakan perkhidmatan kaunter di lapangan.

Bagi merealisasikan hala tuju dan agihan fungsi ini, secara amnya semua rujukan kepada Suruhanjaya di dalam Akta 715 akan dipinda seperti berikut.

Peruntukan-peruntukan yang sebelum ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat peraturan di bawah Akta 715 akan dipinda dan diberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pengangkutan. Peruntukan-peruntukan yang sebelum ini memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk melaksana dan menguatkuasakan fungsi-fungsi pentadbiran dan operasi serta peruntukan di bawah Akta 715 akan dipinda dan akan diberikan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, Timbalan Pengarah Pengangkutan Awam Darat, Pengarah Pengangkutan Awam Darat dan Pegawai Pengangkutan Awam Darat.

Agihan kuasa seperti ini adalah bertujuan memelihara dan mengekalkan aspek kawal selia kerajaan ke atas agensi pelaksanaannya. Di samping itu, ketetapan ini akan memastikan semua peraturan yang akan dibangunkan kelak akan memastikan

kebajikan orang ramai adalah terjaga di samping mengambil kira keperluan perniagaan oleh operator pengendali penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan.

Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 ini akan mengandungi 83 fasal yang menerangkan pindaan-pindaan terlibat dan saya ringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan penguat kuasa rang undang-undang.

Fasal 2 menerangkan pindaan-pindaan am dan berulang melibatkan pelbagai seksyen dalam Akta 715 susulan pembubaran SPAD, di mana semua rujukan kepada Suruhanjaya dipinda kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, kecuali dalam seksyen-seksyen yang dinyatakan dalam fasal 2.

Fasal 3 meminda seksyen dua Akta 715 bagi memasukkan beberapa takrifan baharu susulan pembubaran SPAD termasuk meminda rujukan Menteri kepada Menteri bertanggungjawab kepada pengangkutan, takrifan Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, takrifan Pegawai Pengangkutan Awam Darat serta memansuhkan beberapa takrifan sedia ada termasuk takrifan Suruhanjaya.

Fasal 4 memansuhkan Bab I Bahagian II melibatkan seksyen 3, 4 dan 5 Akta 715 susulan pembubaran SPAD. Seksyen-seksyen yang terlibat menerangkan fungsi SPAD sebagai satu badan berkanun. Seksyen-seksyen ini tidak diperlukan lagi apabila SPAD dibubarkan dan fungsi diambil alih oleh satu agensi bertaraf jabatan dan fungsi yang dinyatakan adalah merupakan fungsi-fungsi sedia ada dan konvensional bagi satu jabatan kerajaan termasuk aspek pembentukan dasar serta sebarang rancangan induk berkaitan pengangkutan awam darat negara.

Fasal 9 memansuhkan subseksyen (7) di bawah seksyen 13 Akta 715. Subseksyen ini hanya diperlukan untuk melindungi SPAD sebagai satu badan berkanun dalam perkara-perkara berkaitan penentuan harga bagi kesesakan. Namun begitu, apabila kuasa dan fungsi ini diambil alih oleh APAD sebagai satu jabatan kerajaan, maka ketetapan ini tidak lagi diperlukan dan semua entiti kerajaan, berdasarkan kepada prosedur dan amalan biasa, akan merujuk Kementerian Pengangkutan dan APAD dalam perkara-perkara berkaitan di bawah Akta 715.

Fasal 11 memansuhkan seksyen 15 Akta 715 kerana seksyen ini hanya diperlukan bagi melindungi kepentingan SPAD sebagai satu badan berkanun. Ia menerangkan keperluan agensi-agensi kerajaan lain untuk mengadakan perbincangan dengan SPAD dalam urusan kerja berkaitan penetapan harga mengenai kesesakan lalu

lintas. Apabila kuasa dan fungsi ini diambil alih oleh APAD sebagai satu jabatan kerajaan, maka ketetapan ini tidak lagi diperlukan dan semua entiti kerajaan, berdasarkan kepada prosedur dan amalan biasa, akan merujuk kepada Kementerian Pengangkutan dan APAD dalam perkara-perkara berkaitan di bawah Akta 715.

Bagi mengelakkan kekeliruan dengan Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat, beberapa seksyen yang mengandungi perkataan "*Ketua Pengarah*" yang merujuk kepada Ketua Pengarah bagi Jabatan Pengangkutan Jalan akan dipinda kepada "*Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan*".

Beberapa seksyen berkaitan yang mengandungi perkataan "*Jurutera*" dipinda bagi menggantikan perkataan berkenaan dengan "*Orang*" bagi memberi lebih fleksibiliti kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat melantik mana-mana pihak atau orang yang mempunyai kompetensi dan kelayakan untuk melaksanakan fungsi berkaitan pemeriksaan ke atas *expatriate technical scheme* kereta api tanpa terikat kepada satu gelaran jawatan. Seksyen yang terlibat adalah seksyen 103(2), 105, 106(1), 107(1) dan 107(2).

1820

Fasal 38, memindah seksyen 111, Akta 715 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan mengenai standard prestasi berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan kereta api oleh pengendalian perkhidmatan berkenaan.

Fasal 45, memindah seksyen 149, Akta 715 bagi memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkaitan pengeluaran notis kemalangan melibatkan perkhidmatan pengangkutan awam.

Fasal 46, memansuhkan Bahagian VII, Akta 715 kerana bahagian ini hanya diperlukan untuk SPAD sebagai satu badan berkanun sahaja. Bagi satu agensi kerajaan bertaraf Jabatan segala urusan berkaitan dengan pengurusan pelanggan dan penyelesaian pertikaian akan diuruskan berdasarkan kepada pekeliling, peraturan dan tatacara berkaitan pengurusan pelanggan yang berkuat kuasa seperti mana yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan atau Kementerian Kerajaan.

Fasal 47, meminda Bahagian VIII, Akta 715 dipinda susulan kepada pembubaran SPAD di mana kuasa untuk mempertimbangkan semula semua keputusan operasi berkaitan permohonan, pembaharuan dan pembatalan lesen yang dibuat oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat adalah kini diletakkan di bawah kuasa Menteri. Pindaan ke atas Bahagian VIII akan memberi kuasa kepada Menteri untuk

melantik satu Jawatankuasa Rayuan untuk mendengar dan menyediakan cadangan ke atas rayuan yang diterima.

Menteri akan membuat keputusan berdasarkan kepada syor oleh Jawatankuasa Rayuan. Jawatankuasa Rayuan ini akan ditubuhkan dan diurusetiaikan di Kementerian Pengangkutan.

Fasal 55, meminda seksyen 215, Akta 715 dengan menggantikan perenggan sedia ada dengan perenggan baharu bagi menerangkan skop fungsi dan bidang tanggungjawab Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat untuk menyediakan hala tuju, memberi arahan, membuat kawalan, dan mengawal selia semua perkara berkaitan semua Pengangkutan Awam Darat di bawah bidang kuasa Akta 715. Pindaan ini juga menerangkan bahawa kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat di bawah Akta 715 boleh dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Pengangkutan Awam Darat, dan Timbalan Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Fasal 56, mewujudkan seksyen baharu seksyen 215A bagi memberikan kuasa kepada Menteri untuk melantik pegawai dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Pengangkutan Awam Darat bagi melaksanakan peruntukkan-peruntukkan di bawah Akta 715. Pegawai Pengangkutan Awam Darat yang dilantik akan melaksanakan semua fungsinya dengan mematuhi semua hala tuju arahan, kawalan dan penyeliaan daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Fasal 74, meminda seksyen 241(2) Akta 715 bagi memberi kuasa kepada Pegawai Pengangkutan Awam Darat dan Pegawai Pengangkutan Jalan Awam untuk menjalankan pendakwaan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 715. Pindaan ini bertujuan meningkatkan keberkesanan aspek penguatkuasaan dan mengelakkan tunggakan kes di mahkamah.

Fasal 75, memansuhkan seksyen 247 dan seksyen 248 Akta 715 kerana semua hasil yang dikutip oleh agensi kerajaan hendaklah di masukan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan bukan ke dalam tabung khas di agensi berkenaan. Selain itu, fungsi pelaporan yang dinyatakan di bawah subseksyen (2), (4), (8) hanya bersesuaian untuk SPAD sebagai satu badan berkanun. Fungsi pelaporan adalah merupakan satu fungsi biasa bagi Jabatan Kerajaan yang tidak perlu dimasukkan ke dalam satu akta sebagai satu khusus agensi berkenaan.

Fasal 76, menerangkan mengenai penomboran semula seksyen 170 dalam akta asal kepada seksyen 249A dan merujuk kepada satu seksyen baharu iaitu seksyen 249B. Seksyen 249A, ialah bertujuan melindungi kebajikan penumpang dengan

memastikan semua operator atau pengendali perkhidmatan pengangkutan awam akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kemalangan yang melibatkan kecederaan atau kematian penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut walaupun terdapat kontrak antara penyediaan perkhidmatan dan penumpang diadakan semula sebelum perkhidmatan yang menidakkan obligasi berkenaan.

Seksyen 249B pula diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa pada mana-mana orang untuk melaksanakan fungsi Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat berkaitan pelesenan terminal, pelesenan pengendali perkhidmatan pengangkutan awam, kenderaan pelancongan dan barangan, pelesenan pengendali perkhidmatan kereta api dan pembukaan kereta api serta pengumpulan bayaran dan caj di bawah Akta 715.

Tujuan pemberian kuasa ini adalah untuk memberi ruang kepada Menteri untuk menambah baik prestasi produktiviti kualiti dan keberkesanan penyediaan perkhidmatan atau menambahbaikkan pengurusan kewangan agensi dan melantik lain-lain pihak untuk melaksanakan fungsi terlibat apabila langkah-langkah berkenaan diperlukan di masa hadapan.

Fasal 77, meminda seksyen 252 Akta 715 bertujuan menetapkan kuasa untuk membuat peraturan di bawah Akta 715 sekarang adalah terletak dalam bidang kuasa Menteri sahaja.

Fasal 78, memansuhkan seksyen 253 Akta 715 susulan kepada penetapan kuasa untuk membuat peraturan di bawah Akta 175 hanya terletak di bawah bidang kuasa Menteri.

Fasal 81, memansuhkan seksyen 256, seksyen 257 dan seksyen 258 Akta 715. Seksyen 256 dimansuhkan kerana kuasa-kuasa membuat peraturan susulan pembubaran SPAD hanya terletak di bawah bidang kuasa Menteri. Manakala seksyen 257 dan seksyen 258 dimansuhkan kerana seksyen ini hanya diperlukan oleh SPAD sebagai sebuah badan berkanun bagi melindungi pegawai-pegawai lantikan SPAD di bawah Akta Pelindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 serta pelindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang dalam melaksanakan fungsi awam.

Fasal 82, menyatakan bahawa apa-apa sahaja tindakan, kelulusan, pekeliling, garisan panduan atau arahan yang telah dibuat atau dikeluarkan oleh SPAD adalah terus sah dan akan berkuat kuasa selepas pembubarannya dan diambil alih ataupun diteruskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat. Begitu juga bagi perkara-perkara yang melibatkan lesen yang telah dikeluarkan, permohonan-permohonan yang

sedang dalam proses, sebarang tindakan atau prosiding mahkamah yang telah dimulakan dan sedang berjalan sebarang obligasi, liabiliti, penalti ataupun hukuman sebelum SPAD dibubarkan dan akan terus sah dan akan berkuat kuasa selepas pembubarannya dan akan diambil alih atau diteruskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Selain daripada itu, semua baki wang yang ada atau yang perlu dibayar ke Kumpulan Wang Pengangkutan Awam Darat akan dipindahkan kepada kerajaan apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Fasal 83, menyatakan mengenai pembatalan apa-apa dasar dan perancangan termasuk Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang telah disediakan oleh SPAD susulan pembubarannya. Keperluan membangunkan dasar dan perancangan termasuk Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara adalah merupakan salah satu fungsi asal SPAD yang dinyatakan dalam seksyen 3, Akta 715.

Walau bagaimanapun, susulan pembubaran SPAD fungsi pembentukan dan penggubalan dasar berkaitan Pengangkutan Awam Darat Negara akan dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan. Sebarang input berkaitan dasar atau rancangan induk yang telah disediakan oleh SPAD akan diambil alih dan akan disatukan ke dalam Dasar Pengangkutan Negara yang sedang dibangunkan oleh Kementerian Pengangkutan.

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil bersifat editorial dan *consequential* susulan kepada pembubaran SPAD. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan rendah hati memohon supaya rang undang-undang ini yang telah dibentangkan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan Sektor Pengangkutan Awam Darat ke arah perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan dan menyeluruh. Kejayaan dalam membangunkan Sektor Pengangkutan Awam Darat dan akhirnya akan dapat menyumbang kepada meningkatkan dan menambah baik kesejahteraan kualiti, serta taraf hidup masyarakat di samping menjadi platform yang menyokong kepada kejayaan pembangunan ekonomi negara Malaysia yang kita cintai ini.

Sayangi Malaysiaku. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sebelum dibuka untuk dibahas ini adalah susulan daripada pembubaran Akta SPAD yang telah dibahas tadi oleh sebab itu speaker yang budiman mengehadakan masa bahas tidak lebih dari 5 minit. Tidak ada? Dari kiri ke kanan tidak ada, maka selesailah tamat perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Tepuk]

Minta Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab kerana tidak ada perbahasan.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Tiada perbahasan]

■1830

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 83 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]

USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**MENYIASAT SEMULA PENYELEWENGAN DAN SKANDAL 1MDB****6.32 ptg.**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

"Bahawa Dewan Rakyat mengambil ketetapan supaya Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam menyiasat semula penyelewengan dan skandal 1MDB dan syarikat-syarikat berkaitan supaya maruah Dewan ini dapat dipulihkan: dan bahawa segala maklumat berkaitan harus didedahkan kepada umum."

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini diperlukan kerana skandal korupsi 1MDB telah gagal disiasat dengan cermat dan tiada tindakan telah diambil oleh kerajaan lama Barisan Nasional bagi menyelesaikan perkara ini. Penyiasatan semula ini bertujuan untuk mengembalikan maruah Dewan dan institusi-institusi negara yang sebelum ini gagal menjalankan satu penyiasatan yang adil, kompeten, berwibawa dan bebas daripada campur tangan orang-orang berkepentingan. Siasatan sebelum ini gagal mengenal pasti punca-punca sebenar skandal korupsi ini dan kerugian besar yang dialami oleh seluruh Malaysia khususnya 1MDB. Penyiasatan tersebut juga gagal memberikan perhatian untuk mengambil langkah bagi mendapatkan kembali segala aset yang hilang dan dirompak sambil menghalang perkara yang sama daripada berulang di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum perubahan kuasa berlaku pada 9 Mei 2018, Malaysia tidak langsung mengambil sebarang tindakan yang sepatutnya ke atas skandal korupsi 1MDB ini serta ke atas mereka yang bersekongkol atau bersubahat. Pada masa yang sama, pihak-pihak berkuasa di Amerika Syarikat, Switzerland dan Singapura telah mengambil tindakan undang-undang. Di Amerika, peguam negara di Amerika telah mengambil tindakan sivil untuk merampas pelbagai aset yang telah dibeli atau dibiayai oleh wang haram yang diambil daripada 1MDB.

Di Singapura, BSI Bank yang mempunyai hubungan dengan 1MDB telah diarah tutup atas sebab pengubahan wang haram atau *money laundering*. Manakala pegawainya yang bersubahat dalam transaksi pengubahan wang haram untuk 1MDB telah dipenjarakan selama 54 bulan. Falcon Bank, sebuah institusi kewangan yang

beroperasi di Singapura— minta maaf. Falcon Bank yang membantu memindahkan USD681 juta atau RM2.6 bilion kepada akaun Ambank milikan Yang Berhormat daripada Pekan juga telah ditutup apabila Singapura menarik balik lesen bank tersebut. Manakala pengurusnya telah di penjara selama 28 minggu dan didenda sebanyak SGD128,000. Di Switzerland, pihak berkuasanya telah merampas lebih daripada USD100 juta, keuntungan yang dikaut daripada transaksi 1MDB dan peguam negaranya sedang menyiasat sekurang-kurangnya enam individu yang membantu mengubah wang haram untuk 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah menerima sebuah laporan PAC berkaitan dengan Syarikat 1MDB pada 7 April 2016, sedangkan empat negara mengambil tindakan ataupun memulangkan barang kemas. Sampai di Amerika Syarikat, Peguam Negara Jeff Sessions menyatakan 1MDB adalah dengan izin *kleptocracy at its worst*. Tidak ada sebarang tindakan diambil di Malaysia. Laporan PAC pula telah mengemukakan pelbagai jenis keraguan, kelemahan dan penyalahgunaan kuasa pihak lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi syarikat. Malah PAC telah mengesyorkan supaya bekas CEO 1MDB Datuk Shahrol Halmi dan pihak-pihak yang berkaitan disiasat oleh pihak berkuasa mengenai penemuan PAC.

Akan tetapi, kerajaan baharu berpendapat bahawa laporan yang telah dibentangkan tersebut adalah tidak lengkap, tidak menyeluruh, tidak sempurna dan tidak sejajar dengan siasatan dan tindakan yang diambil di luar negara. Pertama sekali, bekas-bekas Ahli PAC dalam sesi yang lalu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Telok Kemang iaitu sesi lama telah mendakwa bahawa bekas Pengerusi PAC memadamkan ayat-ayat dalam laporan PAC terhadap 1MDB yang menimbulkan keraguan terhadap pemilik sebenar Syarikat 1MDB Good Star Limited yang telah diakui menerima sebanyak USD1.03 bilion secara langsung daripada 1MDB.

Bekas Pengerusi PAC juga telah menyembunyikan surat daripada Bank Negara Malaysia kepada pihak PAC daripada Ahli-ahli PAC. Surat tersebut jelas menamakan seorang rakyat Malaysia yang berasal dari Pulau Pinang yang bernama Low Taek Jho atau Jho Low sebagai pemilik tunggal atau *sole beneficiary* kepada Syarikat Good Star Limited. Maklumat yang penting ini membongkar penipuan daripada bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pengurusan tertinggi 1MDB yang sebelumnya mempertahankan Good Star Limited ialah anak syarikat kepada PetroSaudi International Limited yang merupakan rakan usaha sama kepada 1MDB.

■1840

Pada masa yang sama, mantan Pengerusi PAC - Yang Berhormat Rompin juga telah membatalkan keputusan PAC untuk menyoal siasat Jho Low sebelum beliau dilantik sebagai Pengerusi PAC. Selain itu, sebagai Pengerusi PAC beliau juga menolak segala percubaan untuk bertemu dengan saksi-saksi utama skandal 1MDB, termasuk mantan Perdana Menteri - Yang Berhormat Pekan, mantan Gabenor Bank Negara, bekas juruaudit Ernst & Young dan mantan CEO 1MDB - Mohd Hazem Abd Rahman. Laporan Audit yang dibuat oleh Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan kepada PAC sebelum ini walaupun mengandungi banyak maklumat, termasuk penemuan yang amat negatif terhadap lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi syarikat adalah tidak lengkap dan menyeluruh. Ini adalah kerana laporan tersebut disekat dengan skop dan terma rujukan yang terlampau sempit.

Tambahan pula mantan Ketua Audit Negara - Tan Sri Ambrin Buang, juga merakamkan ketidakpuasan beliau terhadap pengurusan 1MDB kerana tidak memberikan kerjasama yang penuh, terutamanya keengganan untuk menyerahkan dokumen-dokumen yang lengkap. Dokumen-dokumen penting yang tidak diserahkan oleh pihak 1MDB termasuklah penyata-penyata kewangan 1MDB dan anak-anak syarikatnya di luar negeri dan bukti-bukti pelaburan di dana-dana pelaburan antarabangsa. Pihak PAC dan Ketua Audit Negara sebelum ini tidak diberikan ruang untuk menyiasat segala perkembangan skandal 1MDB di peringkat antarabangsa.

Secara ringkas, segala penemuan dalam laporan pendakwaan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat, *Department of Justice* di Mahkamah Amerika Syarikat mengenai pengubahan wang haram yang melibatkan wang 1MDB. Jabatan Keadilan Amerika Syarikat menganggarkan jumlah wang daripada 1MDB yang telah dicuri dan diselewengkan melebihi USD4.5 bilion atau RM18 bilion. Menurut Jabatan Keadilan Amerika Syarikat, wang 1MDB telah digunakan untuk membeli banglo, hotel dan kondominium mewah di Amerika Syarikat dan Eropah yang bernilai melebihi RM100 juta setiap satu pembelian. Berbilion-bilion ringgit wang ini juga telah disalahgunakan oleh Jho Low untuk membeli lukisan-lukisan terkenal seperti Monet dan Picasso. Jet peribadi Bombardier dan juga kapal layar super mewah *Equanimity* yang kini berpangkalan di Pelabuhan Klang serta pemindahan tunai sebanyak USD732 juta kepada mantan Perdana Menteri dan juga ratusan juta ringgit intan belian kepada isterinya.

Semasa saya berada di atas *superyacht Equanimity* yang bernilai USD250 juta, saya terkejut melihat pemborosan keterlaluan dan kemewahan yang terserlah. Kapal

layar ini mempunyai segala benda yang boleh dibayangkan dan juga segala benda di luar bayangan. *Everything you can imagine and dream of is there and everything you cannot imagine and dream of is also there*, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang lebih teruk lagi, semua ini adalah dengan jelas sekali milik rakyat Malaysia. Pihak Parlimen bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia untuk membolehkan kebenaran diberitahu, dimaklumkan kepada rakyat. Walau apa pun kebenaran tentang skandal ini, ia memakan kos yang besar kepada rakyat. Saya percaya jika skandal korupsi 1MDB tidak wujud, rakyat Malaysia tidak akan dibebankan dengan cukai GST. Tambahan lagi skandal 1MDB ini telah menyumbang dalam meningkatkan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan setinggi RM1,087 bilion sehingga akhir tahun 2017. Hutang dan liabiliti ini pula perlu dibayar oleh rakyat Malaysia untuk sekurang-kurangnya 20 tahun.

Terdapat banyak lagi persoalan penting yang belum dijawab. Salah satunya melibatkan penjualan tanah 1MDB di Air Itam, Pulau Pinang kepada *Silk Road Southeast Asia Real Estate Ltd* yang berpangkalan di Kuwait. Apa yang peliknya, walaupun wang jualan telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.7 bilion, pembeli tidak berminat untuk memindahkan hak milik tanah tersebut kepadanya. Siasatan harus menentukan sama ada berlakunya pengubahan wang haram apabila pembeli tidak menuntut tanah tersebut sungguh pun RM2.7 bilion telah dibayar olehnya. Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang, terutamanya pucuk pimpinan UMNO-Barisan Nasional kerap menggunakan Laporan PAC terhadap 1MDB sebagai alasan dan bukti bahawa Yang Berhormat Pekan sebagai bekas Perdana Menteri tidak bersalah. Alasan ini tidak boleh diterima dan diguna pakai kerana skop Jabatan Audit Negara tidak merangkumi siasatan terhadap Yang Berhormat Pekan dan pihak PAC pula tidak pernah berpeluang untuk menyoal siasat beliau.

Oleh sebab itu, adalah wajar dan adil supaya pihak Jabatan Audit Negara dan PAC dapat membuat audit yang sewajarnya untuk mengesahkan tahap penglibatan bekas Perdana Menteri dalam skandal ini. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Pekan juga akan diberikan peluang untuk mempertahankan pendirian bahawa beliau tidak bersalah dan membersihkan nama baik beliau secara terbuka. Penting sekali, cadangan penyiasatan ini adalah satu peluang untuk membersihkan nama Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai kleptokrasi. Inilah satu peluang untuk membebaskan Malaysia daripada kancas rasuah dengan menegakkan kedaulatan undang-undang di Malaysia dan mengembalikan maruah negara di mata dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada penyokong?
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, silakan Yang Berhormat Rompin.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

6.47 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan laporan status Laporan PAC dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tersebut. Suka saya mengatakan bahawa Laporan PAC itu harus dilihat dalam dua sudut. Satu, perkara-perkara yang berlaku sebelum peristiwa-peristiwa seperti DOJ dan sebagainya timbul. Kedua, adalah peristiwa-peristiwa selepas isu-isu DOJ berlaku. Laporan ini dibuat dengan *consensus* iaitu persetujuan semua Ahli-ahli PAC. Saya telah memaklumkan kepada setiap Ahli PAC berhubung dengan beberapa perkara. Tuduhan Yang Berhormat Menteri bahawa saya menyorok fakta itu adalah tidak betul sekali.

Sehingga sekarang ini tidak ada agensi sama ada Bank Negara boleh mengesahkan *Good Star* itu adalah milik Jho Low. *[Disampuk]* Tidak, saya mendapat surat. Saya akan buktikan saya mendapat surat bahawa— dan saya telah memaklumkan kepada Ahli-ahli PAC bahawa maklumat yang diberikan oleh Bank Negara itu adalah bertaraf risikan dan tidak boleh didedahkan kepada umum. Ini jelas sekali dan ini Yang Berhormat Menteri boleh minta kepada Bank Negara yang ada hari ini, sekarang ini dialah yang menulis surat itu, menghantar kepada saya dan saya memulangkan semula semua surat itu kerana tidak relevan.

■1850

Ini kerana ia tidak boleh mengesahkan yang *Good Star Limited* itu adalah milik Jho Low. Ia adalah bertaraf risikan dan tidak boleh didedahkan kepada umum. Oleh sebab PAC- di sinilah saya bawa *[Sambil menunjukkan Laporan PAC]* Laporan PAC. Oleh sebab PAC ini adalah laporan yang akan didedahkan kepada umum, maka saya menarik balik fakta itu dan saya telah memaklumkan kepada seluruh Ahli-ahli PAC. Ini kerana surat itu datang pada 6 April dan Laporan PAC akan di dedahkan esoknya. Saya

mengambil inisiatif segera, oleh sebab kalau saya mengeluarkan laporan itu, maknanya saya bertentangan dengan surat yang dikeluarkan oleh Bank Negara sekarang ini bahawa laporan itu adalah bertaraf risikan dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

Kalau boleh Menteri Kewangan mengesahkan apakah agensi-agensi yang boleh mengesahkan bahawa Good Star Limited itu ketika itu, pada tarikh itu, bukan sekarang ya. Mana agensi yang boleh mengesahkan bahawa Good Star Limited itu adalah milik Jho Low? Tidak ada. Bank Negara sendiri tidak boleh mengesahkan kerana ia tertakluk kepada protokol antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Damansara, mohon laluan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, ya. Nanti saya terangkan. Ini kerana ia tertakluk kepada...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Bagi atau tidak bagi?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sekejap, sekejap. Saya bagi. Oleh sebab dia pun *members of PAC*. Ini kerana ia tertakluk kepada protokol antarabangsa yang memerlukan kelulusan antara dua negara. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan kata Perdana Menteri dahulu terlibat, kenapa sehingga sekarang tidak boleh *charge* Perdana Menteri itu mengenai kes 1MDB? Tidak boleh lagi *charge*? Ini kerana tidak ada bukti yang sah keterlibatan dia. Oleh sebab itu, sampai sekarang ini kerajaan yang baharu tidak *charge* dia. Apakah SRC, bukan 1MDB. Satu ketika dahulu, syarikat SRC adalah syarikat milik 1MDB tetapi telah dikeluarkan. Sehingga sekarang, kalau kerajaan sekarang boleh *charge* Perdana Menteri ada hubung kait dengan 1MDB, maka saya rasa bertanggungjawab ke atas laporan yang saya buat. Sehingga sekarang pun kerajaan tidak boleh *charge*. Saya telah mencadangkan supaya diambil tindakan agensi-agensi seperti polis, seperti Bank Negara, seperti SPRM untuk mengambil tindakan. Namun, sehingga sekarang pun kerajaan baharu pun tidak boleh mengambil tindakan.

Ini kerana apa? Tidak ada bukti. Ini kerana peranan PAC adalah untuk mencadangkan kepada kerajaan. Kita tidak ada *execution power*. Kita hanya boleh mencadangkan dan menguruskan hal dalam negeri. Saya tidak boleh panggil Gabenor Bank Negara Singapura. Saya tidak boleh panggil AG US. Saya tidak boleh panggil Switzerland kerana ia ada protokol antarabangsa yang di luar bidang kuasa Parlimen kita. Di luar bidang kuasa. Jadi, inilah laporannya dan tiga suku laporan ini datangnya daripada Ketua Audit Negara. Kalau Yang Berhormat Menteri minta Ketua Audit Negara menyiasat semula, serupa sahaja. Serupa sahaja kerana itulah had kemampuan Ketua Audit Negara untuk menyiasat. Tiga suku laporan ini datangnya daripada Ketua Audit

Negara. Tidak disorokkan fakta-faktanya. Tidak. Jadi, beberapa *statement* yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan itu sangat mengecewakan. Saya akan melihat secara detil perkara-perkara yang— Kalau betul-betul Menteri Kewangan ada maklumat, kenapa tidak *charge* Perdana Menteri yang dulu, sekarang ini? Kenapa?

Hendak minta kita PAC untuk memberikan maklumat, kerajaan sendiri pun hari ini masih tidak dapat maklumat. Ini kerana ada protokol antarabangsa yang di luar kemampuan PAC untuk menjangkau bidang kuasa. Bank Negara pun tidak boleh. Ia kata ia ada protokol antarabangsa. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapatkan surat daripada Bank Negara sendiri, apa yang ditulis kepada saya. Saya telah maklumkan kepada Ahli PAC, saya tidak boleh memasukkan, mengesahkan bahawa Good Star Limited ini adalah milik Jho Low. Ini kerana Bank Negara sendiri menulis bahawa maklumat ini adalah dalam status risikan dan tidak boleh didedahkan secara umum. Sedangkan *PAC Report* adalah umum. Jadi, saya tarik balik laporan itu kerana untuk menjaga integriti PAC. Itu sebenarnya.

Saya akan— Oleh sebab ucapan itu baru saya dengar hari ini, ada masa saya akan menulis surat rasmi kepada Menteri Kewangan berhubung dengan fakta-fakta. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sahkan siapa pemilik— agensi mana yang sahkan Good Star Limited itu milik Jho Low? Negara mana?

Kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh mengesahkan hari ini, jangan salahkan saya. Jangan menuduh saya menyembunyikan fakta-fakta. Jangan menuduh saya. Saya minta hari ini Yang Berhormat Menteri agensi mana, kedutaan mana, negara mana yang mengesahkan bahawa Good Star Limited itu adalah milik Jho Low? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh sahkan selepas PAC buat *report*, saya boleh terima. Kalau tidak, mungkin saya akan bawa Yang Berhormat Menteri ke *Select Committee* kerana menuduh fakta yang tidak betul. Jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Damansara.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita kena hadkan perbahasan kepada lima minit seorang. Cukup? *Sorry?* Ini jawapan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kalau...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Mencilah? Mencilah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Bagi mencilah?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin, sudah habis belum?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong habiskan kerana saya hadkan 10 minit.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Oleh sebab dia mahu mencelah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Penjelasan. Satu penjelasan. Selepas itu saya mahu berucap juga. Okey? Saya mahu bertanya, surat yang disebutkan sebagai surat yang berbentuk ada bermaklumat risikan tersebut. Adakah surat itu ditujukan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) ataupun ditujukan kepada Pengerusi sahaja? Oleh sebab surat tersebut yang sudah dibongkar dalam *internet* dengan jelas merujuk kepada PAC. Surat itu sepatutnya diedarkan kepada semua Ahli-ahli PAC. Maklumat tersebut mungkin berbentuk risikan dan tidak patut diterbitkan dalam Laporan PAC. Akan tetapi surat itu sekurang-kurangnya kena diedarkan kepada semua Ahli-ahli PAC tetapi kenapa surat itu dipulangkan kepada Bank Negara? *[Tepuk]* Adakah apa-apa maklumat yang ada di dalam surat itu yang tidak boleh dibaca oleh Ahli-ahli yang lain? Apa yang utamanya bahawa di dalam surat tersebut ada membongkar bahawa pemilik saham kepada Good Star Limited adalah tidak lain daripada Low Taek Jho.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak! Dalam surat itu jelas, Menteri boleh minta kepada Bank Negara, surat itu jelas mengatakan bahawa fakta ini adalah berstatus risikan dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Bukan saya! Surat itu ditujukan kepada semua Ahli PAC.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Pengerusi! Pengerusi PAC.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tidak! Dalam surat, "*boleh dirujuk oleh PAC tetapi berbentuk risikan dan tidak boleh diumumkan kepada public*". Faham?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kenapa saya tidak dapat?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya telah maklumkan— kalau saya fotostat *copy*, berikan kepada PAC, kepada umum juga.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *[Ketawa]* Ini PAC! Ini bermaksud Pengerusi PAC pada masa itu tidak hormat pada PAC! Tidak hormat pada Ahli yang ada di dalam PAC.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Ketawa]* Tidak hormat? Menteri boleh tengok surat Bank Negara itu datang berapa hari bulan dan keluar PAC pada berapa hari bulan. Surat itu datang sehari sebelum- saya terpaksa pergi ke percetakan.

Pegawai saya pergi ke percetakan untuk menarik balik fakta ini. Surat Bank Negara keluar sehari sebelum laporan ini. Saya terpaksa pergi ke percetakan. Boleh panggil pegawai saya. Pergi ke percetakan ubah kerana fakta itu bertaraf risikan.

■1900

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kenapa hendak mengubah Laporan PAC yang sudah dimuktamadkan tanpa memberi tahu satu orang pun ahli dalam PAC?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya telah edar!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Apakah kuasa Pengerusi PAC boleh buat begitu? [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya cakap tadi ya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Ini merupakan keputusan PAC. Pengerusi PAC tidak hormat keputusan PAC.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak betul. Saya datang, surat itu datang 6 April. PAC keluar 7 April. Kami terpaksa pergi ke percetakan, ubah saya kata. Dalam surat itu mengatakan Jho Low mulanya. Akan tetapi saya boleh tarik balik kerana surat Bank Negara. Saya telah maklumkan kepada PAC melalui surat saya. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan—, saya akan beri kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, surat-surat yang saya tulis kepada Bank Negara dan saya beritahu kepada seluruh PAC. Bagaimana saya hendak menarik kalau surat itu datang 6 April? Laporan mesti keluar 7 April, bila saya hendak pergi panggil PAC?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Boleh telefon tidak?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya keluarkan surat!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Boleh telefon tidak?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Itu adalah tidak *reasonable*. Saya telah tulis surat kepada semua PAC.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tidak ada.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Okey panggil Johan. Johan berjumpa setiap ahli PAC sekali beritahu semua ahli PAC bahawa ini maklumat terakhir yang saya terima daripada Bank Negara pada 6 April dan saya terpaksa pergi ke percetakan ubah fakta itu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tipu! Tidak pernah dapat surat daripada Pengerusi PAC kepada ahli-ahli PAC bahawa Pengerusi PAC akan ubah Laporan PAC yang sudah dimuktamadkan pada hari Isnin, 4 April.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Okey, esok saya akan suruh pegawai PAC bagi surat itu, saya kata mesti berjumpa dengan semua ahli PAC. Ini surat yang saya tulis kepada Bank Negara bahawa maklumat ini adalah bertaraf risikan. 6 April surat itu saya dapat, 7 April, surat ini keluar [*Mengangkat buku Laporan PAC*]. Mungkin Yang Berhormat Damansara tidak ingat agaknya, Johan pergi jumpa semua.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi Yang Berhormat Rompin?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Oleh sebab Yang Berhormat Damansara memberi kenyataan yang tidak tepat dan Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi kenyataan yang tidak tepat. Kalau cakap saya tidak tepat, panggil Bank Negara, buka balik kerana saya telah pulangkan semua surat-surat itu oleh kerana bertaraf rahsia, saya tidak mahu simpan, saya pulang balik surat itu kepada Bank Negara. Boleh panggil Bank Negara. Sekarang saya mahu tahu mana agensi, negara mana yang mengesahkan Good Star Limited itu adalah milik Jho Low? Sila hendak tanya Yang Berhormat Menteri sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, sudah habis.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Silakan, 10 minit Yang Berhormat Damansara atau lima minit, ikut mana yang sesuai.

7.07 mlm.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut di sini bahawa apa yang Yang Berhormat Rompin sebut tadi telah pun banyak mengelirukan Dewan. PAC melalui Pengerusi PAC telah pun menerima surat pertama daripada Bank Negara, pada 18 Mac. Dalam surat tersebut, 18 Mac, yang dibincangkan dalam Mesyuarat PAC pada 4 April 2015. Surat tersebut menyatakan bahawa Good Star Limited dimiliki oleh seorang individu -- tidak dinamakan, seorang individu yang tidak berkaitan dengan PetroSaudi. Dahulu 1MDB kata merupakan ibu syarikat kepada syarikat Good Star Limited. So sekarang Bank Negara telah sebut, Good Star Limited tidak berkaitan langsung dengan PetroSaudi manakala dimiliki oleh seorang individu. Itulah apa yang kita masuk ke dalam Laporan PAC. Iaitu Good Star Limited, menurut Bank Negara tidak dimiliki oleh PetroSaudi tetapi dimiliki oleh seorang individu. Tiada nama dan tiada perkataan 'risikan' dalam surat yang bertarikh 18 Mac.

Selepas memperoleh, meneliti surat tersebut, PAC tulis surat balik kepada Bank Negara kita muktamadkan laporan dan dalam laporan kita hanya sebut seorang individu tiada nama, tiada Jho Low dalam laporan. Akan tetapi bila kita tulis surat balik kepada Bank Negara, minta tahu siapa individu tersebut? Bank Negara tulis surat balik, 6 April, untuk memberitahu PAC menerusi Pengerusi bahawa individu tersebut adalah Jho Low. Sekarang seperti apa yang disebut oleh ahli Yang Berhormat Rompin tadi, dia cepat-cepat pergi pinda padamkan ayat tersebut yang berbentuk risikan adalah nama Jho Low, saya terima. Kalau tidak mahu sebut nama, saya terima. Akan tetapi yang menyebut bahawa syarikat Good Star Limited dimiliki oleh seorang individu itu pun dia padamkan. Dia sebut tadi, ada surat kepada semua ahli-ahli PAC bahawa perkara ini sudah dimaklumkan kepada kita bahawa mengapa ayat itu dipadamkan. Tidak tahu! Boleh tanya Yang Berhormat Selayang, boleh tanya Yang Berhormat Bandar Tun Razak, yang dahulu Yang Berhormat Tumpat. Boleh tanya sama Yang Berhormat, siapa lagi ya? Yang Berhormat Kepong dahulu. Yang Berhormat Kepong lama yang tiada sekarang di sini. Kita tidak tahu dan satu minggu kemudian kita baru perasan “eh ayat itu sudah hilang!”. Macam mana? Lepas itu kita buat *press conference*, tanya sama Pengerusi pada masa itu kenapa ayat hilang? Dia tidak jawab!

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mohon pencelahan, Yang Berhormat Damansara. Lembah Pantai.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Cepat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, pendek sahaja. Yang Berhormat Damansara saya ingin mendapat pandangan adalah ini dengan izin, *tantamount to a crime*? Adakah ini dengan izin, *concealment*? Adakah ini satu mungkin satu perkara yang boleh disiasat sebagai satu jenayah?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya rasa sama ada perkara ini merupakan satu jenayah atau tidak, saya serahkan kepada pihak jawatankuasa yang berkaitan dalam Parlimen. Akan tetapi saya yakin, ini merupakan satu *collusion* untuk melindungi Perdana Menteri yang lalu. Saya hendak sebut lagi. Sebelum Pengerusi PAC Yang Berhormat Rompin dilantik, PAC sudah buat keputusan, kita hendak panggil Jho Low datang buat keterangan kepada PAC, beri temu bual sedikit. Akan tetapi selepas dalam mesyuarat pertama sahaja Yang Berhormat Rompin jadi Pengerusi dia kata, tidak payah panggil Jho Low lagi. [*Dewan riuh*]

Selepas itu, dalam mesyuarat-mesyuarat selepas itu, pihak di sebelah sini minta kita perlu soal siasat Yang Berhormat Pekan juga sebab dia merupakan Pengerusi

kepada Badan Penasihat 1MDB. Banyak dokumen dalam 1MDB semua ditandatangani oleh Yang Berhormat Perdana Menteri. Kita hendak minta Yang Berhormat Pekan datang ke PAC sekurang-kurangnya memberikan sedikit keterangan. Tidak boleh! Tidak boleh! Selepas tidak boleh siasat Yang Berhormat Pekan, selepas itu Pengerusi kata Yang Berhormat Pekan tidak terlibat dengan 1MDB. Tidak siasat mana tahu! [*Dewan riuh*] Tidak siasat mana tahu?

Bukan itu sahaja, pihak wartawan pun ada tanya sama Yang Berhormat Rompin, saya agak Yang Berhormat Rompin pun masih ingat, "*Adakah PAC akan minta Yang Berhormat Pekan untuk datang ke PAC?*" "*Oh, tidak bolehlah. Saya pun hendak cari makan.*" [*Dewan ketawa*]. *To be fair to Yang Berhormat Rompin, he said it in jest. Okay, he said it in jest. But the point is, kenapa PAC tidak minta Yang Berhormat Pekan untuk berikan keterangan dalam PAC? Kenapa ahli-ahli PAC daripada Barisan Nasional yang ada dalam PAC pada masa itu semua menolak segala cadangan untuk meminta supaya Yang Berhormat Pekan datang memberikan keterangan? Walaupun beliau merupakan seorang saksi yang cukup penting dalam siasatan 1MDB.*

■1910

Oleh sebab itu, saya rasa ini merupakan peluang keemasan bagi Dewan yang cukup mulia ini untuk memulihkan maruah kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selepas perkara ini berlaku, saya hendak sebut, saya menjadi Ahli PAC selama 10 tahun dalam dua penggal yang lalu, *I hardly missed any meetings. You can ask my other colleagues. Almost every meeting I will be there.*

Pengerusi PAC sebelum ini Tan Sri Azmi Khalid dan selepas itu Datuk Nur Jazlan, *you can ask them. My record for attendance is second only to the Pengerusi himself.* But selepas Yang Berhormat Rompin bertindak secara sukarela untuk menukar apa yang sudah dimuktamadkan dalam Jawatankuasa PAC, *I said forget it. This a waste of time.*

Kalau Pengerusi PAC tidak boleh hormati keputusan yang telah pun dimuktamadkan dalam mesyuarat PAC, PAC ini sudah tidak boleh guna pakai. PAC ini sudah rosak dan kita perlu menggunakan peluang keemasan ini untuk memulangkan maruah kepada Dewan Parlimen kita.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya tidak mahu bercakap banyak. Sila bawa ke *select committee*, apakah saya benar bercakap ataupun Yang Berhormat 'Petaling Jaya' yang benar bercakap?

Tuan Yang di-Pertua: Damansara, sudah tukar nama.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Damansara bercakap. Satu perkara, bawa *select committee* sama ada apa yang saya cakap tadi benar ataupun apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Damansara itu benar. Biar *select committee* yang menentukan sama ada saya betul – sebab apa saya padamkan betul ataupun surat-surat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Damansara itu betul. Bawa kepada *select committee*, saya sedia berhadapan dengan *select committee*, saya bertanggungjawab tentang apa yang saya buat. Hari ini saya minta Menteri beritahu agensi mana yang mengesahkan bahawa Good Star itu adalah milik Jho Low.

Hari ini polis, Bank Negara dan SPRM tidak tahu di mana Jho Low berada, hendak suruh saya panggil Jho Low? Sedangkan polis, sedangkan dahulu tidak boleh, tidak boleh panggil. [*Dewan riuh*] Ya. Bawa saya kepada *select committee* sama ada saya benar ataupun Yang Berhormat Damansara yang benar. Itu adil, adil kepada saya dan adil kepada Yang Berhormat Damansara. Saya hendak hari ini Menteri Kewangan jawab agensi mana kalau tidak *statement* yang dikeluarkan oleh Menteri adalah *statement* yang tidak bertanggungjawab ke atas diri saya, mengelirukan ke atas di saya selaku Pengerusi PAC. Ini kerana laporan ini, tiga suku adalah daripada Ketua Audit Negara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Damansara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya jarang bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin tetapi kali ini saya bersetuju seratus peratus kalau ada *select committee* ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini. Saya amat mengalu-alukan kerana kita akan tahu kebenaran macam mana PAC sudah disalahgunakan oleh kerajaan yang lepas untuk melindungi perompak negara Malaysia.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Damansara. Yang Berhormat Damansara, Sebelum...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis masa. Hendak berucap?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sekejap, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila berbahas.

7.14 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Pendek sahaja. Sebenarnya hendak sambung sikit. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya berasa sedikit sedih sebenarnya kalau hendak membahaskan perkara ini memandangkan sebenarnya bukan sahaja institusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah mungkin kita boleh dianggap sebagai terpalit akibat daripada insiden ini. Akan tetapi saya juga melihat yang Menteri Kewangan memohon supaya Ketua Audit Negara juga memulakan ataupun menyiasat semula.

Malah saya mungkin sedikit risau memandangkan Ketua Audit Negara dahulu ataupun Ketua Audit Negara yang ada sekarang adalah Ketua Audit Negara yang sama yang mungkin sebelum ini tidak pernah menyatakan apa-apa tentang masalah berkaitan dengan 1MDB. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit risau sama ada adakah Ketua Audit Negara yang sama ini – adakah patut beliau menerajui sebahagian daripada siasatan ini?

Saya berasa sangat sedih kerana kalau kita lihat sebenarnya mesej yang paling jelas daripada rakyat Malaysia pada 9 Mei 2018, kita dengar siang tadi bagaimana Yang Berhormat Pengerang kalau tidak silap saya menyatakan bahawa 1MDB adalah salah satu daripada sebab kejatuhan Barisan Nasional. Maka sepatutnya mesej yang paling jelas daripada rakyat Malaysia selain daripada memansuhkan GST, kita mahu Jho Low balik ke Malaysia. *[Tepuk]*

Saya rasa tidak ada sesiapa di sini yang tidak mahu Jho Low balik ke Malaysia. saya tidak tahu kenapa Ahli-ahli Parlimen di sebelah UMNO, Barisan Nasional dan juga pembangkang, semua – tidak ada seorang pun yang mahu membantu dalam usaha menggesa Jho Low balik ke Malaysia. Malah Yang Amat Berhormat Langkawi juga telah menyatakan sekiranya Jho Low beranggapan bahawa Kapal Equanimity adalah milik beliau, beliau perlu pulang ke Malaysia untuk dengan izin *to claim it back*.

Akan tetapi realitinya, saya rasa keengganan beliau untuk balik ke Malaysia telah menimbulkan persepsi bahawa beliau memang terlibat dalam – bagi saya skandal yang paling besar dalam sejarah negara kita yang tidak pernah kita saksikan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak minta penjelasan. Sama ada Yang Berhormat Rompin ketika itu yang merupakan seorang Pengerusi PAC boleh mengeluarkan arahan kepada Polis Diraja Malaysia, boleh mengeluarkan arahan untuk menuntut supaya Jho Low ini ditahan dan dibawa balik. Mengapa beliau sekarang mengatakan bahawa Jho Low ini tidak boleh dikesan? Persoalannya adalah mengapa kenyataan itu tidak dikeluarkan oleh beliau ketika itu mengarahkan supaya Jho Low tampil untuk memberi kenyataan? Apa penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya beranggapan bahawa apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Rompin tadi memadai yang mana beliau boleh menerima sekiranya ada diwujudkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menyiasat perkara ini. Bagi saya itu mungkin salah satu daripada caranya.

Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dengan izin rakyat Malaysia mahukan *closure* dalam isu ini. Kita perlu faham bahawa skandal yang maha besar dan yang maha dahsyat ini telah mengakibatkan bukan sahaja nama baik Malaysia tercemar tetapi begitu ramai daripada rakan-rakan kita yang telah dibawa ke mahkamah, yang telah dituduh, yang telah dipecat daripada jawatan-jawatan mereka sewaktu mereka di dalam UMNO. Ini adalah satu perkara yang amat menyedihkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pendang silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat kali pertama hari ini kita mendengar satu *engagement* perdebatan di antara Jawatankuasa PAC dan juga pengerusi. Saya bersetuju sangat bila Yang Berhormat Damansara dan juga Yang Berhormat Rompin, hari ini secara *consensus*, dengan izin mereka telah mencadangkan supaya *select committee* perlu dibuat.

Kami tadi disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa semua pembangkang tidak pernah membangkitkan perkara ini. Tadi dalam perdebatan ini, kita tengok dalam perdebatan ini yang berdebat – Pengerusi PAC dan juga *committee* dia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lembah Pantai, semua yang dalam ini semua *assumption* ataupun andaian. Tidak tahu secara spesifik apakah yang sebenarnya berlaku?

Jadi kami dalam ucapan yang lepas berkenaan dengan 1MDB, Titah Diraja kita telah menyentuh supaya *select committee* ini dibuat. Bermakna di dalam *select committee* ini secara *investigation forensic accounting diagnose* akan dilakukan. Di mana perbelanjaan? Siapa yang lulus? Surat tarikh bila yang diterima? Siapa yang membuat pindaan di atas surat-surat ini? Kita akan dapat mengesan.

■1920

Jadi sekarang kita hendak menyokong di antara Pengerusi PAC yang lepas dengan *committee member*, Yang Berhormat Damansara, yang bersetuju *hundred*

percent supaya diadakan *select committee*. Kemudian, bila dapat satu kaedah macam mana hendak panggil Jho Low sekarang ini, ia ada di tangan kerajaan sekarang. Silakan, gunakan. Kalaulah kerajaan terdahulu tidak menjalankan tugas mereka. Jadi kita hendak menyokong ini dan kemudian kita akan serahkan kepada satu lagi *committee* yang besar iaitu RCI sebab 1MDB ini melibatkan jumlah kewangan yang sangat besar. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, silakan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya kurang bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi bahawa kita di sebelah pembangkang tidak serius dalam menyatakan bantahan terhadap skandal 1MDB ini.

Saya ingat pada Julai 2017, apabila Kabinet waktu itu mengumumkan bahawa ditubuhkan RCI untuk menyiasat skandal kewangan era 80-an, 90-an zaman Yang Amat Berhormat Langkawi, secara tuntas Timbalan Presiden PAS waktu itu menyatakan bahawa tubuhkan juga RCI terhadap skandal 1MDB. Ini menyatakan bahawa secara jelas dan terang PAS bersama dengan apa sahaja penyiasatan yang boleh memberikan keadilan kepada apa sahaja isu yang berbangkit dalam negara kita.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya rasa isu ini melangkaui parti. *This is more than— we have to cross the aisle*, dengan izin. Kita semua mahukan satu penutupan ataupun *closure* kepada kes yang teramat besar ini. Cukuplah.

Kita mahu mereka yang terlibat sama ada dalam kehilangan besar wang ringgit rakyat Malaysia, kepada kerosakan yang telah berlaku bukan sahaja dalam negara kerana kita perlu faham dan perlu tahu wang daripada 1MDB ini didakwa telah melalui sistem-sistem kewangan di Singapura, di Switzerland, di New York, banyak negara lain pun terpalit, terkesan. *This is a global scandal*, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menegaskan sekali lagi, saya mungkin merasakan sekiranya Ketua Audit Negara sendiri terlibat dalam siasatan ini, saya tidak berapa setuju. Mungkin perlu dicari orang yang lain memandangkan beliau

tidak pernah sebelum ini sekali pun membangkitkan apa-apa dapatan dalam Audit Negara selama bertahun-tahun mengenai isu 1MDB ini.

Nampaknya, kalau disebut tadi oleh Yang Berhormat Damansara bahawa ada satu *collusion*, mungkin kita perlu siasat juga Ketua Audit Negara. Adakah jabatan tersebut ada elemen-elemen *collusion* dalam isu ini ataupun adakah institusi dan agensi yang lain juga yang terlibat. Ini adalah satu perkara yang *systemic*, dengan izin.

Maka saya dengan ini setuju dengan cadangan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Iskandar Puteri.

7.24 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Sebenarnya saya tidak bercadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Akan tetapi, oleh kerana ucapan Yang Berhormat bekas Pengerusi PAC, saya rasa ada beberapa poin yang mungkin PAC yang baharu yang akan diarahkan untuk siasat semula dengan lebih mendalam skandal 1MDB boleh ambil perhatian.

Pertama, kita tahu bahawa pada masa dahulu bekas Perdana Menteri ada kata bahawa Laporan PAC ada membersihkan beliau daripada apa kesalahan daripada skandal 1MDB. Kenapa Yang Berhormat Pengerusi PAC diam? Itu tidak benar. Saya pernah cabar muka surat mana, perenggan mana yang kata bahawa Perdana Menteri tidak bersalah. Akan tetapi, Pengerusi PAC diam. Pertama.

Kedua, kenapa selepas Laporan PAC dibentangkan di Parlimen pada April 2016, betul, sebelum US DOJ ada *kleptocratic litigation* iaitulah pada Julai 2016, kenapa PAC tidak buka semula siasatan sungguhpun ada Ahli-ahli yang cadang bahawa patutlah PAC siasat oleh kerana adalah tuduhan-tuduhan yang sangat besar dibuat?

Saya boleh baca satu perenggan sahaja, satu *paragraph* yang ada dalam US DOJ. *[Membaca petikan]*

“1MDB was ostensibly created to pursue investment and development projects for the economic benefit of Malaysia and its people, primarily relying on the issuance of various debt securities to fund these projects. However, over the course of an approximately five-year period, between approximately 2009 and at least 2014, multiple individuals, including public officials and their associates, conspired to fraudulently divert billions of dollars from 1MDB through various means, including by

defrauding foreign banks and by sending foreign wire communications in furtherance of the scheme, and thereafter, to launder the proceeds of that criminal conduct, including in and through U.S. financial institutions. The funds diverted from 1MDB were used for the personal benefit of the co-conspirators and their relatives and associates, including to purchase luxury real estate in the US and overseas, pay gambling expenses at Las Vegas casinos, acquire more than USD200 million in artwork, purchase lavish gifts for family members and associates, invest in a major New York real estate development project, and fund the production of major Hollywood films.”

Tidakkah bekas Pengerusi baca US DOJ *litigation* yang boleh dapat di *internet* dengan senang?

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Ya, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Rompin.

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Statement* telah dikeluarkan oleh timbalan saya, ahli parti Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat Kepong, bahawa *on the day that* hari Laporan PAC ini dikeluarkan, hari itu juga Timbalan Pengerusi mengeluarkan kenyataan bahawa daripada siasatan, Perdana Menteri tidak terlibat. Saya tidak perlu buat *statement*-lah sebab Timbalan Pengerusi orang lebih yakin daripada saya sebab saya parti kerajaan. DAP, Ahli Yang Berhormat daripada Kepong, timbalan pengerusi saya membuat *statement* di hari laporan ini dikeluarkan bahawa Perdana Menteri tidak terlibat. Apa lagi *statement* yang lebih meyakinkan daripada *statement* seorang Timbalan Pengerusi daripada parti DAP? Kalau saya—

Keduanya, saya kata kita tertakluk kepada protokol antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: *Can I say?*

Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Kita tidak boleh memanggil DOJ atau sebagainya oleh kerana kita tertakluk kepada protokol antarabangsa yang memerlukan kebenaran Wisma Putra, memerlukan persetujuan dan bukan semudah itu yang Yang Berhormat mengatakan bahawa— kita tertakluk kepada protokol antarabangsa.

Even Bank Negara sendiri tertakluk kepada protokol antarabangsa. Polis tertakluk kepada protokol antarabangsa. SPRM tertakluk kepada protokol antarabangsa. *Even* kerajaan hari ini. Sebab apa? Ia tidak boleh mengesahkan kerana ia tertakluk

kepada protokol antarabangsa. Sebab itulah polis, SPRM, Bank Negara tidak boleh mengesahkan hari ini kerana ia tertakluk kepada protokol antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Terima kasih. Bekas Timbalan Pengerusi PAC dan Ahli Parlimen DAP, dia ada buat penjelasan bahawa ini bukan apa yang dia maksudkan dan ini hanya khayalan.

Akan tetapi, sebagai Pengerusi PAC, mesti tahu ini tidak benar bahawa Laporan PAC tidak ada membersihkan atau kata bahawa bekas Perdana Menteri tidak bersalah oleh kerana ini bukan dalam bidang kuasa dalam skop siasatan PAC dan ini mustahak.

■1930

Apa yang saya mahu jelaskan ialah bukan sahaja US, di Singapura, di Switzerland banyak bukti kenapa sebagai seorang yang taat setia dan cintakan negara, sebagai Ahli Parlimen saya kata, saya pernah menjadi Ahli Parlimen semenjak tahun 1969, saya tidak pernah rasa lebih malu menjadi Ahli Parlimen ke-13 oleh sebab kita tutup perkara 1MDB. Kita dicatat sebagai, di hina di dunia sebagai *global kleptocracy* dan Ahli-ahli Parlimen dalam *13th Parliament* mereka buat satu pengkhianatan. Pada hemat saya tidak mahu siasat, mahu soalkan kenapa boleh berlaku skandal 1MDB. Poin yang terakhir...

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bharu]: Boleh mohon mencelah.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Saya harap bahawa Yang Berhormat daripada Pekan boleh kata, boleh tawarkan dia akan sendiri menjadi saksi kepada PAC dan akan menghadapi segala soalan-soalan dalam siasatan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Johor Bharu minta penjelasan. Yang Berhormat Johor Bharu.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bharu]: Boleh tidak celah sikit sahaja tadi. Yang Berhormat Iskandar Puteri saya hendak celah sedikit sebelum Yang Berhormat Iskandar Puteri habis tadi. Ada dua minit lagi. Oleh sebab yang disebut-sebut bahawa bertapa susahnya hendak kejar penjenayah daripada luar negara dan sebagainya yang di luar negara, apakah pandangan Yang Berhormat Iskandar Puteri untuk kita panggil Yang Berhormat Pekan hadir PAC yang baru ini. Itu yang pertama.

Kedua pandangan Yang Berhormat Iskandar Puteri juga sama ada Yang Berhormat Iskandar Puteri bersetuju untuk PAC kali ini sebab ada pihak PAS kata dia pun bingung tidak jelas sebelum ini dan sebagainya, boleh tidak kita buat secara terbuka

dan cadangkan kepada Dewan supaya PAC yang akan datang ini kita buat secara terbuka.

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]: Pertama saya bersetuju. Sebenarnya tadi saya ada kata, cadang bahawa Yang Berhormat daripada Pekan *volunteer* sebagai saksi dalam PAC. Kedua saya setuju bahawa siasatan PAC mengenai skandal 1MDB dibuka dan mungkin kita boleh buat satu pindaan kepada usul ini untuk siasatan ini dibukakan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa tidak mengizinkan kita ambil seorang lagi pembahas iaitu Yang Berhormat Ketereh kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

7.32 mlm.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya pendek sahaja. Pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri yang membawa usul ini dan usul ini harus di sokong. Peranan kita sebagai wakil-wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini kita hanya berminat untuk mencari kebenaran. Kita tidak harus melindungi ataupun menyembunyikan apa-apa. Sekiranya kita berbuat demikian, kita bercanggah dengan sumpah dan ikrar yang kita lafazkan setiap awal penggal setelah kita dilantik.

Barangkali Allah SWT mentakdirkan perkara ini begitu lama dibincangkan sewaktu pentadbiran yang dahulu, yang telah menguruskan perkara ini berdasarkan kepada apa yang terbaik difikirkan oleh pentadbir pada masa itu. Kita melalui pilihan raya, isu ini adalah satu daripada isu yang begitu banyak sekali diperkatakan malah rakyat mungkin telah letih mendengar celotehan kita daripada kedua-dua pihak. Maka dengan takdir Allah SWT kita ada satu kerajaan yang baru. Maka kerajaan yang baru ini harus diberi peluang seluas-luasnya untuk merungkakan perkara ini dan mencari suatu kebenaran demi kepentingan rakyat, demi kepentingan negara. Apa yang kita mahu tahu hanyalah kebenaran.

Saya berharap kerajaan jangan berlengah, kerajaan jangan berlengah kerana dijangkakan perkara ini akan dapat dibereskan oleh kerajaan lebih awal. Esok sudah genap 100 hari, belum ada lagi sebarang pendakwaan yang khusus atas kes-kes 1MDB, masih lagi kita berpolemik. Jadi saya pertama menyokong usul ini Tuan Yang di-Pertua. Keduanya saya harap kerajaan menyegerakan dan bagi PAC yang akan bersidang

nanti, kalau patut buat terbuka saya sokong, buat terbuka, biar rakyat semua melihat dan mengikutinya. [Tepuk]

Saya harap tidak akan berulang seperti mana apa yang kita saksikan hari ini. Ahli-ahli PAC bertelagah hanya setelah laporan PAC telah pun dibentangkan. Sebenarnya tidak manis. Tiap-tiap Ahli-ahli PAC, sewaktu laporan dibentangkan dalam Dewan ini, kita sebahagian daripada wakil rakyat yang ada dalam Dewan hari ini bukan pun anggota kepada Parlimen Ketiga Belas, mereka terpinga-pinga. Kami pula yang menjadi anggota Parlimen Ketiga Belas yang lalu tidak pula mendengar *argument-argument* seperti mana pada hari ini. Perkara begini jangan berulang.

Ini kerana bila kita membentuk PAC, PAC itu bertanggungjawab kepada Parlimen. Apa juga yang ditemui dalam PAC dan anggota-anggota PAC mestilah dibincangkan dalam Dewan pada ketika itu. Hari ini bukan satu contoh yang baik walaupun kita mungkin hendak bersifat jadi lebih hero daripada yang sepatutnya tetapi tidak manis kepada Dewan Parlimen ini bagi Ahli-ahli PAC yang bertelagah ataupun mengeluarkan *fact* dalam satu penggal yang berbeza dengan penggal yang terdahulu kerana PAC yang terdahulu bertanggungjawab pada Dewan yang dulu bukan Dewan yang hari ini. Jadi Dewan hari ini kita telah membentuk satu PAC yang baru dan kebetulan pengerusinya pula adalah daripada pembangkang.

Saya berharap dan saya merayu kepada PAC yang baru, jalankan tanggungjawab anda dengan penuh rasa tanggungjawab. Panggil siapa sahaja yang harus dipanggil. Kalau sidang itu patut secara terbuka, buka sehingga kita mendapat satu *closure* macam yang disebut oleh apa tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Lembah Pantai kerana ini adalah soal *national interest* dan benda yang sudah menjadi pemerhatian orang kata bukan sahaja dalam negara dan luar negara kita mahu mencari kebenaran. Jadi saya tidak mahu mengambil masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan saya harap PAC akan dapat segera bersidang. Apa yang penting jaga *rule of law*, jaga *ethic*, peraturan dan segala apa yang sepatutnya kita laksanakan. Saya menyokong usul ini. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sekarang saya ingin jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Maaf Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua pohon untuk sedikit penjelasan dalam masa dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Memandangkan kedua-dua pihak dari sini dan sebelah sana bersetuju bahawa untuk prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang akan dibuka untuk menurut usul yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan ini tetapi dari segi peraturan tetap kita ada satu batasan di Peraturan Tetap 85 yang mana menyatakan bahawa keterangan yang diambil di hadapan sebuah Jawatankuasa Pilihan tidak boleh disiarkan oleh siapa-siapa Ahli Jawatankuasa dan sebagainya.

So maka dengan itu, ini mungkin merupakan satu batasan yang mana cara prosiding Jawatankuasa ini tidak dapat dibuka maka saya ingin memohon satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua untuk *suspend* kan Perintah Tetap 85 ini untuk tujuan usul ini.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan. Yang Berhormat daripada Ipoh Timur merujuk kepada *Select Committee* untuk membicarakan saya dengan Yang Berhormat Petaling Jaya ataupun PAC itu.

Tuan Yang di-Pertua: Usul, usul.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Usul, usul Menteri.

Beberapa Ahli: Usul Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berhubung...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya masih...

Tuan Yang di-Pertua: Berhubung dengan Aturan 85...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: 85 apa?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Rompin jangan takut.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak, tidak saya tidak takut. Oleh sebab itu saya suruh bawa ke *Select Committee* sama ada saya benar ataupun Yang Berhormat Damansara yang benar. Ini ada dua isu, satu PAC secara terbuka. Saya mahu *Select Committee*, adakah *Select Committee* juga itu Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua setujukah *Select Committee* saya...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, bukan. Isunya, isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ialah memandangkan wujud Aturan 85, apa-apa prosiding dalam PAC tidak boleh dijadikan prosiding umum.

■1940

Jadi beliau memohon supaya saya sebagai Tuan Yang di-Pertua mengantungkan peraturan itu. Akan tetapi saya ingat saya tidak mempunyai kuasa. Lebih baik kalau PAC yang sudah tertubuh bersidang, bermesyuarat dan mengambil suatu pendirian dikembalikan kepada Majlis. Itu cara yang betul. Jadi, kita seharusnya mendengar Yang Berhormat Menteri menjawab. Selepas itu, kita undi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

7.40 mlm.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Damansara, Yang Berhormat Iskandar Puteri, Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat Ketereh yang telah berbahas untuk menyokong kecuali Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sokong, saya sokong.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, baik. Terima kasih. Memang semua telah sokong sebulat suara usul yang dibawa oleh pihak kerajaan supaya Ketua Audit Negara dan PAC menyiasat semula penyelewengan dan skandal 1MDB dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya supaya maruah Dewan ini dapat dipulihkan dan bahawa maklumat-maklumat ini didedahkan kepada umum.

Saya rasa ini amat perlu. Ini kerana mahu tidak mahu, suka tidak suka kita kena akui apa yang berlaku sebelum ini tidaklah menggambarkan kedudukan yang sebenarnya tentang skandal 1MDB. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin yang meminta saya mendedahkan surat daripada Bank Negara ini, saya tidak boleh berbuat demikian tanpa kelulusan daripada Bank Negara dan juga daripada pihak berkenaan.

Seperti yang sedia dimaklumkan, surat ini adalah daripada Timbalan Gabenor pada masa itu. Sememangnya apa yang disebutkan semua jelas, isi kandungannya semua jelas iaitu apa yang saya nyatakan dalam ucapan saya tadi. So, tadi cabaran daripada Yang Berhormat Rompin saya rasa tidak berasas kerana sememangnya Yang Berhormat Rompin akan ingat isi kandungan surat yang diberikan oleh Bank Negara siapa sebenarnya pemilik *Good Star*.

Saya tahu dan saya rasa Yang Berhormat Rompin tahu siapa sebenarnya *beneficial owner* dengan izin syarikat tersebut yang menerima USD1 bilion daripada 1MDB.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya mencelah. Saya rasa oleh sebab *statement* Yang Berhormat Menteri tidak begitu jelas, *statement* Yang Berhormat Damansara tidak begitu jelas. Yang Berhormat Menteri kata saya tahu. Saya kata Bank Negara pun kata dia tidak boleh mengesahkan [*Tidak jelas*] sedangkan Yang Berhormat Menteri kata tahu. Saya minta Yang Berhormat Menteri juga dibawa kepada *select committee* sama ada Yang Berhormat Menteri cakap itu betul atau tidak betul. Sama ada surat saya cakap betul ataupun Yang Berhormat Menteri betul oleh sebab saya tetap berpendirian bahawa Bank Negara tidak boleh mengesahkan *Good Star* itu adalah milik Jho Low. Ini supaya ia adil kepada saya, adil kepada Yang Berhormat Menteri, adil kepada Yang Berhormat Damansara. Yang Berhormat Menteri juga harus dibawa kepada *select committee* supaya... [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak ia tidak akan berkesudahan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini akan diputuskan oleh siasatan PAC. Siasatan PAC tentang perkara ini. Waktu itu, kalau PAC hendak bagi sesiapa ini tidak jadi masalah tentang skandal ini. Ini termasuk pihak-pihak yang berkaitan. So, di sini saya rasa bukan sahaja Ketua Audit Negara tetapi PAC yang baru akan menjalankan siasatan supaya ia mendedahkan apa yang benar, bukan menutup apa yang benar. Ini supaya kita boleh dapat satu penutupan bukan sahaja untuk Dewan yang mulia ini tetapi untuk negara.

Ini kerana sudah sampai masanya kita ada satu penutupan supaya apa yang kita rugi, apa yang kita kehilangan sampai RM50 bilion, kita hilang selama 20 tahun. Ini kita dapat uruskan dan kita dapat maju ke depan. Ini kerana kalau kita terus dibelenggu dengan skandal 1MDB, kita tidak boleh bebaskan diri daripada kancah rasuah dan juga satu imej yang begitu buruk sekali iaitu *kleptocracy at its worst* dengan izin di seluruh dunia. Sila.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya mendengar jawapan-jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan sejak dia mula menjadi Yang Berhormat Menteri di Dewan ini. Saya meneliti, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak akan menjawab soalan yang kita tanya tetapi dia lebih kepada politik.

Dia tidak akan menjawab. Saya meneliti secara terperinci. Tidak memberi arah ke mana negara ini dia hendak bawa. Dia akan berpolitik tentang isu-isu. Suruh disiasat berhubung beberapa perkara itu, dia tidak akan jawab. Dia akan mengalih kepada politik. Itu yang saya nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat elok kalau kita tumpukan kepada usul.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yalah, apa saya tanya pun dia tidak boleh hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat silakan Yang Berhormat Menteri menggulung.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, untuk fahaman saya semasa saya jadi ahli PAC. Saya pun pernah jadi ahli PAC tiga penggal. Semasa itu pengerusi kalau membuat sesuatu keputusan lain daripada apa yang diputuskan dalam PAC, beliau akan mendapat restu daripada ahli-ahli PAC.

Tidak boleh seorang secara sesuka hati menukar keputusan yang dibuat oleh PAC. So, apa yang saya dengar tadi kerana saya bukan PAC pada penggal lepas. Akan tetapi, apa yang saya dengar tadi adalah sesuatu yang luar biasa iaitu PAC telah buat satu keputusan. Selepas itu, pengerusi telah sesuka hati buat perubahan. Mungkin ada asas. Itu saya tidak tahu.

Akan tetapi sekiranya ada asas, perlu buat satu mesyuarat baru untuk memaklumkan kepada PAC inilah kedudukan dan lihat atau tengok sama ada mesyuarat setuju atau tidak setuju. Saya tidak mahu berbincang panjang tentang perkara ini kerana balik-balik, anda tidak bersetuju.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ini melibatkan maruah saya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat duduk. Ya, ini laluan saya. Sila duduk.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya minta *select committee* panggil Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya sudah berikan peluang yang mencukupi untuk kedua belah pihak berbahas.

Tuan Lim Guan Eng: So, di sini biarlah ia diputuskan oleh siasatan PAC yang baru. Akan tetapi dari segi prosedur memang jelas sekali Yang Berhormat Rompin semasa menjadi pengerusi telah tidak mengikut peraturan yang sewajarnya. Ini memang sudah salah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak betul, tidak betul. Biar *select committee* buat keputusan sama ada saya benar atau Yang Berhormat Menteri yang benar.

Tuan Lim Guan Eng: Biar ia diputuskan oleh PAC yang baru. Saya rasa...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bukan PAC, bukan PAC.

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah. Duduklah. Saya sedang jawab.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sebab *statement* Yang Berhormat Menteri melibatkan maruah saya. *Select committee* bawa sama ada saya betul atau...

Tuan Lim Guan Eng: Maruah individu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menggulung.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan sahaja maruah individu. Itu adalah maruah negara, lebih besar daripada itu. Biar ia diputuskan oleh PAC siapa salah, siapa benar. Siapa yang berusaha untuk menutup skandal yang menyebabkan kerugian RM50 bilion. Itu perkara besar. Saya harap Yang Berhormat Rompin faham yang kita tujukan ialah terhadap pesalah utama 1MDB.

Saya tidak mahu berbahas berpanjangan tentang peranan anda. Ini kerana peranan anda— ya, minta maaf. *Inconsequential* iaitu mungkin salah satu pihak yang tidak mahu kebenaran didedahkan, itu terpulang kepada PAC baru untuk tentukan. Akan tetapi, yang penting ialah rakyat hendak tahu, bukan anda. Mungkin peranan anda seperti Yang Berhormat Damansara sebut tidak puas hati bahawa telah bersubahat untuk menutup apa yang sebenarnya harus didedahkan.

Akan tetapi, itu perkara kecil. Perkara besar ialah apakah kebenaran dalam skandal 1MDB yang seharusnya dapat diketahui umum tetapi tidak dibenarkan didedahkan. Itulah sebabnya PAC yang baru dalam Parlimen yang baru haruslah memberikan satu pendedahan baru kepada rakyat Malaysia. Itulah maksud usul yang kita bentangkan.

Ini kerana sudah lama Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama perkara ini bukan sahaja dibangkit dan bukan sahaja dibahaskan, bukan sahaja dibicarakan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Minta pencelahan.

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi, sudah lama kita hendak tahu apa yang sebenarnya yang berlaku termasuk RM2.6 bilion dapat daripada seorang penderma daripada Arab Saudi kononnya RM2.6 bilion.

■1950

Wang daripada mana, telah pun dinyatakan dengan jelas dalam Laporan DOJ. Boleh lihat itu *money trail* dan lepas itu dinyatakan atau didakwa telah dikembalikan. Dikembalikan kepada siapa? *Unknown*. Siapa lepas itu menggunakan wang ini? Adakah ini dipulangkan? Ini semua perkara penting dan ia harus disiasat semula dengan kebebasan yang diberikan oleh kerajaan baharu supaya kita tahu apa yang benar, apa yang sebaliknya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Menteri, sikit.

Tuan Lim Guan Eng: Silalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Silakan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan bahawa PAS juga sangat mengalu-alukan dan menyokong usul yang dibentangkan oleh Menteri ini kerana ia melibatkan *public interest*. Dalam peluang ini, saya juga ingin menanyakan kepada Menteri, apa status RCI yang diumumkan oleh Kabinet untuk juga menyiasat skandal perniagaan mata wang asing (*forex*) pada era 80an – 90an yang juga ini menjadi persoalan yang timbul di kalangan masyarakat yang perlu dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar topik sikit saya ingat ya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ada perkaitan sebab ini kepentingan awam. Minta status apa yang diumumkan oleh Kabinet.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat sudah keluar tajuklah, tak relevan tentang apa yang kita bincangkan ini. So, di sini saya kait dengan...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah. Saya sudah jawab.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya hanya mahu tahu status sebab waktu itu, Yang Berhormat Pandan yang juga sebagai ketua pembangkang mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa ini.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, sila duduk. Ini luar tajuk. Apa yang saya sebut ialah tentang skandal 1MDB. Kalau nak sebut tentang skandal-skandal lain, ada tempat dan ada masanya. Saya harap Yang Berhormat boleh hormati Peraturan Mesyuarat. Tak apalah, saya tahu Yang Berhormat baru. Kita bagi kelonggaran. Apa yang penting ialah apa yang kita...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya rasa masih lagi dalam kerangka *public interest*.

Tuan Lim Guan Eng: ...nak tahu di sini- Saya nak tahu di sini...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat jawab sahaja. Jawab, jawab.

Tuan Lim Guan Eng: ...sama ada apabila kita ada sokongan sebulat suara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita membincangkan usul yang ada di dalam kertas ini, bukan usul RCI itu. Silakan. Terus, terus.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So, bila kita nak tahu sesuatu keputusan akhir supaya perkara ini tidak akan tergantung di situ. Tadi Yang Berhormat Rompin sudah sebut mengapa tidak ada pendakwaan ke atas 1MDB, ke atas pihak yang bertanggungjawab. Tunggulah, sabarlah sikit. Proses perundangan tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa ataupun terburu-buru. Oleh kerana ini akan mencacatkan proses perundangan dan bukanlah saya yang jawab. Ini diserahkan kepada Peguam Negara dan saya tidak akan campur tangan dalam hal ini kerana itu kuasa Peguam Negara. Dakwaan ini saya rasa akan dijawab apabila ia menjadi sesuatu realiti. So, di sini kita lihat semua bukti yang sedia ada. Biar ia diuruskan.

Akan tetapi pada masa yang sama, penting ialah maruah Parlimen tidak tercemar. Oleh kerana apabila ada satu siasatan di mana laporan Parlimen dulu yang keluar, memang kita lihat cacat. Cacat sama sekali. Ia harus diperbetulkan dan saya menghargai sokongan daripada semua Ahli Parlimen, sungguhpun daripada parti berlainan. Akhirnya, kita boleh sebulat suara bersetuju tentang usul ini yang sebelum ini tidak dipersetujui oleh pihak sebelah sana. Akan tetapi akhirnya dipersetujui dan hanya boleh dilakukan apabila ada perubahan kuasa. Saya nak ucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia yang berani buat perubahan [*Tepuk*] supaya kita boleh cari kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 hendaklah disetujui.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai usul Nombor 5 dalam Aturan Mesyuarat, saya ada sikit pemakluman Yang di-Pertua. Mengikut Peraturan Mesyuarat 100, saya telah menerima permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan supaya usul Yang Berhormat Menteri di Nombor 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan ke Mesyuarat akan datang. Oleh kerana difahamkan Yang Berhormat Kinabatangan telah bersetuju untuk meminta maaf atas keterlanjuran beliau menggunakan kata-kata kurang sopan ketika sesi perbincangan pada hari Selasa, 7 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Kinabatangan telah memohon kebenaran untuk meninggalkan Majlis Mesyuarat atas urusan yang mendesak dan berjanji akan membuat permohonan maaf secara terbuka di dalam Dewan pada Mesyuarat akan datang. *[Tepuk]*

Jadi, tinggal usul yang keenam. Mohon Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mencadangkan.

USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 86(5)

PENYATA JAWATANKUASA DEWAN

7.56 mlm.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.6 tahun 2018 hendaklah diterima dan dipersetujui.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ada bahas?

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, di bawah Perkara 6 hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di

dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.6 tahun 2018 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi akhir kata, saya ada sedikit nota penutup daripada Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat belas 2018 telah berlangsung selama 20 hari, mulai dari hari Isnin, 16 Julai 2018 hingga hari Khamis, 16 Ogos 2018. Seperti mana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persidangan ini merupakan persidangan yang pertama selepas Pilihan Raya Umum Keempat Belas. Persidangan Parlimen Keempat Belas ini telah menempa sejarah dalam kancah demokrasi negara kita kerana peralihan kuasa yang berlaku buat kali pertama dalam keadaan yang penuh aman dan harmoni. *[Dewan tepuk]*

Ini membuktikan kematangan Ahli-ahli Parlimen dalam mengurus kepelbagaian yang wujud di dalam negara kita dengan cara yang tertib dan mengekalkan keamanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua dan mewakili kedua-dua timbalan saya, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan sepanjang tempoh 20 hari ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah haji kepada mereka yang akan menunaikan haji dan Selamat Hari Raya Aidiladha yang akan menjelang pada 22 Ogos 2018 serta selamat menyambung Hari Kebangsaan Ke-61 pada 31 Ogos 2018 ini.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan kepada semua, selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sihat walafiat di samping keluarga tersayang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan selamat malam.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam]